

POLITIK — DAN — RAJA

CHAMIL WARIYA



KUALA LUMPUR
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1992

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
19-25, Jalan Kuchai Lama
58200 Kuala Lumpur
© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1992
ISBN 967 65 1906 5

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk
atau dengan sebarang cara, baik dengan cara
elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman
dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu
daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

m
324 2595
C HA

585317
APB

*Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan Direct Art Sdn. Bhd., Kuala Lumpur*

29 APR. 1992
Perpustakaan Negara
Malaysia

PENDAHULUAN

BUKU ini ditulis untuk meninjau perkembangan raja berperlembagaan dan peranannya di negara ini yang telah diinstitusikan apabila mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Tinjauan ini dirasakan perlu memikirkan kedudukan raja berperlembagaan di negara ini diperkatakan dari masa ke masa. Kali terakhir ia diperkatakan ialah dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1990. Isu raja dan politik dibahaskan secara terbuka dalam perhimpunan itu. Bagaimanapun kerana institusi kesultanan kita mempunyai sejarah yang agak lama, maka perkara itu juga akan dibincangkan secara sepintas lalu. Ini dikira penting sebagai maklumat latar belakang. Siapa juga yang mengikuti sejarah kesultanan Melayu dari dekat akan mendapati bahawa raja-raja Melayu pernah melalui era yang gilang-gemilang terutama pada zaman empayar Melaka dan juga pernah mengalami era kemerosotan selepas itu.

Hakisan kuasa raja-raja Melayu amat jelas selepas kedatangan penjajah British. Dengan cara yang amat bijaksana, penjajah telah mengambil alih kuasa raja dan menghadkan fungsi sultan-sultan Melayu pada soal-soal agama dan adat istiadat Melayu. Kuasa memerintah diambil alih oleh residen atau penasihat. Dengan memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946 selepas British kembali berkuasa setelah Perang Dunia Kedua berakhir, apa juga kuasa yang ada telah dirampas sama sekali daripada tangan raja-raja Melayu. Nasionalis Melayu melihat tindakan penjajah itu tidak dapat ditoleransi lagi. Sebabnya sultan-sultan Melayu selama ini dianggap sebagai tonggak kuasa bangsa Melayu.

Dengan hilangnya kuasa raja, bermakna lesaplah kuasa Melayu. Lalu mereka bangun menentang projek Malayan Union untuk mendapatkan semula kuasa raja yang telah dipindahkan ke tangan raja British, yang dikuatkuasakan oleh seorang gubernor. UMNO ditubuhkan untuk memperjuangkan cita-cita itu. Perjuangan itu berjaya. Kedudukan raja-raja Melayu berjaya diselamatkan, tetapi tidaklah dalam bentuk sebelumnya, Malayan Union digantikan oleh Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Sistem politik itu kemudian menjadi asas Tanah Melayu yang merdeka dengan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Memanglah mudah untuk mengaitkan kedatangan penjajah British ke negara ini dengan hakisan kuasa raja-raja Melayu. Tatkala ini kelihatan benar, tetapi ia adalah satu pandangan yang simplistik. Jika diamati, hakisan kuasa di kalangan raja-raja Melayu sebenarnya sudah bermula lama sebelum kedatangan penjajah. Pada beberapa tahun terakhir kesultanan Melayu Melaka, kuasa dan kedudukan raja Melayu sebenarnya sudah dipersoalkan. Sekalipun tidak ada gerakan serius rakyat menganjurkan satu revolusi, era kegemilangan kesultanan Melayu sebenarnya sudah berada di penghujung jalan. Kerana tidak ada kesepakatan antara raja dan rakyat, empayar Melaka yang beberapa dekad sebelum itu begitu agung dan dihormati, menjadi lemah. Akibatnya dengan mudah Portugis menewaskaninya. Selepas itu Melaka khususnya dan negeri-negeri Melayu yang lain bertukar tangan antara satu penjajah kepada satu penjajah yang lain: Portugis diikuti oleh Belanda, dan kemudian dikuasai sepenuhnya oleh British. Perpecahan dalam, perebutan kuasa dan singgahsana telah membolehkan raja-raja Melayu dipecah dan perintah. Mereka dengan mudah diadudombakan sehingga mereka akhirnya berada di bawah telunjuk penjajah.

Kedudukan institusi kesultanan Melayu yang menyediakan itu bagaimanapun telah dipulihkan selepas negara ini merdeka.

PENDAHULUAN

Kedudukan yang tinggi, mulia dan istimewa diberikan, tetapi dengan satu pengorbanan: kuasa yang berada dalam genggaman mereka telah diserahkan kepada rakyat. Rakyatlah yang berkuasa bukan lagi raja. Secara ringkasnya itulah maksud raja berperlembagaan. Rakyat mengambil alih kuasa melalui pilihanraya yang diadakan bagi tempoh tertentu, biasanya setiap lima tahun sekali. Kerajaan rakyat boleh ditukar ganti sedangkan kedudukan raja tidak.

*Kuala Lumpur
Oktober 1991*

CHAMIL WARIYA

ISI

<i>Pendahuluan</i>	v
1 HAKISAN KUASA PADA ZAMAN BRITISH	1
2 UMNO SELAMATKAN RAJA DAN SISTEM RAJA	9
3 RAJA BERPERLEMBAGAAN	17
4 KRISIS RAJA-RAKYAT 1983	32
5 POLITIK DAN RAJA	39
6 ANTARA RAKYAT DAN RAJA	48
7 MASA DEPAN RAJA	110

HAKISAN KUASA PADA ZAMAN BRITISH

KEDUDUKAN pemerintahan raja berperlembagaan dalam konteks demokrasi berparlimen di negara ini sejak merdeka hingga sekarang adalah terjamin. Bidang kuasanya *vis a vis* kuasa rakyat adalah jelas. Statusnya tinggi dan mulia. Terima kasih kepada UMNO, kedudukan raja-raja Melayu yang agak terumbang-ambing setelah negara yang dijajah British berjaya dipulihkan, tetapi tidak dalam bentuk asalnya sebagai pemerintahan monarki mutlak. Zaman pemerintahan begitu sudah berlalu. Sebabnya sebelum kedudukan raja dipulihkan pada tahap yang sedia ada, kuasa raja-raja Melayu telah mengalami hakisan yang hampir-hampir membawa kemusnahan pada institusi itu sendiri.

Sekiranya UMNO tidak menentang pembentukan Malayan Union, tajaan penjajah British setelah kembali semula berkuasa selepas Perang Dunia Kedua berakhir, pemerintahan beraja mungkin sudah tidak ada lagi. Malah ketika Jepun menduduki Tanah Melayu semasa perang itu, kedudukan raja-raja Melayu diiktiraf tidak lebih sebagai ketua agama sahaja. Selepas British kembali dan memperkenalkan *British Military Administration* (BMA), langkah pertama yang diambilnya ialah untuk menghukum raja-raja Melayu yang telah bekerjasama dengan Jepun.

Malah jika mahu, London sebenarnya boleh menghapuskan sama sekali pemerintahan beraja. Bagaimanapun tindakan demikian tidak dilakukan. Di bawah Malayan Union, British merancang mengekalkan raja-raja Melayu di bawah telunjuk

British. Kuasa raja akan diambil alih oleh London. Raja-raja akan hanya bertanggungjawab terhadap agama dan adat istiadat Melayu. Kedudukannya samalah dengan penghulu.

Hakisan kuasa raja di bawah Malayan Union adalah kemuncak pada pengurangan autoriti raja-raja Melayu sejak negara ini mula dijajah oleh Portugis pada tahun 1511, Belanda pada tahun 1641 dan British pada tahun 1786 (mula bertapak di Pulau Pinang dan menguasai Tanah Melayu sepenuhnya sekitar tahun 1900).

Untuk memahami bagaimana hakisan itu berlaku, kita perlu tinjau sepintas lalu era kegemilangan raja Melayu dan signifikannya terhadap kedudukan raja itu sendiri. Kemudian, kita akan tinjau pula hakisan kuasa yang berlaku pada zaman British yang hampir-hampir melenyapkan institusi raja itu sendiri.

Kegemilangan Raja Melayu Berakhir

Era kegemilangan pemerintahan raja Melayu biasanya merujuk kepada empayar kesultanan Melaka yang tegak mulai sekitar tahun 1400 hingga tahun 1511. Selama lebih 100 tahun, sultan-sultan yang memerintah Melaka mempunyai kedudukan yang tidak tercabar. Sultan yang memerintah mempunyai kuasa mutlak. Kuasa eksekutif, legislatif dan kehakiman berada dalam genggaman sultan. Sultan tidak berkongsi kuasa dengan rakyat. Jika pun ada, perkongsian adalah terlalu minimum.

Sultan yang memerintah mempunyai kedaulatan yang tidak berani dipertikaikan oleh sesiapa pun. Kesetiaan rakyat terhadap sistem monarki mutlak itu juga tidak berbelah bagi. Penderhakaan jarang-jarang kedengaran. Hitam kata sultan, hitamlah kata rakyat. Putih kata baginda, putihlah. Perintah sultan tidak pernah dibantah atau dipersoalkan seperti yang jelas kelihatan dalam peristiwa penghukuman ke atas Hang Tuah.

Kedudukan kesultanan Melayu Melaka bukan sahaja tidak dipertikaikan oleh rakyat, tetapi juga oleh negara-negara asing

yang berurusan dengannya. Sultan mempunyai tanggungjawab penuh menjaga kebajikan rakyat dan berurus dengan negara-negara luar yang mempunyai kepentingan dengan Melaka. China, kuasa besar Asia pada zaman itu mengiktiraf Melaka. Begitu juga halnya dengan kuasa-kuasa Barat.

Tetapi era kegemilangan itu berakhir pada tahun 1511 apabila Melaka berjaya ditundukkan oleh penjajah Portugis. Kesultanan Melayu Melaka tidak berkubur serta-merta. Sultan terakhirnya, Sultan Mahmud berpindah ke Johor dan waris baginda mengasaskan kerajaan Melayu Johor, Perak dan Pahang. Penaklukan Melaka itu bagaimanapun adalah bukti jelas berakhirnya satu kegemilangan.

Ini kerana empayar-empayar Melayu, jika masih boleh disebut empayar, selepas kejatuhan Melaka, tidaklah sehebat mana. Perbalahan sesama sendiri telah melemahkan kedudukan institusi itu. Sekalipun konsep pemerintahan monarki mutlak diterima oleh rakyat, tetapi kelemahan pada sistem yang ada telah membolehkan negeri-negeri Melayu diadu domba oleh kuasa-kuasa asing. Kedatangan penjajah tidak dapat dihalangi. Negeri-negeri Melayu di utara, iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis pula berada di bawah kuasa Siam. Kuasa untuk memerintah secara mutlak, sebenarnya sudah mula terhakis.

Bermulanya Penjajahan British

Hakisan kuasa itu semakin nyata selepas penjajah British bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1786 setelah memperdayakan Sultan Kedah dengan muslihat pecah dan perintah penjajah. Sultan Kedah yang pada waktu itu berdepan dengan ancaman Siam bersetuju menyerahkan pulau itu kepada Francis Light. Apabila Siam benar-benar menyerang Kedah, perlindungan yang diharapkan tidak diberi sehingga Sultan Kedah sendiri terpaksa mencari perlindungan di Pulau

Pinang. Tetapi tidak ada apa yang boleh dibuat untuk mendapatkan semula pulau itu. Sebaliknya kebijaksanaan British telah membolehkannya menguasai sebahagian Seberang Perai yang diberi nama baru, iaitu Province Wellesly. Sultan Kedah tidak boleh berbuat apa-apa kecuali memberikan persetujuan baginda.

Dari Pulau Pinang, British berjaya pula bertapak di Singapura pada tahun 1819. Sekali lagi, kejayaan ini dicapai dengan bantuan sultan sendiri. Ketika itu berlaku rebutan takhta antara Tunku Hussein dan kakandanya yang telah diiktiraf sebagai sultan oleh Belanda. Stamford Raffles bagaimanapun tidak mahu mengiktirafnya sebagai sultan. Dia mengiktiraf Tunku Hussein. Sebagai penghargaan, Sultan Hussein menyerahkan Singapura kepada British. Melalui satu perjanjian dengan Belanda pada tahun 1824, British menguasai Melaka. Kedua-dua kuasa besar bersetuju untuk menetapkan lingkungan pengaruh masing-masing ke atas gugusan pulau-pulau Melayu. Semenanjung Tanah Melayu diletakkan di bawah lingkungan pengaruh British manakala seluruh kepulauan Indonesia di bawah lingkungan pengaruh Belanda. Pada 1830, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka disatukan di bawah satu pentadbiran yang dikenal sebagai Negeri-negeri Selat dengan Singapura sebagai pusat pentadbirannya.

Sejak itu bermulalah usaha untuk menguasai seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Sekali lagi perbalahan di kalangan waris-waris takhta Melayu telah membolehkan British campur tangan. Pada mulanya di Perak, melalui Perjanjian Pangkor 1874, dari situ ke Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Keempat-empat negeri itu pada 1896 disatukan menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) dengan Kuala Lumpur menjadi ibu negeri Negeri-negeri Melayu Bersekutu itu.

Pada tahun 1909 pula melalui perjanjian British dengan Siam, Bangkok bersetuju untuk menyerahkan naungan negeri-

negeri Melayu di utara, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada British tanpa merundingi raja-raja Melayu itu terlebih dahulu. Negeri-negeri itu bersama Johor kemudian disatukan di bawah satu pentadbiran dikenal sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Unfederated Malay States). Apabila perang dunia meletus pada 1939, penjajah British sudah sepenuhnya menguasai Semenanjung Tanah Melayu, tetapi dengan tiga pentadbiran yang berasingan—Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Usaha untuk menyatukan 11 buah negeri Melayu itu menjadi satu unit politik hanya dimulakan selepas British kembali berkuasa selepas perang tamat dan penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu berakhir. Pada mulanya seluruh Tanah Melayu diletakkan di bawah pemerintahan tentera yang dikenal sebagai BMA, kemudian menjadi Malayan Union untuk sementara sebelum menjadi Persekutuan Tanah Melayu.

Hakisan Kuasa Zaman British

Apabila British menguasai negeri-negeri Melayu, kuasa penjajah itu tidak membiarkan raja-raja Melayu mempunyai kuasa mutlak seperti pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Sebaliknya syarat bagi campur tangan British ialah sultan-sultan Melayu mesti menyerahkan kuasa mentadbirkan negeri kepada mereka. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, setiap sultan diwajibkan menerima seorang Residen British; manakala di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, seorang penasihat ditempatkan. Pada tangan residen dan penasihat ini kuasa-kuasa memerintah negeri terpaksa diserahkan.

Di bawah sistem itu, sultan-sultan Melayu hanya mempunyai kuasa ke atas hal-hal Islam dan adat resam Melayu. Kuasa eksekutif dan legislatif dalam bidang-bidang lain yang lebih penting telah diserahkan kepada residen dan penasihat.

Begitu teruk keadaannya sehingga para pemerhati politik waktu itu menyimpulkan bahawa yang menjadi sultan bagi negeri-negeri Melayu itu sebenarnya para residen dan penasihat itu sendiri. Sebabnya, dalam perjanjian dengan sultan-sultan Melayu itu telah ditetapkan bahawa 'nasihat residen dan penasihat British itu mesti dipinta dan dipatuhi oleh para sultan dalam semua bidang kecuali berkaitan dengan adat resam dan agama.'

Sultan-sultan Melayu, kerana kedudukan mereka yang lemah, tidak mempunyai pilihan kecuali mengikut sahaja. Sebabnya, sekiranya ada yang cuba memperlihatkan tentangan seperti yang dilakukan oleh Sultan Abdullah, Perak, mereka akan disingkirkan. Dalam kes Sultan Abdullah disebabkan baginda disyaki terlibat dalam pembunuhan Residen J.W.W. Birch di Pasir Salak pada 1875, baginda telah dibuang ke Pulau Seycelles. Kedudukan baginda telah diberi kepada seorang waris takhta yang lebih bersedia untuk menerima hegemoni British.

Kuasa eksekutif sultan-sultan Melayu bukan sahaja telah diambil alih oleh residen, tetapi juga oleh sistem birokrasi yang telah diwujudkan oleh British untuk melicinkan pentadbirannya. Selain itu, kuasa legislatif yang di bawah pemerintahan monarki mutlak dalam genggaman sultan juga diambil alih oleh Majlis-majlis Negeri, dan kemudian oleh Majlis Persekutuan yang dibentuk untuk membuat undang-undang.

Pada mulanya para sultan dibabitkan dalam majlis-majlis itu tetapi akhirnya mereka disisihkan sama sekali. Bagaimanapun untuk tidak merasakan diri mereka sudah tidak diperlukan lagi, satu majlis raja-raja Melayu ditubuhkan dan majlis ini mengadakan persidangan dari masa ke masa. Kebanyakan perkara yang dibincangkan dalam majlis ini berkait dengan soal adat resam dan agama. Sultan-sultan Melayu sebenarnya sudah menghadapi hakisan kuasa yang memuncak. Mereka sebenarnya sudah tidak lagi berkuasa dalam mengurus negeri

masing-masing kecuali bagi upacara-upacara rasmi sahaja.

Apabila Jepun menjajah Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua, sultan-sultan Melayu turut berada dalam keadaan yang hina. Jepun menganggap sultan tidak lebih sebagai penghulu dan ketua agama. Malah sultan-sultan yang diiktiraf oleh British sebelumnya telah tidak diakui. Jepun melantik sultan-sultannya sendiri.

Selepas berkuasa semula, British enggan mengiktiraf sultan-sultan Melayu yang pernah bekerjasama dengan Jepun. Sultan-sultan yang menyebelahi Jepun telah dipecat. Mereka yang pro-Inggeris menjadi sultan atau raja. British juga tidak berhasrat untuk mengembalikan kuasa mutlak raja selepas penjajah itu kembali memerintah Tanah Melayu pada 1945. Rancangannya seperti yang terbayang dalam rancangan politik Malayan Union ialah untuk mengambil alih kuasa-kuasa sultan untuk diserahkan kepada London.

Tanah Melayu menurut projek Malayan Union akan menjadi *crown colony* yang secara langsung ditadbirkan oleh London. Sultan-sultan Melayu bagaimanapun tidak dipecat sama sekali. Status mereka sebagai sultan dikekalkan, tetapi tanggungjawab mereka benar-benar dihadkan pada soal-soal agama dan adat istiadat sahaja. Raja-raja Melayu itu sendiri, kerana terpaksa atau dipaksa, menandatangani perjanjian yang telah menamatkan kuasa yang selama ini berada dalam genggaman mereka itu. Para pemimpin kebangsaan Melayu bagaimanapun menentang projek Malayan Union itu.

Malah Malayan Union telah membangkitkan semangat kebangsaan Melayu pada tahap yang belum pernah disaksikan sejak Tanah Melayu didatangi penjajah. Maka buat pertama kali dalam sejarah, para pemimpin yang mewakili berbagai-bagi pertubuhan tanpa mengira haluan atau ideologi akhirnya bersatu untuk menentang Malayan Union, dan juga hakisan kuasa raja-raja mereka. Sejumlah 41 buah pertubuhan Melayu itu, yang sebahagian besarnya mewakili negeri-negeri Melayu

mengadakan kongres di Dewan Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur untuk menyatakan perasaan masing-masing pada awal Mac 1946.

Kata sepakat dicapai untuk menubuhkan sebuah pertubuhan kebangsaan. Perhimpunan Melayu itulah yang telah melahirkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, lebih dikenali sebagai UMNO, akronim bagi United Malays National Organization dengan Dato' Onn Jaafar sebagai pemimpin pertamanya pada 11 Mei 1946. UMNO memperhebatkan kempenya menentang Malayan Union dan berjaya. Kejayaan itu juga bermakna UMNO telah menyelamatkan raja Melayu dan sistem raja yang hampir dilenyapkan bersama pembentukan Malayan Union.

UMNO SELAMATKAN RAJA DAN SISTEM RAJA

APABILA British kembali berkuasa di Tanah Melayu selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, langkah pertama yang diusahakan ialah memulihkan ketenteraman awam. Pemerintahan sementara militeri diperkenalkan. Pemerintah raja-raja Melayu dikekalkan. Bagaimanapun, pada akhir tahun 1945, London mengumumkan pemerintahan Malayan Union akan dikuatkuasakan. Pemerintahan ini tidak begitu memberi tempat yang penting kepada kedudukan raja-raja Melayu.

Melalui Malayan Union, kesemua 11 buah negeri di Tanah Melayu kecuali Singapura akan menjadi satu unit politik. Tiga bentuk sistem pentadbiran yang wujud di negeri-negeri Melayu, sebelum perang akan dihapuskan. Bidang kuasa British ke atas Tanah Melayu adalah mutlak. Tanah Melayu akan menjadi tanah jajahan British dengan seorang gabenor sebagai pemerintah utamanya. Selain itu, satu kewarganegaraan Malayan Union meliputi Melayu dan bukan Melayu juga diwujudkan. Penduduk bukan Melayu yang selama ini dianggap sebagai imigran akan mendapat hak politik menjadi warganegara. Di bawah Malayan Union, unsur-unsur demokrasi tidak akan diperkenalkan. Dan bagi rakyat Tanah Melayu hal demikian adalah mengecewakan.

Oleh kerana sewaktu Malayan Union tidak banyak maklumat tentangnya diberikan, maka bangsa Melayu sendiri tidak menyatakan bantahan besar-besaran. Malah ada yang menyokong. Sultan-sultan Melayu sendiri, pada mulanya tidak begitu mengetahui implikasi Malayan Union itu terhadap kedudukan

mereka. Utusan khas British, Sir Harold MacMichael yang dihantar oleh London ‘untuk mengundang kerjasama setiap raja Melayu dalam menegakkan satu organisasi perlembagaan baru yang telah dipersetujui oleh Raja England’ tidak mengambil masa yang lama untuk mendapatkan persetujuan raja-raja Melayu tentang projek Malayan Union.

Pada 20 Oktober 1945, Sultan Johor, dalam keadaan terpaksa, menandatangani perjanjian Malayan Union itu. Menjelang 21 Disember tahun yang sama, sultan-sultan Melayu yang lain, kononnya, dalam keadaan yang sama, turut menandatangani perjanjian itu. Dalam mendapatkan persetujuan itu, raja-raja Melayu telah diugut pecat jika enggan bersetuju. Raja-raja akan diganti dengan ahli-ahli kerabat diraja yang sanggup bekerjasama dengan British. Taktik pecah dan perintah ini nampaknya berkesan. Disedari atau tidak, apabila sultan-sultan itu menandatangani perjanjian Malayan Union MacMichael, mereka sebenarnya menandatangani waran kematian institusi beraja itu sendiri. Buktinya, tidak lama selepas itu kuasa sedikit yang ada pada raja-raja Melayu telah ditarik sama sekali di bawah pemerintahan Malayan Union.

Di bawah Malayan Union, sultan-sultan Melayu tetap dikalkan. Bagaimanapun kedudukannya, seperti yang dijelaskan oleh Kong Kim Hoong dalam bukunya *Merdeka*, serta oleh penulis-penulis lain tentang mauduk yang sama, adalah menyedihkan. Penulis-penulis itu menyatakan perjanjian MacMichael, antara lain memaksa sultan-sultan Melayu menyerahkan kedaulatan dan menafikan baginda sebagai simbol kuasa politik Melayu seperti halnya sebelum Perang Dunia Kedua. Undang-undang yang diluluskan oleh sebuah Majlis Malayan Union tidak lagi memerlukan pengesahan diraja seperti sebelum ini. Kuasa itu kini diambil alih oleh Gabenor Malayan Union, seorang British lantikan London. Majlis-majlis negeri yang dipengerusikan oleh raja-raja Melayu dengan anggota yang dilantik oleh baginda, pula dimansuhkan.

Majlis-majlis negeri di bawah Malayan Union akan dipergerusikan oleh British Resident Commissioners. Sultan tidak lagi ada kuasa untuk menentukan keanggotaannya. Keahlian majlis-majlis itu terdiri daripada pegawai-pegawai British dan individu yang dilantik oleh Gabenor Malayan Union.

Sebelum Malayan Union diperkenalkan, raja-raja Melayu diberi kuasa dalam mengurus hal agama dan adat resam Melayu. Di bawah Malayan Union, kuasa para sultan juga terhakis. Menerusi perjanjian Malayan Union, kedudukan para sultan sebagai ketua agama dan adat istiadat Melayu telah ditidakan. Sebuah Majlis Khas Raja-raja Melayu telah dibentuk untuk menjaga bidang-bidang itu. Para sultan disertakan sebagai ahli majlis itu, tetapi mesyuaratnya dipengerusikan oleh gabenor. Majlis di bawah pimpinan gabenor bertanggungjawab bagi menimbang undang-undang yang membabitkan agama Islam. Kong dalam kajiannya menyimpulkan bahawa tindakan gabenor mengambil alih tugas mempengerusikan Majlis Raja-raja yang mempunyai kuasa ke atas hal-ehwal agama bermakna bahawa raja-raja Melayu telah diturunkan kedudukannya menjadi tidak penting. Tindakan itu juga mempunyai implikasi yang lebih besar. Dengan kedudukan baru itu, sultan-sultan Melayu akan mendapati bahawa baginda sukar untuk mendapat penghormatan para pengikut baginda, iaitu bangsa Melayu. Raja-raja Melayu yang selama ini dianggap mempunyai daulat, sekarang telah diperkotak-katikkan oleh British. Raja-raja Melayu seolah-olah tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyekatnya.

Bagi bangsa Melayu pula, tindakan-tindakan merendah-rendahkan sultan mereka di bawah pemerintahan Malayan Union adalah satu tamparan hebat bagi mereka. Terdapat pandangan bahawa berakhirnya kedaulatan sultan-sultan Melayu, penurunan darjat para sultan, tindakan British untuk menyatukan negeri-negeri Melayu dan diletakkan di bawah jajahan langsung bermakna bahawa raja-raja Melayu tidak lagi

menjadi ketua simbol kuasa politik Melayu. Bagi bangsa Melayu, yang mempunyai identifikasi rapat antara raja-raja dengan kerajaan bermakna bahawa sistem politik bangsa Melayu juga turut hancur. Tambahan pula serentak dengan penurunan darjah sultan-sultan Melayu kepada taraf yang dianggap lebih rendah daripada penghulu itu, British juga memberi kewarganegaraan kepada penduduk bukan Melayu, iaitu Cina dan India dengan syarat-syarat yang amat longgar. Penduduk imigran yang sudah menetap lima tahun di Tanah Melayu secara automatik menjadi warganegara Malayan Union. Mereka mempunyai hak yang sama seperti bangsa Melayu itu sendiri. Implikasi politiknya adalah besar. Bangsa Melayu bimbang sekiranya rancangan itu diteruskan, penduduk bukan Melayu yang telah pun menguasai ekonomi, akan mengambil alih negara ini.

Dalam keadaan itu, bangsa Melayu tidak boleh berdiam diri. Mereka merancang penentangan terhadap Malayan Union yang antara lain bertujuan untuk menyelamatkan bangsa mereka sendiri serta kedudukan sistem raja daripada berkubur.

Rancangan Malayan Union yang ketara menghina raja-raja Melayu mencetuskan semangat kebangsaan yang luar biasa hebatnya di kalangan orang Melayu. Buat pertama kalinya dalam sejarah perjuangan, pemimpin Melayu bersama dengan sultan-sultan mereka telah bertindak secara kolektif melampaui batas-batas kenegerian. Sultan-sultan Melayu itu sendiri, selepas diperdayakan oleh MacMichael untuk menandatangani perjanjian Malayan Union, seorang demi seorang menyatakan tentangan terbuka terhadap gagasan British itu. Di peringkat lebih rendah pula, persatuan-persatuan negeri yang ditubuhkan khusus untuk menggembung tenaga menentang Malayan Union telah tumbuh bagi cendawan, bermula dengan Persatuan Melayu Johor yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar. Dato' Onn kemudian muncul sebagai seorang pemimpin

nasional setelah mengambil daya usaha untuk menganjurkan satu kongres Melayu di Kuala Lumpur pada awal Mac 1946. Sejumlah 40 buah pertubuhan Melayu yang lain ikut serta. Keputusan diambil dalam kongres itu untuk menubuhkan sebuah organisasi nasional yang hanya benar-benar wujud pada 11 Mei 1946 diberi nama UMNO.

Memandangkan British berkeras juga untuk meneruskan rancangan Malayan Union, meskipun ada bantahan besar-besaran, para pemimpin Melayu itu mengadakan Kongres Nasional yang kedua pada 30 Mac 1946, iaitu dua hari sebelum Malayan Union secara rasmi dilancarkan pada 1 April. Kongres itu memutuskan beberapa langkah yang lebih radikal untuk menggagalkan Malayan Union dan menyelamatkan raja-raja Melayu. Keputusan-keputusan itu meliputi bantahan seluruh negara dan strategi tidak bekerjasama dengan pemerintahan Malayan Union. Persatuan-persatuan Melayu yang hadir dalam kongres itu telah diminta mendesak ahli-ahli mereka supaya memakai songkok dengan lilitan kain putih. Kesemua pemimpin Melayu yang telah diundang untuk menganggotai Majlis Penasihat Malaysia diminta menolak undangan mereka. Selain itu, orang-orang Melayu juga dilarang daripada menghadiri perlantikan Gabenor Malayan Union dan pengiktirafan terhadap gabenor itu juga ditangguhkan. Raja-raja Melayu pula diminta supaya memulaukan semua kegiatan dan upacara yang ada kaitan dengan Malayan Union. Sultan-sultan yang enggan mematuhi permintaan itu tidak lagi akan diiktiraf sebagai sultan.

Meskipun bangsa Melayu telah memulaukan Malayan Union, British meneruskan juga pengenalannya seperti yang dirancang pada 1 April 1946. Tetapi sejak mula lagi gabenor pertamanya menyedari bahawa pemerintahan itu cuma menunggu masa sahaja untuk lenyap. Beliau sendiri telah beberapa kali mencadangkan demikian, tetapi hanya kedegilan London yang telah memanjangkan nyawa Malayan Union itu.

Tetapi kewujudannya sebenarnya hanya pada nama. Sebaliknya bangsa Melayu—rakyat dan sultan—terus memulaukan Malayan Union. Kempen menentang pemerintahan itu kemudian diperhebatkan oleh UMNO setelah penubuhannya pada 11 Mei 1946. Sejak itu, UMNO menjadi wadah bagi perjuangan Melayu. Pihak British, setelah gagal mendapatkan kerjasama dan penyertaan Melayu akhirnya mengalah. Persetujuan akhirnya dibuat untuk menamatkan pemerintahan Malayan Union dan perbincangan secara langsung melibatkan tiga pihak—British, sultan-sultan Melayu dan UMNO diadakan untuk merangka satu sistem pemerintahan bagi menggantikan Malayan Union.

Setelah dilibatkan dalam perbincangan, UMNO secara terbuka tidak menyatakan bantahan supaya negeri-negeri Melayu dikekalkan dalam satu unit politik dengan satu kuasa pusat. Malah UMNO-lah yang mencadangkan supaya 11 buah negeri Melayu itu menjadi sebuah negara persekutuan yang diasaskan pada sistem Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang dianggotai oleh Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Bezanya cuma dalam persekutuan yang lebih besar itu dianggotai oleh negeri-negeri Melayu yang lain juga.

UMNO juga mencadangkan supaya kedudukan raja-raja Melayu dikembalikan kepada status sebelum 1941. Tetapi tidak semua yang dicadangkan diterima oleh British. Bagaimanapun dari segi kedudukan, raja-raja Melayu mendapat kedudukan yang lebih baik daripada apa yang dinyatakan dalam Malayan Union. Di bawah pemerintahan persekutuan yang diperkenalkan pada 1 Februari 1948, raja-raja Melayu tidaklah pula mendapat semula kuasa mutlak yang pernah dimiliki satu ketika dulu. Institusi kesultanan Melayu secara rasmi telah bertukar menjadi raja berperlembagaan. Pada asasnya, Pesuruhjaya Tinggi yang menggantikan Gabenor Malayan Union mengambil alih sebahagian besar kuasa eksekutif para sultan kecuali yang ada kaitan dengan Islam dan adat

istiadat Melayu. Kuasa-kuasa dalam dua bidang itu, yang juga telah dirampas di bawah Malayan Union, telah dikembalikan kepada para sultan. Peranan sultan sebagai simbol bagi upacara-upacara tertentu yang telah diambil alih oleh Gabenor Malayan Union juga diserahkan semula. Kedudukan istimewa orang-orang Melayu sebagai bangsa peribumi diakui oleh British di bawah Persekutuan Tanah Melayu. Mereka diberi penyertaan khas dalam majlis-majlis yang dibentuk oleh kerajaan persekutuan.

Jelaslah bahawa usaha UMNO menggagalkan projek Malayan Union telah memberikannya satu kedudukan yang signifikan dalam politik Melayu pada tahun-tahun berikutnya. Perjuangan penting UMNO ialah dengan menggagalkan Malayan Union, ia sebenarnya telah menyelamatkan raja dan sistem raja di negara ini. Pada satu ketika, sistem pemerintahan beraja sudah dihina oleh Inggeris. Darjat martabatnya yang tinggi dan mulia telah diperkecil-kecilkan oleh British melalui projek Malayan Union. Tidaklah keterlaluan jika disimpulkan kalau UMNO tidak menentang penubuhan Malayan Union, British akan menganggap bahawa bangsa Melayu tidak memandang penting institusi raja mereka. Sekiranya itu terjadi, pemerintahan beraja di negara ini akan dicatatkan oleh sejarah sebagai sesuatu yang tidak wujud. Bagaimanapun terima kasih pada penentangan UMNO, kemuliaan dan ketinggian pemerintahan beraja bukan sahaja telah dapat dipertahankan, tetapi diperkuuhkan dalam Perlembagaan Merdeka dan dalam pindaan-pindaan perlembagaan selepas itu sehingga institusi raja di Malaysia tidak boleh diperkatakan secara terbuka. Institusi itu dilindungi oleh Akta Hasutan 1948. Lebih dari itu, institusi itu dianggap berada di atas undang-undang.

Begitulah besarnya pengorbanan UMNO dalam menyelamatkan institusi raja di negara ini. Raja-raja Melayu—yang ada sekarang dan yang pernah bersemayam di atas takhta sebelum ini, sebenarnya terhutang budi pada UMNO. Malah

komitmen UMNO dalam melindungi institusi raja tidak pernah luntur malah sentiasa subur.

Di peringkat pusat, sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen ini telah berjalan dengan baik. Raja dan perdana menteri telah dapat bekerjasama dengan mesra dan baik. Di beberapa negeri, berlaku pergeseran kecil antara sultan dan menteri besar tetapi perbalahan itu tidak pula tercetus menjadi krisis besar yang boleh menghancurkan sistem itu sendiri. Raja-raja Melayu nampaknya masih berpegang teguh pada perjanjian merdeka yang telah mewujudkan pemerintahan raja berperlembagaan, demokrasi berparlimen.

Berdasarkan petanda yang ada, sistem itu akan terus subur. UMNO sudah berulang kali membuat komitmen bukan sahaja untuk mempertahankan pemerintahan beraja tetapi berhasrat untuk memperkuatkannya menjadi satu institusi yang benar-benar mulia dan bermartabat tinggi. Cita-cita itu hanya boleh dicapai dengan kerjasama sultan-sultan berperlembagaan. Baginda hanya dikehendaki berpegang teguh pada fungsi yang telah ditetapkan.

RAJA BERPERLEMBAGAAN

MALAYSIA (dulunya Tanah Melayu) tidak merdeka sebagai sebuah negara republik seperti Indonesia, India, Pakistan dan beberapa negara Dunia Ketiga yang lain. Di negara-negara itu sebelum kedatangan penjajah, mereka diprintah oleh monarki mutlak seperti halnya dengan Malaysia. Apabila dimerdekakan, negara-negara itu membuat keputusan untuk mengetepikan pemerintahan beraja dan menjadikan negara mereka republik.

Para pemimpin negara yang dilibatkan dalam proses mencapai kemerdekaan, jika mahu, juga boleh mengikut jejak negara-negara yang telah menjadi republik itu. Tetapi mereka tidak berbuat demikian. UMNO yang menjadi tulang belakang Perikatan, kemudian Barisan Nasional, yang bermati-matian menyelamatkan raja dan sistem raja daripada dilenyapkan oleh Malayan Union pada 1946, telah membuat keputusan bukan sahaja untuk mempertahankan sistem raja berperlembagaan dalam konteks demokrasi berparlimen apabila kemerdekaan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957.

UMNO sebenarnya tidak ada sebab untuk menggulingkan kewujudan institusi raja selepas merdeka. Sebabnya raja-raja Melayu telah berpihak kepada golongan nasionalis pimpinan UMNO dalam memperjuangkan kemerdekaan. Raja-raja Melayu tidak menentang perjuangan UMNO menuntut kemerdekaan dan sebagai balasan kedudukan mereka dipertahankan, malah diperkuuhkan supaya menjadi lebih tinggi dan mulia martabatnya. Tambahan pula Tanah Melayu yang merdeka telah bertukar menjadi sebuah negara berbilang kaum dan

tidak lagi seratus peratus didiami oleh bangsa Melayu seperti sebelum kedatangan penjajah. Kehadiran institusi raja dianggap sebagai pelindung bagi dominasi bangsa Melayu di samping menjadi simbol perpaduan masyarakat berbilang kaum.

Pemerintahan raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen yang diwujudkan di Persekutuan Tanah Melayu selepas merdeka adalah unik. Sistem raja berperlembagaan itu diwujudkan pada dua peringkat—satu persekutuan dan satu lagi di peringkat negeri, iaitu di sembilan buah negeri semuanya. Ini bermakna, Malaysia mempunyai sembilan orang raja; dan kalau di peringkat persekutuan dikira sama, kita mempunyai 10 orang raja memerintah pada satu-satu ketika. Di negara lain, tidak wujud fenomena serupa itu. Setiap negara yang masih mengamalkan pemerintahan monarki—mutlak atau berperlembagaan—hanya mempunyai seorang raja sahaja.

Di Perlis, institusi itu bergelar raja; di Negeri Sembilan, Yang Dipertuan Besar manakala di negeri-negeri lain dikenal sebagai sultan. Setiap sultan bertindak sebagai ketua negeri di negeri masing-masing. Di Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, tidak ada raja. Ketua negeri dikenal sebagai Yang Dipertua Negeri dan ia merupakan satu kedudukan yang dilantik dan tidak semestinya daripada kerabat diraja. Sultan, raja dan Yang Dipertuan Besar adalah kedudukan yang diwarisi daripada bapa kepada anak kecuali di Negeri Sembilan dan Perak. Di Perak, sultan dikongsi secara bergilir-gilir oleh tiga keluarga raja negeri itu manakala di Negeri Sembilan pula, undang yang empat bersama Yamtuan Tampin menentukan siapa yang bakal menjadi Yang Dipertuan Besar jika berlaku kekosongan bagi kedudukan itu.

Raja berperlembagaan di peringkat persekutuan adalah kedudukan yang diwujudkan semasa merdeka. Orang yang menyandang jawatan itu dikenal sebagai Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong bertindak sebagai kepala utama bagi persekutuan Malaysia. Baginda juga menjadi ketua agama di

negeri-negeri yang tidak beraja, iaitu Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah. Jawatan itu dipegang secara bergilir-gilir oleh setiap sultan untuk tempoh lima tahun. Ia bukanlah satu kedudukan yang diwarisi sebaliknya ditentukan oleh raja-raja Melayu itu sendiri yang akan membuat pilihan sesama mereka apabila berlaku kekosongan dalam Majlis Raja-raja yang mereka anggotai. Yang di-Pertuan Agong juga boleh dipecat daripada kedudukannya jika baginda melanggar sumpah jawatan yang dilafazkan sewaktu mengambil alih jawatan. Dalam sejarah negara ini belum pernah ada Yang di-Pertuan Agong yang dipecat daripada jawatannya. Biasanya jawatan itu diberi kepada sultan yang paling kanan; kalau baginda enggan, sultan kedua kanan akan ditawarkan jawatan itu. Keadaan ini pernah berlaku. Apabila negara ini merdeka, sultan yang paling kanan ialah Sultan Johor dan sepatutnya baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong yang pertama. Baginda telah menolak tawaran itu. Jawatan itu diberikan kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Sejak merdeka, Malaysia telah mempunyai sembilan orang Yang di-Pertuan Agong, termasuk yang bertakhta di Istana Negara sekarang. Ini bermakna setiap istana di negara ini telah mendapat giliran memegang jawatan itu, bermula dengan Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Terengganu, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Perak. Ini bermakna bahawa sejak merdeka hingga sekarang sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen itu telah berjalan dengan baik.

Kedudukan Istimewa Raja

Sekalipun, raja-raja Melayu selepas merdeka tidak lagi mempunyai kuasa mutlak dan mereka hanya menjadi raja berperlembagaan, tetapi mereka tetap diberi kedudukan yang cukup istimewa. Yang di-Pertuan Agong, atas sifatnya sebagai kepala utama negara bagi persekutuan, seperti yang ditetapkan oleh

Perkara 32 Perlembagaan, iaitu ‘mengambil keutamaan yang mengatasi segala orang lain yang tidak boleh dikenakan dakwa dalam apa-apa juga perbicaraan dalam mana-mana mahkamah’. Raja Permaisuri Agong pula mengambil keutamaan mengatasi orang lain dalam persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong. Di negeri-negeri lain pula, para sultan mengambil keutamaan dari segala orang lain, diikuti oleh para sultanhah.

Perkara 71 (1) Perlembagaan Persekutuan ‘menjamin hak raja sesuatu negeri untuk mewarisi, memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak Perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan raja negeri itu mengikut Perlembagaan negeri itu....’ Berbagai-bagai hak istimewa raja-raja Melayu juga tidak boleh diubah tanpa terlebih dulu mendapat persetujuan dari pada raja-raja Melayu. Perkara 38 (4) Perlembagaan negara mengatakan ‘Tiada apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran raja-raja boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-raja.’ Perkara 38 (5) pula menetapkan bahawa ‘Majlis Raja-raja hendaklah diminta fikirannya sebelum dibuat apa-apa perubahan dasar tentang tindakan pentadbiran di bawah Perkara 153’.

Fasal (1) Perkara 32 pula memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak boleh didakwa dalam apa-apa juga perbicaraan di mana-mana mahkamah. Imuniti di sisi undang-undang ini juga diberikan kepada para sultan. Tetapi perlu dijelaskan seperti yang telah dihuraikan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamad Suffian bahawa imuniti itu hanya melindung raja-raja Melayu daripada didakwa secara peribadi di mahkamah. Tetapi atas sifat rasmi baginda sebagai ketua negara dan ketua negeri, baginda boleh didakwa. Ini pernah berlaku apabila tindakan Yang di-Pertuan Agong mengisyiharkan darurat di Sarawak pada 1966 dicabar di mahkamah. Tetapi cabaran itu tidaklah dibuat atas nama Yang di-Pertuan Agong. Yang disaman ialah kerajaan Malaysia. Tun Mohamad Suffian

juga menyatakan bahawa tatkala Perlembagaan memperuntukan bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dikenakan apa-apa perbicaraan dalam mana-mana mahkamah, Perlembagaan tidak pula memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dikenakan perbicaraan sama sekali. Berdasarkan senario itu, Tun Mohamad Suffian membuat kesimpulan bahawa undang-undang masih menganggap baginda boleh dibicarakan, terutamanya memandangkan bahawa dalam sumpah jawatan, baginda berikrar akan menjalankan kewajipan baginda mengikut undang-undang dan Perlembagaan dan menegakkan keadilan dan ketenteraman di dalam negeri.

Seorang raja atau Yang Dipertua Negeri adalah punca kemuliaan di negeri dan menganugerahkan bintang-bintang kehormatan kepada orang-orang yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang. Seorang raja juga mempunyai kuasa mengampun, meringankan hukuman bagi semua kesalahan yang telah dilakukan di negerinya. Selaku Yang di-Pertuan Agong pula, selain di negeri sendiri, kuasa memberi ampun baginda diperluaskan untuk meliputi kesalahan-kesalahan yang dibicarakan oleh mahkamah tentera, hukuman yang dikenakan oleh mahkamah syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah Persekutuan.

Kedudukan istimewa Yang di-Pertuan Agong juga menetapkan beberapa larangan seperti yang ditetapkan oleh Perkara 34. Ini meliputi: Yang di-Pertuan Agong tidak boleh memegang apa-apa jawatan yang baginya ada apa-apa saraan; Yang di-Pertuan Agong tidak boleh mengambil bahagian dengan giat dalam apa-apa *enterprise* perniagaan; Yang di-Pertuan Agong tidak boleh meninggalkan persekutuan selama lebih 15 hari kecuali atas lawatan negara ke satu-satu negara. Semasa menjadi Yang di-Pertuan Agong juga, baginda tidak boleh menjalankan tugas-tugas sebagai raja negerinya kecuali tugas-tugas sebagai ketua agama Islam.

Di negeri-negeri, sultan juga tidak boleh memegang apa-apa jawatan yang ada persaraan. Baginda juga tidak dibenarkan terbabit dalam dunia perniagaan. Bagaimanapun sebagai sultan, tidak ada sekatan dikenakan untuk ke luar negeri seperti halnya dengan Yang di-Pertuan Agong.

Raja Berperlembagaan

Seperti yang dibayangkan oleh namanya, raja berperlembagaan, tidak seperti raja mutlak, memerintah dengan kuasa yang terbatas. Peranan dan fungsinya, baik sebagai ketua negara, atau ketua negeri ditetapkan secara bertulis oleh Perlembagaan. Sekalipun raja-raja Melayu diberi kuasa budi bicara, selain daripada kuasa fungsional, dalam membuat keputusan, sultan-sultan, seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan, dikehendaki bertindak mengikut nasihat kabinet pusat dan negeri. Bagi peringkat persekutuan, Perkara 39 dengan jelas menyatakan bahawa kuasa pemerintah bagi persekutuan adalah terletak pada Yang di-Pertuan Agong dan kuasa itu hendaklah dijalankan olehnya atau oleh jemaah menteri atau oleh manama menteri yang diberikan kuasa oleh jemaah menteri. Bagaimanapun Parlimen boleh dengan undang-undang memberi tugas-tugas pemerintah kepada orang lain.

Hakikat bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengikut nasihat jemaah menteri atau oleh seorang menteri yang bertindak di bawah kuasa am jemaah menteri pula terkandung dalam Perkara 40. Bagaimanapun dalam melantik seorang perdana menteri, tidak mempersetujui permintaan membubar Parlimen dan meminta diadakan satu mesyuarat majlis raja-raja yang semata-mata berkenaan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran raja-raja, Yang di-Pertuan Agong boleh menjalankan tugas-tugas itu menggunakan budi bicaranya sendiri. Para peguam Perlembagaan berpendapat bahawa kuasa budi bicara juga perlu dilakukan mengikut

peruntukan Perkara-perkara 39 dan 40 Perlembagaan.

Dengan kata lain, dalam negara-negara yang mengamalkan pemerintahan raja berperlembagaan dengan demokrasi berparlimen, raja tidak mempunyai kuasa. Yang sebenarnya berkuasa ialah rakyat. Rakyatlah yang akan memilih, melalui pilihanraya, parti manakah yang mereka hendak beri kuasa untuk memerintah negara untuk tempoh yang ditetapkan. Rakyat yang ingin mengambil alih kuasa pula akan membentuk parti-parti politik yang akan bersaing dalam pilihanraya. Parti politik atau kumpulan parti-parti politik yang boleh bekerjasama yang mendapat majoriti akan menguasai Parlimen atau legislatif dan seterusnya menguasai cabang eksekutif. Pemimpin parti berkenaan akan dilantik menjadi perdana menteri, membentuk kabinetnya dan seterusnya bertanggungjawab terhadap perjalanan kerajaan.

Yang di-Pertuan Agong di peringkat persekutuan dan sultan atau raja di peringkat negeri tidak boleh mencampuri politik, baik secara langsung atau tidak langsung. Jika ada yang berbuat demikian, baginda sebenarnya telah menyalahi fungsi baginda. Sultan-sultan yang bersemayam di takhta juga tidak boleh berniaga atau memegang jawatan lain untuk tujuan sara hidup. Saraan hidup sultan ditanggung sepenuhnya oleh negeri atau kerajaan pusat.

Fungsi Yang di-Pertuan Agong dan sultan sebagai raja berperlembagaan sudah diterangkan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri. Beberapa buku dan rencana tentangnya juga telah dihasilkan. Dengan demikian, tulisan ini tidak akan memperincikan fungsi raja berperlembagaan, baik di peringkat persekutuan ataupun negeri. Di sini hanya diberikan gambaran umum sepintas lalu.

Pada asasnya sebagai raja berperlembagaan, Yang di-Pertuan Agong dan sultan mempunyai fungsi yang sama, iaitu menjadi ketua negara dan ketua negeri. Mereka juga bertindak sebagai ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri

masing-masing. Dalam hal ini, Yang di-Pertuan Agong juga bertindak sebagai ketua agama bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai sultan, iaitu Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Yang di-Pertuan Agong juga bertindak sebagai Panglima Tertinggi Angkatan Bersenjata dan bertanggungjawab melantik Yang Dipertua Negeri bagi negeri-negeri yang tidak bersultan setelah berbincang dengan ketua-ketua menteri di negeri-negeri berkenaan.

Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara juga menjadi ketua bagi cabang-cabang legislatif, eksekutif dan kehakiman negara. Institusi ini juga merupakan salah satu komponen Parlimen bersama-sama Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Ini bermakna setiap rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen mesti mendapat perkenan baginda sebelum berkuatkuasa sebagai undang-undang. Baginda tidak boleh menolak daripada memberi perkenan itu. Malah sejak 1984, kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam soal memberi perkenan sudah menjadi lebih jelas ekoran satu pindaan pada Perlembagaan negara yang dibuat pada 1983.

Perlembagaan sejak itu menetapkan bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak ada kuasa untuk menolak rang undang-undang belanjawan yang diluluskan oleh Parlimen-Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Bagaimanapun bagi rang undang-undang bukan kewangan, baginda boleh membuat bantahan dalam masa 30 hari rang undang-undang berkenaan diserahkan pada baginda. Rang undang-undang itu boleh dibalikkan semula kepada Parlimen tetapi selepas diserahkan semula baginda tidak ada pilihan kecuali memberi perkenan baginda.

Secara spesifik, Perlembagaan juga memperuntukkan kuasa-kuasa lain kepada Yang di-Pertuan Agong. Ini termasuklah melantik perdana menteri, membubarkan Parlimen, mengisytiharkan darurat, selain daripada mewakili negara dalam upacara-upacara rasmi tertentu yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Di negeri-negeri pula, sultan-sultan juga mempunyai

kuasa yang sama tetapi terbatas di negeri masing-masing. Tetapi perlu ditegaskan bahawa dalam melaksanakan semua fungsi itu, baik Yang di-Pertuan Agong maupun sultan, dikehendaki bertindak mengikut nasihat, perdana menteri di peringkat persekutuan dan menteri besar atau ketua menteri di peringkat negeri. Sekiranya sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan ingin berjalan dengan licin dan lancar, pemahaman tentang fungsi yang tersurat dan tersirat, adalah perlu.

Melantik Perdana Menteri

Jemaah menteri yang diketuai oleh seorang perdana menteri adalah institusi utama yang menasihatkan Yang di-Pertuan Agong dalam menjalankan tugas-tugasnya dalam bidang eksekutif. Di peringkat negeri pula, institusi itu ialah Majlis Mesyuarat Negeri yang diketuai oleh menteri besar.

Pembentukan sebuah jemaah menteri dibuat mengikut Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan. Dalam membentuk kabinet ini, Yang di-Pertuan Agong pada mulanya melantik seorang perdana menteri terlebih dahulu. Calon perdana menteri mestilah salah seorang ahli Dewan Rakyat yang pada pendapatnya mendapat kepercayaan sebahagian besar ahli-ahli Dewan Rakyat yang lain. Selepas itu, seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 43 (2) atas nasihat perdana menteri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik menteri-menteri lain terdiri daripada mana-mana ahli parlimen—Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Sekalipun kabinet dan perdana menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, tetapi jemaah menteri dan perdana menteri tidak bertanggungjawab kepada baginda. Akauntabiliti jemaah menteri ialah kepada Parlimen.

Sejak merdeka, Malaysia mempunyai empat orang perdana menteri, termasuk yang ada sekarang. Mereka ialah Allahyarham Tunku Abdul Rahman (1957-70), Allahyarham Tun Ab-

dul Razak (1970-76), Allahyarham Tun Hussein Onn (1976-81) dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (1981-19..).

Sekalipun kuasa melantik perdana menteri adalah kuasa Yang di-Pertuan Agong, tetapi ia tidak pula bermakna baginda boleh melantik siapa sahaja ahli Dewan Rakyat pilihan baginda ke jawatan itu. Dalam konteks politik Malaysia, calon perdana menteri adalah dari UMNO, lebih tepat lagi presiden parti itu. Oleh itu, apabila berlaku perubahan pimpinan dalam UMNO, akan juga berlaku perubahan dalam pimpinan negara. Presiden UMNO layak memegang jawatan perdana menteri itu kerana ia merupakan satu-satunya parti politik yang berupaya memimpin satu barisan parti-parti lain (dalam Barisan Nasional, dulunya Perikatan) untuk memenangi majoriti kerusi di Dewan Rakyat sejak negara ini merdeka. Sekalipun ada usaha untuk menubuhkan satu barisan alternatif, usaha itu sehingga kini tidak berjaya.

Perlukah baginda meminta Dewan Rakyat bersidang untuk menyatakan secara terbuka siapa salah seorang ahli parlimen yang mendapat kepercayaan mereka? Jawapannya tidak perlu kerana negara ini telah menetapkan cara yang tidak bertulis bagaimana kepercayaan itu diperoleh. Ahli-ahli parlimen biasanya menyelesaikan soal itu di luar Dewan Rakyat. Tokoh yang mengetuai parti atau kumpulan parti-parti seperti Barisan Nasional yang mendapat kerusi terbanyak dalam Dewan Rakyat semasa pilihanraya umum secara automatik akan diundang untuk menjadi perdana menteri, dan seterusnya membentuk kabinet bagi mentadbirkan negara. Sejak merdeka, Yang di-Pertuan Agong telah berpegang pada prinsip itu dalam melantik perdana menteri dan kerana itu tidak timbul sebarang masalah dalam perlantikan. Kedua-dua perdana menteri sebagai ketua kerajaan dan Yang di-Pertuan Agong telah dapat menjalin kerjasama yang baik yang telah menyumbang pada pemupukan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Di peringkat negeri juga, pada keseluruhannya perlantikan menteri besar telah berjalan dengan baik. Ketua parti yang menang kerusi terbanyak di peringkat negeri, selalunya tidak akan ditolak menjadi menteri besar. Bagaimanapun, pernah berlaku pergeseran antara sultan dengan menteri besar. Di Perak, Sultan Idris Shah pernah berbalah dengan menteri besarnya Tan Sri Ghazali Jawi. Sultan tidak ada kuasa untuk membuang menteri besar itu, tetapi kedua-duanya telah tidak dapat bekerjasama dan bertegur sapa sehingga Sultan Perak menyimpan jambang dan janggutnya. Baginda bernazar bahawa jambang dan janggut itu akan dipotong selepas Tan Sri Ghazali tidak lagi menjadi menteri besar. Krisis sultan-menteri besar juga berlaku di Pahang ketika Datuk Abd. Rahim Bakar menjadi menteri besar. Krisis itu juga diselesaikan menurut formula Perak. Parti yang berkuasa menamatkan khidmat Datuk Abd. Rahim dan melantik seorang tokoh lain yang boleh bekerjasama dengan istana.

Di Selangor perbalahan kecil berkisar pada perlantikan menteri besar yang membabitkan sultan terjadi dua kali, tetapi tidaklah sampai ke peringkat seperti negeri Perak dan Pahang. Kali pertama ialah pada 1982 apabila sultan menangguhkan sehingga sebulan perlantikan menteri besar yang baru selepas pilihanraya umum tahun itu. UMNO, melalui Datuk Harun Idris, mencadangkan Ahmad Razali sebagai menteri besar, tetapi baginda sultan merasakan bahawa presiden parti itu sendiri sepatutnya memaklumkan perkara itu kepada baginda. Selepas sebulan perdana menteri membuat keputusan menghadap Sultan Selangor dan perbalahan itu diselesaikan sebelum merebak ke peringkat yang lebih parah.

Selepas pilihanraya umum Oktober 1990, peristiwa yang sama berulang lagi di Selangor. Kali ini menurut laporan akhbar, baginda sultan tidak mahu khidmat menteri besar yang sedia ada, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib dilanjutkan. Baginda dikhabarkan mahukan seorang menteri

besar baru, iaitu timbalan kepada menteri besar, Datuk Abu Sujak. Presiden UMNO Dr. Mahathir bagaimanapun mahukan Tan Sri Muhammad kekal sebagai menteri besar dan telah pun mengumumkannya awal-awal lagi sebaik sahaja keputusan pilihanraya diketahui. Tetapi selama lebih sebulan, Tan Sri Muhammad belum lagi mengangkat sumpah untuk meneruskan tugasnya sebagai menteri besar. Perdana menteri beberapa kali menemui Sultan Selangor. Kompromi akhirnya dicapai dengan mewujudkan jawatan timbalan menteri besar di Selangor dan kedudukan itu diberikan kepada calon pilihan sultan, Datuk Abu Sujak. Tan Sri Muhammad kekal untuk penggal kedua sebagai menteri besar.

Di Kelantan, pergeseran antara sultan dengan menteri besarnya, Tan Sri Mohammad Yaacob juga terjadi untuk beberapa lama sehingga timbul dakwaan bahawa sultan secara langsung telah mencampuri urusan politik dan mencetuskan perbahasan hangat dalam Perhimpunan Agung UMNO 1990. Sultan Kelantan yang sepatutnya berkecuali dalam politik dikatakan terang-terang telah menggunakan kedudukan istana-nya untuk berpihak kepada gabungan Semangat 46 dan PAS. Dalam pilihanraya umum 1990 telah menyebabkan UMNO kehilangan semua kerusinya, iaitu parlimen dan negeri.

Membubarkan Parlimen

Tugas Yang di-Pertuan Agong yang lain ialah membubarkan Parlimen. Sultan pula berkuasa membubarkan Dewan Negeri. Tetapi tugas ini juga tidak boleh dilakukan dalam kekosongan, tetapi mengikut nasihat dan apabila perdana menteri atau menteri besar meminta baginda berbuat demikian. Malah sejak pilihanraya, Yang di-Pertuan Agong tidak pernah menolak permintaan perdana menteri membubarkan Parlimen bagi mengadakan pilihanraya. Sultan-sultan juga begitu, kecuali pada tahun 1977 pernah berlaku di Kelantan. Pada tahun tersebut,

kerajaan pimpinan PAS yang menghadapi krisis dalaman telah meminta Sultan Kelantan membubarkan Dewan Undangan Negeri. Tetapi permintaan itu telah ditolak. Sebaliknya Sultan Kelantan yang ketika itu menjadi Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat kerajaan persekutuan, telah mengisyiharkan keadaan darurat di negeri itu. Dewan Negeri telah digantung dan pentadbiran negeri Kelantan telah diambil alih oleh kerajaan pusat.

Mengisyiharkan Darurat

Satu lagi kuasa Yang di-Pertuan Agong ialah mengisyiharkan darurat. Kuasa ini pernah menjadi satu kontroversi dan hangat diperkatakan sewaktu pindaan Perlembagaan tahun 1983 dulu. Perlembagaan Merdeka menetapkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hanya boleh mengisyiharkan darurat sekiranya baginda berpuas hati bahawa keselamatan negara atau ekonominya terancam. Implikasinya ialah jika perdana menteri meminta baginda mengisyiharkan darurat, dan baginda tidak berpuas hati, baginda boleh menolaknya.

Memandangkan keadaan itu, Dr. Mahathir mengusulkan pindaan supaya kuasa itu diserahkan kepada perdana menteri. Pindaan itu telah menimbulkan krisis Perlembagaan dan kemudian ditarik balik sebagai kompromi untuk menyelesaikan krisis itu. Para pemerhati politik tetap berpendapat sekalipun kuasa mengisyiharkan darurat itu merupakan budi bicara Yang di-Pertuan Agong, tetapi dalam melaksanakan kewajipan, baginda tidak boleh bertindak sesuka hati. Baginda, seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan, dikehendaki bertindak atas nasihat kabinet. Apabila perdana menteri inginkan darurat diisyiharkan, Yang di-Pertuan Agong akan hanya melaksanakannya sahaja seperti yang pernah terjadi di Sarawak pada tahun 1966, di seluruh negara selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969 dan di Kelantan pada tahun 1977.

Memperkenan Rang Undang-undang

Yang di-Pertuan Agong ialah satu komponen Parlimen bersama-sama Dewan Rakyat dan Dewan Negara. (Di peringkat negeri sultan pula satu komponen Dewan Undangan Negeri.) Baginda sendiri tidak mempunyai kerusi di Parlimen. Tugas baginda terbatas kepada dua. Pertama, merasmikan sidang baru Parlimen setiap tahun, dan kedua, memperkenan rang undang-undang menjadi undang-undang. Tanpa perkenan baginda, rang undang-undang tidak boleh diwartakan. Sehingga tahun 1983, tidak ada tempoh ditetapkan bagi Yang di-Pertuan Agong memberi perkenan pada rang undang-undang. Baginda juga tidak pernah gagal memberi perkenan pada rang undang-undang.

Tetapi di peringkat negeri terdapat kecenderungan untuk melengah-lengah perkenan bagi satu rang undang-undang. Oleh itu pada Ogos 1983 kerajaan telah memperkemaskan fungsi itu. Pindaan dibuat pada Perlembagaan Negara pada mulanya menetapkan 15 hari bagi Yang di-Pertuan Agong memperkenankan rang undang-undang. Jika enggan, ia secara automatik menjadi undang-undang. Pindaan itu menimbulkan krisis. Sebagai jalan tengah, Parlimen kemudian menetapkan masa 30 hari campur 30 hari bagi Yang di-Pertuan Agong untuk memberi perkenan itu. Bagaimanapun rang undang-undang kewangan hendaklah diperkenankan dalam tempoh 30 hari. Tempoh 30 hari pertama adalah untuk Yang di-Pertuan Agong menyatakan bantahannya terhadap apa juga rang undang-undang jika ada. Rang undang-undang itu bersama dengan bantahan kemudian dikembalikan kepada Parlimen. Selepas Parlimen membincang dan meluluskannya, Yang di-Pertuan Agong mempunyai 30 hari untuk memberi perkenan. Selepas tempoh itu berakhir, dan perkenan diraja tidak diperoleh, rang undang-undang itu secara automatik menjadi undang-undang.

Jelas bahawa raja berperlembagaan di negara ini sejak merdeka telah memainkan peranannya seperti yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan. Para sultan tahu bahawa baginda bukanlah raja mutlak. Baginda mempunyai kuasa yang terhad dan kuasa yang terbatas itu pula telah ditetapkan dalam Perlembagaan. Baginda tidak boleh bertindak di luar garis yang telah ditentukan. Baginda sedar bahawa dalam demokrasi berparlimen, kuasa sebenar berada pada rakyat melalui wakil yang mereka pilih ke Parlimen—Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Rakyatlah yang sebenarnya berkuasa.

KRISIS RAJA-RAKYAT 1983

SEHINGGA 1983, sistem raja berperlembagaan dan raja berparlimen yang diamalkan sejak negara merdeka pada tahun 1957 telah berjalan lancar. Sekalipun beberapa masalah dilaporkan di peringkat negeri dalam hubungan menteri besar dengan sultan, tetapi tidak ada krisis yang berlaku sehingga perjalanan jentera kerajaan terganggu dan satu krisis Perlembagaan tercetus.

Bagaimanapun, pada 1983, atau lebih tepat sekitar Ogos hinggalah ke akhir tahun itu, satu krisis Perlembagaan di peringkat persekutuan telah berlaku. Krisis itu berlaku pada 10 Ogos apabila Yang di-Pertuan Agong enggan memperkenankan beberapa pindaan terhadap Perlembagaan Negara yang telah diluluskan oleh Parlimen—Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Tanpa perkenan diraja, pindaan Perlembagaan itu tidak boleh diwartakan menjadi undang-undang. Ini kerana Perlembagaan telah menetapkan bahawa Yang di-Pertuan Agong, atas sifatnya sebagai salah satu unsur Parlimen, dikehendaki memberi perkenan baginda terhadap setiap rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Setiap sultan yang menjadi Yang di-Pertuan Agong sejak merdeka, telah tidak ada yang berbuat demikian. Krisis Perlembagaan itu berpotensi menjadi lebih serius apabila dibayangkan bahawa Yang di-Pertuan Agong juga enggan memberi perkenan kepada rang undang-undang belanjawan yang sudah diluluskan oleh Parlimen bagi tahun itu. Dalam sejarah, inilah pertama kali Seri Paduka enggan menandatangani satu rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Seri Paduka enggan memberi perkenan diraja itu kerana dua pindaan yang dicadangkan melibatkan kedudukan baginda. Salah satu pindaan itu bertujuan untuk menetapkan tempoh bagi Yang di-Pertuan Agong memberi perkenan bagi setiap rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Tempoh 15 hari telah ditetapkan bagi tujuan itu. Sekiranya dalam waktu tersebut, Seri Paduka tidak memberi perkenan baginda, rang undang-undang berkenaan secara automatik menjadi undang-undang. Sebelum pindaan itu dicadangkan, tidak ada tempoh tertentu ditetapkan baik di peringkat persekutuan maupun negeri.

Pindaan Perlembagaan yang satu lagi berkait dengan kuasa mengisytiharkan darurat. Dalam Perlembagaan 1957, kuasa berbuat demikian adalah kuasa Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat perdana menteri tentunya. Tetapi di bawah pindaan yang dicadangkan pada 1983, kuasa itu dipindahkan kepada perdana menteri. Dari segi teknik, pemindahan kuasa itu tidak membawa apa-apa perubahan struktur dalam mengisytiharkan darurat. Ini kerana sekalipun kuasa mengisytiharkan itu terletak pada tangan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara, tetapi baginda hanya boleh berbuat demikian setelah dinasihat oleh perdana menteri. Ini membawa pengertian Yang di-Pertuan Agong tidak boleh sesuka hati baginda mengisytiharkan darurat. Dalam sejarah, keadaan darurat yang telah diisyiharkan oleh baginda, baik di Sarawak pada 1960-an, di peringkat pusat pada 1969, di Kelantan pada 1970-an, semuanya dibuat setelah dinasihat oleh perdana menteri. Dalam konteks itu, memindahkan kuasa itu ke tangan perdana menteri adalah lojik yang tidak akan mendapat bantahan.

Dari segi kerajaan, seperti yang dijelaskan oleh perdana menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kedua-dua pindaan itu dibuat dengan tujuan untuk menjelaskan lagi definisi sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Ini

bertujuan untuk mengelakkan salah faham tentang kuasa raja (yang sudah tidak lagi mutlak) dengan kuasa rakyat sebagai pemerintah mutlak negara. Misalnya kerajaan berhujah bahawa tempoh 15 hari ditetapkan untuk Yang di-Pertuan Agong memberi perkenan bertujuan untuk mengelakkan sebarang kelengahan atau kelewatan dalam mendapat perkenan bagi rang undang-undang menjadi undang-undang. Benar, selama ini kelewatan dalam memberi perkenan telah tidak berlaku, tetapi kemungkinan ia berlaku di masa-masa depan tidak dapat dinafikan. Untuk mengelakkan hal seumpama itu terjadi, maka langkah-langkah awal telah diambil untuk mengelakkan timbulnya sebarang kekeliruan yang bukan-bukan.

Lagipun tatkala di peringkat persekutuan sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen telah berjalan tetapi di peringkat negeri beberapa gangguan telah diketahui berlaku. Dalam meminda Perlembagaan itu, perkembangan dalam hubungan antara istana dan rakyat yang terjadi pada sekitar akhir 1970-an dan awal 1980-an, tidak dapat tidak telah mempengaruhi para pemimpin kerajaan pusat, yang mewakili rakyat. Pergolakan di tiga buah negeri—Perak, Pahang dan Johor—akan disentuh di sini sebagai latar belakang pada krisis Perlembagaan 1983 itu.

Di Perak, rasa tidak senang Sultan Perak ketika itu, Raja Idris Shah, dengan Tan Sri Ghazali Jawi yang telah dilantik semula sebagai menteri besar oleh perdana menteri Tun Abdul Razak, pada akhir 1970-an, memang sudah diketahui umum. Tetapi menyedari bahawa baginda adalah seorang raja berperlembagaan, Sultan Perak telah tidak membantah atau menolak perlantikan Tan Sri Ghazali itu yang bukan sahaja mendapat sokongan UMNO Perak, tetapi juga ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang lain. Sebabnya sekalipun Perlembagaan Negeri, seperti halnya dengan Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa kuasa melantik menteri besar adalah kuasa sultan, tetapi sultan tidak boleh melantik siapa yang

baginda suka ke jawatan itu. Baginda mesti melantik seorang yang pada perhitungan baginda mendapat sokongan sebahagian besar parti yang menguasai Dewan Negeri. Dalam konteks negeri Perak, parti itu ialah UMNO dan Perikatan yang dikuasai oleh UMNO. Dalam perspektif itulah, Tan Sri Ghazali Jawi, telah dinamakan sebagai Menteri Besar Perak dan diterima oleh Sultan Perak sekalipun baginda tidak senang dengan pemilihan itu. Kerana tidak ada kuasa menolak, baginda memperlihatkan rasa tidak senang baginda dengan enggan untuk memberi kerjasama kepada menteri besarnya itu. Dalam majlis-majlis yang baginda hadiri, menteri besar tidak dibenarkan hadir. Sebagai tanda tidak senang, baginda juga tidak mencukur jambang dan janggut baginda selagi Tan Sri Ghazali tidak diganti dengan seorang tokoh lain. Untuk menyelesaikan krisis kecil di Perak itu akhirnya diatasi dengan menukar Tan Sri Ghazali dengan seorang menteri besar baru. UMNO telah bertolak ansur, tetapi dalam menamakan menteri besar baru, parti itu telah mengemukakan calon pilihannya sendiri.

Di Pahang pula hubungan istana dengan kerajaan yang diwakili oleh rakyat menjadi masalah apabila Datuk Abd. Rahim Bakar telah dilantik menjadi menteri besar yang seperti halnya di Perak, tidak begitu disenangi oleh sultan. Ini kerana sebelum itu Sultan Pahang, seperti yang telah dijelaskan oleh Tunku Abdul Rahman dalam bukunya *Malaysian Politics*, telah meminta UMNO Pahang mengemukakan lebih daripada satu nama bagi jawatan menteri besar itu. Kemudian, terpulanglah kepada baginda untuk melantik daripada senarai itu siapa juga menjadi menteri besar. Tetapi Ketua UMNO Pahang, Tan Sri Hamzah Abu Samah, telah tidak berbuat demikian. Sebaliknya, beliau hanya mengemukakan nama Datuk Abd. Rahim Bakar sahaja. Sultan Pahang yang sedar akan kedudukannya sebagai raja berperlembagaan dalam ketiadaan pilihan itu tidak boleh menolak calon yang telah dikemukakan

oleh parti yang mewakili kuasa rakyat itu. Jadilah, Datuk Abd. Rahim Bakar menteri besar tetapi dengan implikasi yang tidak begitu baik dengan istana. Keadaan menjadi begitu buruk sehingga pada satu ketika, Putera Mahkota Pahang, apabila menjadi Pemangku Raja sewaktu Sultan Pahang dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong membayangkan bahawa baginda tidak akan memberi perkenan kepada rang undang-undang belanjawan negeri selagi Datuk Abd. Rahim Bakar menjadi menteri besar. Krisis istana-rakyat itu bagaimanapun akhirnya diselesaikan dengan UMNO mengundurkan Datuk Abd. Rahim Bakar daripada menjadi menteri besar. Rakyat, sekali lagi telah beralah.

Di Johor pergeseran antara menteri besar ketika itu, Tan Sri Osman Saat dengan Sultan Johor berlaku ada kaitannya dengan keputusan sultan menamakan Tengku Mahmood sebagai Tengku Mahkota, mengambil alih jawatan yang disandang oleh Tengku Abdul Rahman, pada 29 April 1981. Dari segi hierarki, Tengku Mahmood, sebagai putera yang lebih tua, memang berhak mewarisi kesultanan Johor itu. Malah 20 tahun sebelum itu, Tengku Mahmood memang telah memegang jawatan itu. Atas sebab-sebab tertentu, baginda kemudian dilucutkan kedudukannya dan jawatan itu diberi kepada adinda baginda, Tengku Abdul Rahman. Tetapi pada saat akhir ketika Sultan Johor sedang dalam keadaan gering tenat, baginda menukar fikiran dan melantik semula Tengku Mahmood sebagai Tengku Mahkota, yang telah membolehkan baginda menjadi sultan selepas kemangkatan ayahanda baginda.


Perlantikan itu telah tidak dirundingi dengan menteri besar. Sebagai orang yang mewakili kuasa rakyat, Tan Sri Osman Saat berasa dirinya berhak untuk diberitahu. Apabila itu berlaku, beliau telah melahirkan rasa tidak senang beliau secara terbuka. Tetapi kerana kuasa menentukan pengganti adalah kuasa sultan, tidak ada apa yang boleh dibuat untuk menukar keputusan itu.

Apabila Tengku Mahkota, Tengku Mahmood menjadi sultan selepas kemangkatan ayahandanya, baginda menunjukkan rasa tidak senang baginda pada menteri besar dengan mengumumkan pengambilalihan kompleks kerajaan di Bukit Timbalan. Secara terbuka dinyatakan bahawa langkah itu adalah untuk meletakkan kesultanan Johor dalam arus utama jentera kerajaan. Perbuatan itu dilihat oleh sesetengah pemerhati politik, sebagai telah melampaui fungsi baginda sebagai raja berperlembagaan. Selepas peristiwa itu, krisis istana-rakyat menjadi hampir terbuka, tetapi hanya berjaya diatasi dengan pengunduran Tan Sri Osman Saat daripada menteri besar.


Tidak syak lagi dalam memahami pindaan Perlembagaan pada 1983 yang telah mencetuskan satu krisis yang hampir-hampir membawa pada runtuhnya sistem raja berperlembagaan, demokrasi berparlimen pergolakan-pergolakan dalam hubungan menteri besar-sultan di tiga buah negeri perlu diambil kira. Selain itu, hujah perdana menteri bahawa pindaan yang dibuat itu bertujuan untuk menjelaskan lagi fungsi raja berperlembagaan dalam sebuah negara demokrasi berparlimen supaya tidak timbul sebarang kekeliruan pada masa-masa akan datang, juga tidak boleh ditolak begitu sahaja. Sebabnya, ketika Tunku Abdul Rahman menjadi perdana menteri, beliau ada mencoretkan bagaimana sultan-sultan di sesetengah negeri telah melampaui fungsi mereka sebagai raja berperlembagaan, terutama berkait dengan permohonan untuk mendapatkan tanah dan kawasan balak. Selain itu, Tunku Abdul Rahman juga melaporkan ada sultan mahu seorang tokoh pilihannya menjadi menteri besar di negerinya. Bagi Tunku Abdul Rahman perbuatan itu jelas bercanggah dengan kedudukan sultan sebagai raja berperlembagaan. Ada juga sultan, kerana menyedari bahawa baginda tidak boleh menolak calon menteri besar dari-pada parti yang berkuasa di negeri berkenaan, telah mengambil tindakan untuk melewati-lewatkan pemberian perkenan pada perlantikan itu. Pindaan Perlembagaan yang dibuat pada

1983 yang kemudian akan diikuti oleh pindaan yang sama di peringkat negeri, bertujuan untuk mengatasi gangguan-gangguan serupa itu.

Bagaimanapun krisis raja-rakyat 1983, tidak mengakibatkan runtuhnya sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen di negara ini. Satu kompromi telah diusahakan untuk menyelamatkan keadaan. Di bawah kompromi itu, parlimen bersetuju untuk mengekalkan kuasa mengisytiharkan darurat pada tangan Yang di-Pertuan Agong seperti yang terkandung dalam Perlembagaan 1957. Bagaimanapun tempoh bagi baginda memberi perkenan pada rang undang-undang ditambah menjadi 30 campur 30 hari dan bukannya 15 hari. Apabila satu rang undang-undang dikemukakan kepada baginda, Yang di-Pertuan Agong mempunyai 30 hari untuk memberi perkenan atau untuk mengembalikannya semula kepada Parlimen bagi pindaan selanjutnya. Selepas parlimen membincangkan dan meluluskannya semula, Yang di-Pertuan Agong sekali lagi diberi tempoh 30 hari untuk memberi perkenan. Selepas waktu itu, rang undang-undang itu secara automatik akan menjadi undang-undang tidak kira sama ada ia mendapat perkenan baginda atau tidak.




1 Lebih 200 000 orang membanjiri Padang Majlis Daerah Batu Pahat pada 8 Disember 1983 untuk menunjukkan sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed berhubung dengan pindaan perlumbagaan tentang kedudukan dan peranan raja-raja.




2 Datuk Seri Dr. Mahathir berucap dalam perhimpunan 200 000 orang rakyat di Padang Majlis Daerah Batu Pahat pada 8 Disember 1983 tentang pindaan perlembagaan.




3 Tiga orang wakil UMNO untuk mengadap Majlis Raja-raja tentang pindaan perlembagaan tahun 1983 lalu. Dari kiri: Allahyarham Datuk Seri Kamaruddin Md. Isa, Datuk Mustapha Jabar dan Encik Ghafar Baba.




4 Sebahagian daripada raja-raja atau wakil bermesyuarat sebelum dikunjungi oleh wakil-wakil UMNO bersabit dengan pindaan perlembagaan tentang kedudukan dan peranan raja-raja.



5 Pertemuan di antara Majlis Raja-raja dengan wakil UMNO tentang isu pindaan perlembagaan.



6 Perhimpunan agung UMNO 1990 yang membahaskan secara terbuka kedudukan dan peranan raja berperlembagaan.



7 Barisan exco Pemuda UMNO yang turut membincangkan isu raja berperlembagaan dalam Perhimpunan UMNO 1990 lalu.

8 Antara wakil-wakil yang turut membahaskan isu raja berperlembagaan dalam Perhimpunan UMNO 1990.



8(a) Encik Nazri Tan Sri Aziz (Pemuda UMNO)
hal. 77-83


8(b) Tan Sri Hajah Aishah Ghani (Wanita UMNO)
hal. 64-73



8(c) Dato Dr. Affifuddin

Haji Omar (Kedah)


hal. 91-101



8(d) Encik Zaharin Mohd.

Hashim (Pulau Pinang)

hal. 48-55



8(e) Encik Zaid Ibrahim

(Kelantan)

hal. 89-91

9 Antara Menteri-menteri Besar yang 'bermasalah' dengan raja/sultan negeri masing-masing dalam menjalankan pentadbiran negeri.



9(a) Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi (Perak)

9(b) Datuk Abd. Rahim Bakar (Pahang)



**9(c) Tan Sri Hj.
Osman Saat (Johor)**



**9(d) Tan Sri Haji
Mohammad Yaacob
(Kelantan)**



**9(e) Tan Sri Muhammad
Haji Muhammad Taib
(Selangor)**





10 DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong bersama DYMM SPB Raja Permaisuri Agong semasa merasmikan salah satu sidang parlimen: Kedudukan raja tetap terjamin di negara ini.

11 DYMM-DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong: Lambang pemerintahan raja berpelembagaan di negara kita.

11(a) DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong pertama





11(b) DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong kedua

11(c) DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong ketiga





11(d) DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong keempat

11(e) DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong kelima





11(f) DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong keenam

11(g) DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong ketujuh





11(h) DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong kelapan

11(i) DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong
kesembilan



POLITIK DAN RAJA

UMNO yang telah menginstitusikan sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen setiap tahun mengadakan perhimpunan untuk membincangkan berbagai-bagai dasar penting negara—politik, ekonomi dan sosial. Tetapi sehingga perhimpunan 1990, parti itu tidak pernah memperkatakan peranan raja berperlembagaan secara terbuka. Ini membayangkan pada keseluruhannya UMNO, sekalipun dari masa ke masa ada gangguan di sana sini, berpuas hati dengan perjalanan sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen yang telah diasaskannya. Apa juga ketempangan dalam sistem itu, misalnya, berkait dengan kehadiran menteri-menteri besar yang tidak begitu disenangi oleh sultan-sultan, telah dibetulkan dengan cara yang tidak menimbulkan masalah.

Dalam banyak hal, UMNO biasanya mengambil sikap berlahar. Menteri besar yang tidak disenangi oleh sultan, seperti yang berlaku di Perak dan Pahang telah diganti. UMNO telah tidak mengambil pendirian berkonfrontasi sekalipun sebagai mewakili kuasa rakyat ia sebenarnya boleh berbuat demikian. Begitu sayangnya UMNO terhadap pemerintahan beraja, sehingga ia telah mengambil langkah-langkah memperketatkan Akta Hasutan 1948 selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969 berkait dengan kedudukan istimewa raja-raja. Siapa juga yang membangkitkan soal raja dengan tujuan untuk membangkitkan kebencian rakyat terhadap sistem itu dianggap sebagai menghasut. Perbuatan itu dianggap menderhaka. Ahli-parlimen juga tidak lagi mendapat keistimewaan untuk mempersoalkan perbelanjaan diraja di Parlimen seperti sebe-

lum pindaan itu dibuat. Apa juga yang diperuntukkan untuk keperluan diraja, diluluskan tanpa perbahasan. Dalam keadaan itu, tidak siapa yang berani untuk memperkatakan kedudukan raja sekalipun Akta Hasutan, seperti yang dijelaskan oleh peguam Zaid Ibrahim, sebenarnya tidak melarang membahaskan peranan raja berperlembagaan sekiranya ia bertujuan untuk memperkuuhkan dan menjelaskan lagi peranan sistem itu.

Tetapi toleransi dan kesabaran UMNO juga ada hadnya. Sebagai reaksi kepada tindak tanduk Sultan Kelantan yang menurut hemat pucuk pimpinan UMNO—negeri dan pusat—telah melampaui fungsi baginda sebagai raja berperlembagaan dalam pilihanraya umum Oktober 1990, parti itu telah memutuskan untuk memperkatakan peranan raja berperlembagaan secara terbuka dalam perhimpunan tahunan UMNO tahun itu. Tujuan perbincangan itu diadakan, seperti yang dijelaskan oleh presiden parti, bukannya bertujuan untuk mempersoal peranan raja berperlembagaan, tetapi untuk menjelaskan peranan itu seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Komitmen UMNO pada sistem raja, menurut beliau tidak pernah luntur. UMNO sebaliknya bukan sahaja akan mempertahankan sistem itu, tetapi akan mengambil jalan untuk memperkuuhkannya ke darjah yang benar-benar mulia.

Atas kesedaran itu, dengan persetujuan Majlis Tertinggi beliau telah membenarkan Perhimpunan Agung UMNO 1990 membincangkan satu usul peranan raja berperlembagaan buat pertama kalinya dalam sejarah parti itu. Matlamatnya untuk menjelaskan kepada umum dan kepada raja-raja Melayu itu apakah maksud raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen supaya penyelewengan dalam sistem itu, seperti yang berlaku di Kelantan, tidak merebak sehingga mencemari sistem raja berperlembagaan.



Krisis Di Kelantan

Dalam pilihanraya umum Oktober 1990, Barisan Nasional pimpinan UMNO sekali lagi telah menang dengan majoriti dua pertiga di peringkat persekutuan. Tetapi kejayaan itu telah dicemari oleh kekalahan teruk parti pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Kelantan. Kerajaan UMNO di negeri itu telah tumbang pada gabungan PAS dan parti Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah. Tidak seorang pun calon UMNO, baik bagi kerusi parlimen atau negeri, telah menang di Kelantan. Penguasaan UMNO di Kelantan yang berjaya ditawan daripada PAS dalam tahun 1978 berakhir.

UMNO menghormati pilihan rakyat Kelantan itu. Tetapi di sebalik penerimaan itu, peranan Sultan Kelantan dalam pilihanraya itu telah ditimbulkan. UMNO merasakan, dan perasaan ini memang berasas, bahawa dalam pilihanraya itu Sultan Kelantan terang-terang telah melanggar fungsi baginda sebagai raja berperlembagaan dengan mencampuri urusan politik. Dalam pilihanraya itu, baginda dikatakan telah memihak kepada PAS dan Semangat 46. Baginda telah menghasut pengundi supaya jangan mengundi UMNO dan menggunakan institusi-institusi negeri yang bernaung di bawah baginda. Selaku ketua agama, baginda mempunyai pengaruh langsung terhadap Majlis Agama Negeri dan institusi-institusi majlis yang berada di bawahnya. Sebagai sultan, baginda juga mempunyai pengaruh langsung ke atas Perkhidmatan Awam.

Lebih daripada itu, baginda diketahui tidak menyenangi menteri besar ketika itu, Tan Sri Mohammad Yaacob yang juga Ketua UMNO Kelantan. Rasa tidak senang itu memuncak apabila baginda memberitahu Tan Sri Mohammad supaya tidak menghadiri majlis-majlis rasmi negeri yang dihadiri oleh baginda. Menteri besar itu juga telah tidak dijemput untuk berucap pada perayaan hari jadi sultan atau menyambut kepula-

ngan baginda dari lawatan luar negeri di lapangan terbang. Tindak tanduk baginda itu adalah isyarat bahawa baginda mahu UMNO menggantikan Tan Sri Mohammad sebagai menteri besar. Tetapi pucuk pimpinan UMNO berpendapat baginda tidak ada hak untuk menyatakan pilihan siapa yang patut menjadi menteri besar, tidak mengendahkan isyarat-isyarat itu. Sekalipun sultan tidak menyenangi Tan Sri Mohammad sebagai menteri besar, beliau turut bertanding dalam pilihanraya 1990 itu yang telah menghasilkan keputusan yang mengejutkan itu.

Di sebalik perbalahan sultan-menteri besar itu juga tersembunyi perpecahan di kalangan orang-orang UMNO di Kelantan yang ada kaitan dengan kegagalan Tengku Razaleigh Hamzah, seorang kerabat diraja Kelantan, untuk mengalahkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dalam pemilihan 1987. Kekalahan itu mendorong Tengku Razaleigh membentuk serpihan daripada UMNO yang dikenal sebagai Semangat 46. Sekalipun perpecahan itu berlaku di negeri-negeri lain, tetapi di Kelantan, kerana pengaruh kenegerian, perpecahan itu begitu menonjol. Sultan Kelantan yang mempunyai persaudaraan dengan Tengku Razaleigh, jelas telah membantu kemenangan Tengku Razaleigh di negerinya sendiri. Bagi UMNO apa yang telah baginda lakukan itu adalah penyelewengan daripada fungsi baginda sebagai raja berperlembagaan yang menghendaki sultan tidak mencampuri urusan politik. Apa yang dimahukan oleh UMNO ialah bukan bagi Sultan Kelantan, atau mana-mana sultan yang lain, untuk menyokong parti itu, atau mana-mana parti lain yang bertanding dalam pilihanraya. UMNO mahu sultan-sultan mengambil sikap yang berkecuali dan tidak memihak pada mana-mana parti dan selepas itu menerima sahaja pihak yang menang untuk direstui membentuk kerajaan. Tetapi dengan terang-terang mencampuri urusan politik, Sultan Kelantan menurut hemat UMNO, telah mencabuli status baginda sebagai raja

berperlembagaan. Patutkah perkara itu didiamkan sahaja? UMNO membuat keputusan untuk memperkatakan perkara itu secara terbuka. Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan pada Disember 1990, iaitu kira-kira dua bulan selepas pilihanraya umum adalah landasan yang sesuai.

Usul Raja Berperlembagaan UMNO

Usul Raja Berperlembagaan UMNO dalam perhimpunan 1990 telah dicadangkan oleh UMNO Pulau Pinang dan disokong oleh UMNO Negeri Sembilan pada 1 Disember 1990. Sejumlah 12 orang wakil UMNO dari setiap negeri, termasuk wakil Pergerakan Pemuda dan Wanita telah membahaskannya selama setengah hari keesokannya, iaitu pada 2 Disember 1990. Ia diluluskan sebulat suara.

Usul tersebut tidak bermaksud untuk mengancam kedudukan raja-raja Melayu. Encik Zaharin Mohd. Hashim, sewaktu mencadangkan usul tersebut menyatakan usul tersebut antara lain bertujuan untuk:

- Terus berusaha memelihara dan mengambil langkah-langkah untuk mempertahankan martabat, keutuhan dan kedaulatan raja-raja Melayu dan institusi kesultanan dari apa juga bentuk penyelewengan dan pencabulan oleh mana-mana pihak.
- Terus berusaha agar raja-raja Melayu dan institusi kesultanan kekal menjadi lambang ketuanan dan perpaduan rakyat sesuai dengan prinsip dan amalan raja berperlembagaan.
- Berusaha bagi memastikan agar raja-raja Melayu tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan politik kepartian atau kumpulan dan pentadbiran melainkan mengikut apa yang termaktub dalam perlembagaan.
- Menentang sekeras-kerasnya kumpulan institusi dan pertubuhan yang telah mengheret seorang raja di negeri ter-

tentu ke gelanggang politik kepartian dan kumpulan sehingga menyebabkan nama raja tercemar kerana berkempen dalam pilihanraya.

- Memohon kebijaksanaan Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu supaya berpegang teguh kepada Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan Negeri demi menjamin keutuhan, kedaulatan serta kelangsungan institusi kesultanan.
- Memohon kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu untuk memastikan supaya apa juga institusi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang terletak di bawah kuatkuasa raja-raja Melayu seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Majlis Agama Islam tidak lagi disalahgunakan untuk kepentingan politik kepartian, kumpulan atau pertubuhan.
- Memohon kefahaman dan keprihatinan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu bahawa sistem demokrasi berparlimen, bererti politik kepartian, kumpulan dan pentadbiran adalah peranan yang dipertanggungjawabkan kepada parti-parti politik yang diberi mandat oleh rakyat melalui pilihanraya.

Encik Zaharin juga menerangkan, pihak beliau telah mengemukakan usul itu kerana tiga sebab. Pertama, prinsip raja berperlembagaan adalah amat penting dan UMNO mestilah mempertahankan prinsip Perlembagaan UMNO seperti di masa-masa lalu khususnya pada waktu bangunnya UMNO menentang Malayan Union yang berhasrat untuk menghapuskan raja-raja Melayu. Kedua, negara kita mendukung prinsip kedaulatan rakyat yang meletakkan kuasa pada tangan rakyat melalui Dewan Rakyat dan jemaah menteri yang dipilih oleh rakyat. Ketiga, ada tanda-tanda bahawa prinsip raja berperlembagaan tidak difahami dan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu hingga ia menjadi bertentangan dengan prinsip kedaulatan rakyat.

Apabila UMNO memutuskan untuk membincangkan peranan raja berperlembagaan secara terbuka, terdapat keimbangan bahawa ahli-ahli parti akan membincangkannya secara emosional sehingga menimbulkan perkara-perkara yang dianggap sensitif. Terbukti tanggapan itu adalah silap. Mereka yang berpeluang untuk membahaskan usul tersebut telah memperlihatkan kematangan yang agak luar biasa. Mereka memahami peruntukan-peruntukan Perlembagaan berkait dengan soal itu. Dalam membahaskan usul itu, tidak ada desakan dibuat supaya sistem raja berperlembagaan dikaji semula; atau suara-suara yang mahukan sistem itu dikenyatakan sekiranya ia tidak lagi menguntungkan. Yang bercakap semuanya menyatakan pendirian bahawa raja dan UMNO adalah ibarat aur dengan tebing, muzik dan irama, isi dengan kuku. Kata-kata itu membayangkan bahawa UMNO dan raja mempunyai ikatan simbiotik yang tidak dapat dipisahkan. Apa yang dikkehendaki oleh kedua-dua unsur itu memainkan peranan seperti yang ditetapkan. Tidak lebih tidak kurang.

Setiap pembahas turut memuji sultan masing-masing yang menurut mereka sebahagian besar tempoh bertakhta mereka sentiasa berpegang teguh pada perjanjian yang telah dibuat dengan rakyat. Malah wakil Kelantan, Zaid Ibrahim sendiri tidak mengambil pendirian yang kritikal terhadap sultannya. Bagi beliau Sultan Kelantan sebenarnya cerdik, tetapi telah diperdulian oleh golongan-golongan tertentu. Beliau tidak menyalahkan sultan, tetapi kumpulan-kumpulan tersebut telah mengheret istana ke dalam kancalah politik.

Pembahas-pembahas lain, antaranya Adam Abdul Hamid, Dato Dr. Affifudin Hj. Omar bukan sahaja menyalahkan sultan apabila mereka mencampuri politik. Menurut mereka orang-orang UMNO sendiri yang pada waktu-waktu tertentu mengheret sultan ke kancalah politik. Ini kerana menurut mereka ada antara orang UMNO kerana ingin menjadi Exco atau menteri besar telah melobi pihak istana. Malah ada orang

UMNO yang didakwa tidur di istana semata-mata kerana ingin menjadi ahli Dewan Rakyat. Jelas di sini bahawa yang dikritik oleh orang-orang UMNO ialah kecenderungan mereka sendiri untuk melibatkan sultan dalam politik. Menurut mereka hal ini tidak patut berlaku, dan jika terjadi, UMNO sendirilah yang patut disalahkan.

Dalam perbahasan terbuka di perhimpunan UMNO itu juga didedahkan dengan cara yang berterus terang apa yang dianggap sebagai campur tangan sultan dalam politik, bukan sahaja di Kelantan, tetapi di negeri-negeri lain juga. Antara yang didedahkan termasuklah: ada sultan bertindak tidak mengikut nasihat menteri besar; sultan menolak calon menteri besar yang dikemukakan oleh UMNO negeri; sultan lengah-lengahkan perlantikan menteri besar dan Exco; adanya sultan yang ingin mengambil kesempatan untuk menentukan menteri besar, Exco dan mempengaruhi perlantikan dalam perkhidmatan awam.

Di samping itu, pembabitan sultan-sultan tertentu dalam dunia perniagaan, yang jelas dilarang oleh Perlembagaan Persekutuan dan Negeri juga didedahkan dan dihuraikan secara terperinci. Ini dilakukan oleh Dato Dr. Affifudin Hj. Omar dari Kedah. Menurut analisisnya, sultan berkecimpung dalam dunia perniagaan kerana ingin memperbaiki status sosioekonomi mereka yang semakin dicabar oleh kemunculan jutawan-jutawan Melayu yang secara terbuka sudah menyaingi kedudukan sultan itu sendiri. Ini berlaku kerana ada antara jutawan Melayu baru itu memiliki kedudukan kebendaan yang lebih baik. Sultan yang tidak mahu kalah dari segi persaingan itu lalu melibatkan diri dalam dunia perniagaan.

Jelas bahawa selama setengah hari dalam perhimpunan UMNO 1990, para perwakilan UMNO buat pertama kalinya telah membincangkan peranan raja berperlembagaan secara terbuka dan berterus terang tanpa emosi. Anggapan bahawa memperkatakan raja adalah satu larangan atau *taboo*, sudah

dipecahkan. Orang-orang Melayu sekarang maklum bahawa sekiranya memperkatakan kedudukan raja-raja mereka dengan tujuan kebaikan, perbuatan itu sebenarnya tidak menghasut atau satu penderhakaan. Mereka hanya akan dituduh menghasut sekiranya mereka memperkatakan kedudukan raja-raja dengan tujuan untuk membangkitkan kebencian rakyat terhadap institusi itu. Dalam perhimpunan UMNO itu jelas kecenderungan ke arah itu tidak ada. Apa yang ada ialah seruan supaya sultan-sultan berpegang pada perjanjian dengan rakyat untuk menjadi raja berperlembagaan yang disara sepenuhnya oleh rakyat. UMNO nampaknya akan terus mempertahankan raja berperlembagaan yang telah ia asaskan. Ucapan-ucapan 14 orang perwakilan UMNO yang telah membahaskan usul raja berperlembagaan membayangkan komitmen UMNO itu. Ini pula diperkuuhkan oleh presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir dalam ucapan penutupnya.

Itu sebabnya, selepas usul itu diluluskan, pucuk pimpinan UMNO telah menyerahkannya kepada raja-raja Melayu untuk makluman baginda. Tidak ada cadangan bagi meminda Perlembagaan berkait dengan soal itu. Malah desakan supaya Akta Hasutan 1948 dilonggarkan bagi membolehkan rakyat membincangkan tindak tanduk raja-raja Melayu secara terbuka tanpa berdepan dengan dakwaan menderhaka atau menghasut, telah tidak dilayan oleh kerajaan pimpinan UMNO. Ini bermakna bahawa memperkatakan sesuatu yang berkait dengan raja-raja Melayu dengan tujuan untuk membangkitkan kebencian atau kehinaan terhadap institusi itu, tetap dianggap satu kesalahan besar dari segi undang-undang negara. Komitmen UMNO pada institusi raja berperlembagaan tetap tidak luntur seperti pada 1946 dan 1957 tatkala kita memasuki abad ke-21.

ANTARA RAKYAT DAN RAJA

DALAM Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1990, usul campur tangan istana dalam urusan politik dan pentadbiran negara hangat dibahaskan. Dua belas orang wakil dari berbagai negeri tampil memberikan hujah, pandangan dan pendapat tentang sistem raja berperlembagaan ini. Sebagai dokumentasi sejarah yang berharga, isi perbahasan wakil-wakil UMNO itu ditulis kembali secara sedutan untuk tatapan rakyat, terutama untuk tatapan generasi yang akan datang.

Zaharin Mohd. Hashim (Pulau Pinang)

Usul tentang campur tangan istana dalam urusan politik dan pentadbiran negara dibentangkan oleh Perwakilan Perhubungan UMNO negeri Pulau Pinang. Wakilnya, Zaharin bin Mohd. Hashim, membacakan usul itu berserta dengan hujahnya sekali. Usul itu berbunyi seperti berikut:

'Menyedari hakikat bahawa negara kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, dan raja berperlembagaan yang dipilih oleh pejuang-pejuang kemerdekaan UMNO dengan keyakinan bahawa sistem ini akan menjamin kestabilan dan kelicinan pentadbiran negara.'

Kedua, menyedari sejarah sejak merdeka telah membuktikan bahawa sistem tersebut telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang stabil, dan mampu menjayakan pembangunan dengan baik melalui kerajaan-kerajaan pilihan rakyat yang berwibawa.

Menyedari bahawa asas demokrasi ialah pihak yang diamanah dan diberi kuasa boleh ditukar dan diganti oleh rakyat mengikut amalan sistem demokrasi berparlimen dan sebaliknya sebarang keadaan di mana pihak yang berkuasa tidak boleh ditukar bermakna menafikan demokrasi.

Menyedari bahawa penerimaan sistem raja berperlembagaan adalah bertujuan mengekalkan raja dan sistem beraja tanpa menjaskannya amalan demokrasi.

Menyedari bahawa sebarang perbuatan yang menyimpang dari pengertian dan semangat raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen boleh membawa kepada keruntuhan sistem ini.

Menyesali akan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Kelantan dalam pilihanraya baru-baru ini di mana semangat dan pengertian raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen telah dicabut sehingga tanda-tanda ke arah tergugatnya sistem demokrasi sudah pun mulai kelihatan.

Maka dengan penuh keinsafan, kesedaran dan tanggungjawab, kami mengambil ketetapan:

- Bahawa UMNO akan terus memelihara dan mengambil langkah-langkah untuk mempertahankan martabat, keutuhan dan kedaulatan raja-raja Melayu dan institusi kesultanan dari apa juga bentuk penyelewengan dan pencabulan oleh mana-mana pihak.
- Bahawa UMNO akan terus berusaha agar raja-raja Melayu dan institusi kesultanan kekal menjadi lambang ketuanan dan perpaduan rakyat sesuai dengan prinsip dan amalan raja berperlembagaan.
- Justeru itu UMNO akan terus berusaha bagi memastikan agar raja-raja Melayu dan institusi kesultanan bebas dari terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan politik kepartian atau kumpulan dan pentadbiran melainkan mengikut apa yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Oleh kerana itu Perhimpunan Agung UMNO 1990 yang

bersidang pada hari ini di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, mengambil keputusan sebulat suara menentang sekeras-kerasnya kumpulan institusi dan pertubuhan yang telah mengheret seorang raja di negeri tertentu ke gelanggang politik kepartian dan kumpulan sehingga menyebabkan nama raja tercemar kerana berkempen dalam pilihanraya.

Memohon kebijaksanaan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu supaya berpegang teguh kepada Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan Negeri demi menjamin keutuhan, kedaulatan serta kelangsungan institusi kesultanan.

Memohon kebijaksanaan Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu untuk memastikan supaya apa juga institusi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang terletak di bawah kuatkuasa Duli-duli Yang Maha Mulia seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Majlis Agama Islam lebih-lebih lagi perkhidmatan awam tidak lagi disalahgunakan untuk kepentingan politik kepartian, kumpulan atau pertubuhan.

Akhir sekali ialah memohon kesahaman dan keprihatinan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu bahawa sistem demokrasi berparlimen, bererti politik kepartian, kumpulan dan pentadbiran adalah peranan yang dipertanggungjawabkan kepada parti-parti politik yang diberi mandat oleh rakyat melalui pilihanraya. Saya memperkenalkan usul ini untuk disokong.'

Dalam hujahnya mengemukakan usul itu Zaharin bin Mohd. Hashim berkata bahawa pertama, prinsip raja berperlembagaan dalam Perlembagaan negara kita itu amat penting dan UMNO mestilah mempertahankan prinsip Perlembagaan ini seperti pada masa-masa dahulu, khususnya pada waktu bangunnya UMNO menentang Malayan Union yang berhasrat untuk menghapuskan kuasa raja-raja Melayu.

Kedua, negara kita juga mendukung prinsip kedaulatan

rakyat yang meletakkan kuasa pada tangan rakyat, melalui Dewan Rakyat dan jemaah menteri yang dipilih oleh rakyat. Kedua-dua prinsip ini harus selaras dan tidak bercanggah. Inilah proses demokrasi yang kita semua amalkan.

Ketiga, ada tanda-tanda bahawa prinsip raja berperlembagaan tidak difahami dan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu hingga ia menjadi bertentangan dengan prinsip-prinsip kedaulatan rakyat.

Dalam pilihanraya yang lalu ada tanda-tanda yang menonjolkan campur tangan istana dalam proses politik di negeri tertentu. Kiranya perkara ini berlanjutan, ia boleh membawa kepada tergugatnya prinsip raja berperlembagaan.

Raja Tun Azlan sewaktu beliau menjadi ketua hakim negara telah mengakui bahawa terdapat beberapa insiden campur tangan oleh raja-raja dan pentadbiran negara, misalnya, dalam perlantikan menteri besar-menteri besar. Dalam pemikiran saya sepatutnya raja-raja Melayu tidak harus mencampuri perintahan negeri kerana ia bertentangan dengan tugas-tugas mereka yang termaktub di dalam Perlembagaan negara.

Konsep raja Melayu merupakan kesinambungan dari kesultanan Melayu Melaka dalam kegemilangan bangsa Melayu dan zaman prapenjajah. Apabila bangsa kita merdeka semula setelah terjajah selama 400 tahun, tradisi ini kita ubahsuai dengan menerima hakikat prinsip-prinsip raja berperlembagaan dan kedaulatan rakyat. Yang lebih selaras dengan keadaan politik dunia selepas Perang Dunia Kedua yang lebih mementingkan kepada kedaulatan rakyat.

Pada zaman jajahan British, mereka sedar bahawa cara untuk menguasai negeri-negeri Melayu adalah melalui campur tangan dan oleh sebab itu mereka telah memperalatkan raja-raja kita untuk memerintah rakyat jelata. Semua kuasa raja dibuang kecuali berkaitan dengan agama dan adat istiadat. Konsep raja berperlembagaan di negara ini adalah semata-mata untuk kepentingan mereka. Apabila negara ini sudah sedia

untuk merdeka, Tunku Abdul Rahman, pernah berkata, 'Raja takut apa yang akan terjadi kepada mereka, jika rakyat menguasai negara.'

Mereka khuatir akan menghadapi nasib yang sama seperti ketua-ketua negara di India, Pakistan, Indonesia dan lain-lain negara yang rakyatnya memilih pemerintahan sendiri. Orang-orang Melayu pada masa itu takut dengan penguasaan orang-orang Cina dalam bidang ekonomi dan orang-orang Cina dan India takut penguasaan orang-orang Melayu dalam politik dan mereka mahukan penglibatan dalam kerajaan di negeri yang mereka jadikan tempat tinggal mereka.

Oleh itu, Perlembagaan Merdeka yang diluluskan pada tahun 1957 adalah satu-satunya perlembagaan yang penuh dengan tolak ansur.

Dalam masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk ini, institusi raja-raja Melayu khasnya Yang di-Pertuan Agong penting, bukan sahaja dari kesinambungan sejarah, tetapi juga sebagai lambang perpaduan rakyat yang berbilang kaum. Rakyat berbilang kaum mencurahkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan hakikat ini memberikan negara Malaysia satu simbol tonggak perpaduan. Walau bagaimanapun simbol perpaduan yang berguna ini akan terjejas jika sekiranya prinsip raja berperlembagaan ini diketepikan dan institusi raja Melayu ini yang mengatasi sistem politik berparti terlibat dalam konflik parti. Mengikut sistem demokrasi, institusi raja-raja mengatasi politik parti, parti mana sahaja yang mendapat undi terbanyak dalam Dewan Rakyat akan menjadi kerajaan dan Yang di-Pertuan Agong menjalankan pentadbirannya atas nama kerajaan yang dipilih oleh rakyat, Yang di-Pertuan Agong tidak boleh bertindak memihak kepada mana-mana parti dan tidak boleh bertindak bertentangan dengan kehendak rakyat yang diwakili oleh kerajaan.

Selain dari campur tangan istana dalam politik, ada juga timbulnya dua isu penting yang membabitkan kedudukan raja-

raja Melayu. Pertama, adalah hak raja-raja Melayu dalam menceburi diri dalam dunia perniagaan. Ini bertentangan dengan Perlembagaan negara. Tun Mohamad Suffian sendiri pernah berkata dalam bukunya, *An Introduction To The Constitution of Malaysia*, bahawa terdapat beberapa sekatan kepada raja antaranya Yang di-Pertuan Agong tidak boleh mengambil bahagian dengan giat dalam apa-apa bidang perniagaan. Fasal 34 Perlembagaan Persekutuan.

Tetapi ada dakwaan bahawa terdapat raja-raja Melayu yang berkecimpung dalam dunia perniagaan. Kalau benarlah dakwaan tersebut, saya kira perbuatan ini telah melanggar Perlembagaan.

Perkara kedua, adalah berkaitan dengan imuniti dari tindakan mahkamah. Perkara ini juga berkaitan dengan apa yang telah saya katakan, mengikut perlembagaan yang ada, raja-raja Melayu tidak boleh diheret ke mahkamah sekalipun baginda melanggar undang-undang Tuhan seperti membunuh orang. Undang-undang yang ada sekarang juga tidak membolehkan seorang raja disaman atas kesalahan bersabit dengan perniagaan. Kiranya terdapat seorang raja yang tidak dapat menjelaskan hutang bank walaupun berpuluhan-juta, juga tidak boleh didakwa.

Oleh itu usul yang kami cadangkan ialah supaya mendapat persetujuan daripada saudara saudari sekalian, juga untuk menubuh satu jawatankuasa khas untuk mengkaji dan membuat syor-syor kepada parti dan kerajaan atas perkara-perkara berikut:

Yang pertama, ialah memperjelaskan peranan raja dalam proses politik negara, bolehkah seorang raja mengambil bahagian dalam politik berparti. Apakah tindakan yang harus diambil kiranya seorang raja memainkan peranan dan campur tangan dalam hal-hal politik dan pentadbiran negara. Kedua, untuk memperjelaskan peranan sultan dan raja-raja dalam bidang perniagaan. Ketiga, mengkaji dan mengemas-

kinikan undang-undang dan Perlembagaan bersabit dengan raja-raja yang tidak mematuhi undang-undang, misalnya, membunuh orang, tidak membayar hutang dan kesalahan-kesalahan yang lain. Keempat, mengkaji Perlembagaan atas peruntukan-peruntukan sejauh manakah raja boleh menyekat bil-bil dari jadi undang-undang. Kelima, mengkaji sama ada sultan berhak menolak calon parti untuk dilantik sebagai menteri besar ataupun ahli-ahli Exco negeri-negeri. Keenam, mengkaji dan memperjelaskan kepada semua pihak, peranan raja mutlak ataupun *absolute monarchy* dan raja berperlembagaan. Ketujuh, ialah memperjelaskan lagi hubungan antara konsep dan prinsip raja berperlembagaan dan kedaulatan rakyat dalam politik negara ini.

Oleh kerana tugas jawatankuasa ini sangat penting, maka kami juga ingin mencadangkan supaya kita menyerahkan penubuhan jawatankuasa ini kepada Majlis Tertinggi UMNO tetapi sebelum mereka membuat syor-syor kepada kerajaan, saya mencadangkan supaya mengemukakan syor-syor ini melalui satu Perhimpunan Agung Khas UMNO di mana kita semua boleh memberi pendapat kita.

Cadangan-cadangan ini juga bertujuan untuk mendapat pandangan dan fikiran kita semua dan juga daripada pakar-pakar undang-undang supaya syor-syor yang akan dikemukakan nanti bukan sahaja baik dari segi undang-undang, tetapi juga mewakili fikiran serta aspirasi rakyat.

Akhir kata, saya ingin menegaskan bahawa rakyat tidak pernah mempersoalkan ataupun mempertikaikan kedudukan, keistimewaan dan kebesaran raja-raja tetapi apabila berlakunya campur tangan dalam proses politik oleh pihak istana, raja-raja telah mempertikaikan hak dan kedaulatan rakyat.

Oleh itu, tibalah masanya supaya semua pihak memahami dengan baik peranan-peranan dan bidang kuasa masing-masing dalam perjalanan pentadbiran negara yang kita cintai ini. Raja-raja haruslah bertindak mengikut nasihat perdana

menteri, jemaah menteri ataupun menteri-menteri yang berkenaan ataupun menteri besar-menteri besar supaya selaras dengan konsep raja berperlembagaan.

Saya percaya saudara saudari semua setuju bahawa raja-raja tidak patut mencampuri dalam hal-hal politik negara. Andainya raja-raja Melayu sebagai raja-raja berperlembagaan ingin atau berhasrat menceburi politik, mereka mestilah memilih antara takhta dan politik.

Shaharudin Haji Hashim (Negeri Sembilan)

Saya mewakili Perhimpunan UMNO Negeri Sembilan menyokong usul yang dibentangkan.

Bagi kita bangsa Melayu yang hidup di Semenanjung Malaysia ini bukanlah suatu perkara baru berhubung dengan kesultanan dan juga raja-raja di negara ini dan kita semua memahami Perlembagaan yang kita bincang, Perlembagaan yang sedikit sebanyak terjejas oleh kerana adanya suasana-suasana yang bertentangan dengan ciptaan UMNO. Saya berpendirian dan bersikap daripada UMNO Negeri Sembilan ini membincangkan sedikit sebanyak terjejasnya Perlembagaan ini bukanlah merupakan satu perkara yang sensitif, bukanlah merupakan satu perkara yang tidak boleh kita bincang. Kalau kita boleh mencipta Perlembagaan ini, kenapa kita tidak boleh membincang kelemahan-kelemahan sesuai dengan amalan kita, sesuai dengan ideologi politik dalam UMNO yang menggunakan sistem pragmatis dan kita harus menerima pada satu ketika perubahan-perubahan yang berlaku.

Telah banyak pindaan kita buat di dalam Perlembagaan UMNO, namun satu daripada objektif utama dalam Perlembagaan UMNO ini tidak pernah dipinda, iaitu kedaulatan raja-raja Melayu. Mempertahankan kedaulatan raja-raja menjadi asas penting, menjadi objektif yang penting dalam UMNO dan kesetiaan ini tidak patut dipertikaikan oleh sesiapa. Tetapi

apabila Perlembagaan ini dilanggar, Perlembagaan ini dicuakan ataupun tidak diambilhiraukan, maka ia akan melibatkan juga Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri yang telah memberikan tempat kepada raja-raja dan sultan di negara ini di mana hak-haknya dan di mana juga hak parti politik yang memerintah negara ini berasaskan proses demokrasi, di mana kita diberi tempat untuk mentadbirkan negara kita ini.

Yang jelas, permintaan saya daripada UMNO Negeri Sembilan ini, bukan untuk meminda Perlembagaan seperti yang dilakukan dua atau tiga tahun yang lalu berhubung dengan pindaan Perlembagaan yang ditujukan kepada raja dan juga kepada Yang di-Pertuan Agong di mana bil-bil yang berkenaan sesudah diputuskan di Parlimen bagi bacaan kali yang ketiga dan disahkan sebagai undang-undang, ia disembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong dan juga di peringkat negeri dipersembahkan kepada raja dan sultan. Jika sekiranya pihak yang tertentu ini tidak menerima, dibahaskan semula di Parlimen dan selepas itu ia akan dianggap sebagai undang-undang. Ini sudah jelas pindaan dahulu telah pun dibuat dan telah pun dipersetujui. Tetapi apa yang jadi masalah, tidak patut kita sembunyikan; tidak patut kita ketepi dan tidak patut UMNO yang parti terbesar ini, parti yang memerintah negara kita ini mendiamkan diri walaupun ada kumpulan-kumpulan yang primitif dari kumpulan intelektual di negara kita dalam zaman moden ini yang menakutkan kita sebelum bersidang. Sebelum usul ini dibawa, mereka membuat ulasan dengan berbagai-bagai cara.

Tetapi yang jelas kepada kita sewaktu Karpal Singh, Timbalan Presiden DAP menyaman DYMM Sultan Selangor, tidak satu pun mulut golongan profesi ini bercakap. Apakah UMNO kita ini berpandukan kepada mereka ini yang tidak pernah memberi jasa dan khidmat kepada pembangunan perkembangan negara dan yang tidak pernah memberikan khidmat bagaimana untuk menyelamatkan kedaulatan raja-raja ini?

Mereka hanya orang-orang yang menerima nikmat hasil perjuangan UMNO ini. Apakah nasihat ini patut kita terima. Kita mempunyai penasihat yang ramai, terutama sekali presiden kita, timbalan presiden, majlis kerja tertinggi dan juga kita yang berada di peringkat bahagian dan juga cawangan-cawangan boleh menimbang dan memikirkan di mana yang baik. Soal pokoknya bukan pindaan Perlembagaan berhubung dengan kedaulatan raja-raja, tetapi mengharapkan memberi kuasa sepenuhnya dan memberi peluang kepada presiden parti sebagai perdana menteri untuk dapat memberikan pandangan dan kefahaman yang jelas kepada sultan-sultan dan raja-raja. Ini supaya dapat menghormati bersama Perlembagaan yang telah dicipta yang mana meletakkan institusi raja itu dihormati dan dimuliakan, maruahnya dikawal oleh Perlembagaan ini.

Kita semua memahami bagaimana kedudukan raja-raja. Saya telah pun berumur 60 tahun, dilahirkan tahun 1930 zaman British dahulu sebelum Perang Dunia Kedua dan saya melihat siapa raja-raja Melayu pada masa itu, bagaimana tarafnya dan kedaulatannya. Apabila Jepun memerintah, raja-raja Melayu tidak timbul langsung. Setelah British kembali semula ke negara ini mereka meletakkan raja-raja kita dengan taraf sebagai penghulu ataupun kadi-kadi yang diberikan tanggungjawab dengan adat istiadat Melayu dan agama Islam, tidak langsung dibenarkan campur urusan pentadbiran. Tetapi se-sudah UMNO mendapat kemerdekaan ini, UMNO memerintah negara kita ini, ia telah menjadi begitu kuat dan teguh dan kita semua dapat membaca di dalam perlembagaan dahulu, sebelum kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, British meletakkan sultan-sultan dan raja-raja Melayu mestilah menerima nasihat daripada penasihat British. Tetapi sekarang sultan dan raja-raja Melayu dan juga Yang di-Pertuan Agong menerima nasihat dalam menjalankan tugasnya dengan nasihat jemaah menteri ataupun perdana menteri. Begitu juga di peringkat negeri-negeri, raja-raja mestilah menerima nasihat

daripada Exco ataupun menteri besar dalam mentadbirkan majlis. Apa yang berlaku di peringkat ini kita tidak menyalahkan semuanya ini kepada institusi istana, tetapi kita harus menyalahkan kita sendiri yang menikam dari belakang.

Ada pemimpin-pemimpin UMNO sejak dahulu berlaku peristiwa demi peristiwa, yang mengharapkan kedaulatan istana untuk mendapat tempat yang baik dalam kempen politik. Ini juga menyebabkan faktor penting kenapa raja-raja dan sultan kadang-kadang agak naik angin sedikit kerana desakannya, tekanannya kepada menteri besar-menteri besar berlaku dan akhirnya ia akan merupakan kenyataan.

Bagi saya dari Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan ini mewakili kawasan yang paling ramai raja, tuan-tuan dari Selangor, Kedah cuma seorang raja, tetapi Negeri Sembilan mempunyai enam raja; satu Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, empat Datuk Undangan Empat dan satu Tunku Besar Tampin, mereka mempunyai kuasa di peringkat kawasan daerah masing-masing. Inilah kedudukan di Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, tuan-tuan memahami juga sedikit sebanyak timbul juga peristiwa-peristiwa ini, perlantikan menteri besar bermula di zaman Dr. Said dan saya mengikuti perkembangan ini di Negeri Sembilan kerana kali yang kelima saya bertanding pada tahun 1990 dan peristiwa-peristiwa ini dapat saya saksikan. Ia berlaku oleh kerana adanya pemimpin UMNO sendiri yang kadang-kadang menikam dari belakang yang tidak percaya atas proses demokrasi, yang ingin mendapat tempat melalui sokongan istana. Inilah bahayanya kepada kita. Dan kepada sidang perwakilan sekalian, perkara ini juga kita kena timbang. Yakin dan percayalah kepada kebolehan dan kepimpinan yang dipercayai oleh rakyat, yang ditunjukkan oleh bapa presiden kita dari Kuala Lumpur ini. Selagi amalan ini kita laksanakan kuasa ini akan terus ada di tangan kita. Kenapa kita datang pada petang ini berbincang berhubung dengan isu istana ini dan kenapa saya sanggup untuk menjadi

penyokong usul yang dibentangkan oleh Pulau Pinang ini ialah semata-mata ingin melihat supaya bangsa ini akan terus menjadi bangsa yang megah, bangsa yang berkuasa dan bangsa yang berdaulat. Kalau bangsa Melayu tidak berdaulat di negara kita ini, jangan diharap kedaulatan raja-raja dan sultan akan ada kerana di sinilah terletaknya kuasa dan kedaulatan raja, sebab kita orang Melayu dan raja-raja kita juga raja-raja Melayu yang dilambangkan untuk lambang kebanggaan dan kemegahan bangsa kita di bumi kita sendiri dan tidak ada siapa yang mendaulatkan raja-raja ini, tetapi UMNO-lah yang mendaulatkannya.

Dengan sebab itu, kita berharap peristiwa-peristiwa yang terjadi di Kelantan, peristiwa-peristiwa yang terjadi juga di beberapa negeri lain, dari perlantikan menteri besar yang tersangkut sedikit sebanyak, Negeri Sembilan sudah dua kali YAB Timbalan Perdana Menteri mewakili perdana menteri untuk datang ke istana bagi menyelesaikan krisis berhubung dengan perlantikan tetapi tidak ada pula yang gagal. Apabila YAB Encik Ghafar datang masalah pun selesai, menteri besar terus juga dilantik. Tetapi apa yang timbul dan reaksi di sebalik ini ialah pandangan rendah masyarakat dan rakyat terhadap institusi istana kerana mereka tidak berkuasa menahan perlantikan menteri besar walaupun pada mulanya ada masalah-masalah. Tetapi akhirnya dan tidak boleh disorokkan perkara ini kerana Encik Ghafar datang ke istana untuk menyelesaikan masalah perlantikan. Apabila Encik Ghafar pergi ke istana satu jam ataupun setengah jam, balik ke rumah kediaman menteri besar, jawapannya selesai, besok mulakan perlantikan. Inilah yang diberikan selama dua kali sebab saya ada setiap kali Encik Ghafar pergi ke istana, balik ke rumah menteri besar, saya ada. Ini bukan sahaja berlaku di Negeri Sembilan, tetapi juga berlaku di negeri-negeri lain berhubung dengan perlantikan Exco dan sebagainya.

Yang jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga perlembagaan negeri-negeri, di bawah Fasal 38 Perlembagaan

Negeri menyatakan: "Tuanku, sultan-sultan ataupun raja-raja melantik Exco dengan nasihat menteri besar."

Ini jelas, baginda tidak boleh melantik sendiri, dengan nasihat menteri besar, kerana kerajaan yang dipimpin oleh menteri besar itulah yang akan menjalankan tanggungjawab. Kalau ahli-ahli Exconya hanya dilantik kerana kebolehannya pergi ke istana, akan bercanggahlah kerajaan itu sampai bila-bila.

Perjuangan kita bukan meletakkan Exco negeri tetapi mengharapkan kerajaan yang dipimpin kuat untuk membangunkan negara, untuk menyelamatkan negara dan bangsa dan menjamin kedaulatan bangsanya akan berterusan pada masa akan datang.

Oleh kerana pihak pencadang dari Pulau Pinang telah pun mengulas serba panjang berhubung dengan institusi raja berperlembagaan ini, inilah pandangan saya dari Negeri Sembilan supaya perdana menteri selaku presiden parti, tetapi yang penting selaku perdana menteri dapat menghujahkan kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong untuk membincangkan di dalam majlis raja-raja, peristiwa-peristiwa ini janganlah berulang selalu sebab lambat laun krisis rakyat dengan raja ini akan membawa perpecahan yang lebih besar di kalangan orang-orang Melayu dan akhirnya kehilangan moral dan kita akan kehilangan kuasa di negara kita, sebab kita melihat peristiwa-peristiwa yang telah berlaku ini sedikit sebanyak timbul daripada konflik yang dilakukan oleh UMNO dan istana di Kelantan. Ini tidak dapat dielakkan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang begitu tegas sebagai presiden parti yang tidak mahu mengundur setapak pun dengan Sultan Kelantan yang terus meletakkan Tan Sri Mohammad Yaacob dan juga ahli-ahlinya untuk bertanding sekali lagi pada tahun 1990 yang lalu, walaupun kalah semuanya tetapi sikap tegas ini harus kita berikan penghormatan.

Saya juga bagi pihak Perhubungan UMNO Negeri Sembilan hendaknya dapat restu juga daripada sidang perwakilan sekalian memberikan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghormatan sebagai wira di Kelantan pimpinan UMNO Kelantan yang berdiri teguh, yang tidak mahu mengikut langsung berhubung dengan pimpinan Tengku Razaleigh yang menyebabkan ia menjadi korban oleh adanya campur tangan sultan dalam politik UMNO di sana dan penghormatan ini harus diberikan dan kita tidak boleh membiarkan sahaja.

Dalam satu perhimpunan di Hotel Regent sewaktu membincangkan Perlembagaan ini dahulu, pernah saya berkata kepada YAB Datuk Seri Dr. Mahathir adanya beberapa orang menteri besar yang terpaksa patuh kepada sultan dan raja-raja kerana pimpinan UMNO Kuala Lumpur tidak bertindak tegas, seperti Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi di mana beliau diberhentikan sebagai Menteri Besar Perak dan Sultan Perak pada masa itu bernazar dengan mempublisitikan melalui akhbar-akhbar, mencukur janggut dan misainya kerana membayar nazar berhentinya Tan Sri Ghazali Jawi daripada Menteri Besar Perak. Ini bukan contoh yang patut dilakukan oleh istana untuk penilaian rakyat.

Begitu juga timbul krisis pada masa itu Datuk Rahim Bakar yang sekarang berada di kerusi Majlis Tertinggi. Saya timbulkan di hadapan presiden pada masa itu, kalau beliau ingat, di mana menteri besar-menteri besar yang diberhentikan ini kerana krisisnya dengan istana diberi jawatan sebagai Pengurus MARA dan juga Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi dilantik sebagai Senator. Dengan sebab itu, istana merasa begitu angkuh, mereka telah berjaya memainkan peranan ini.

Pada kali ini saya mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir atas jaminan beliau di Hotel Regent, beliau telah pun memberi jaminan pada masa itu, tiada siapa pun yang akan jadi korban istana atas perlandasan dan perjuangan yang betul pemimpin-pemimpin UMNO. Ini jawapan yang

diberikan oleh presiden kita di waktu itu dan sampai ke peringkat ini saya melihat kenyataan, iaitu beliau telah melantik semula Tan Sri Mohammad Yaacob untuk bertanding sebagai menteri besar dan semua anggota kabinet beliau bertanding di seluruh negeri Kelantan walaupun kalah, ini merupakan ujian.

Kekalahan UMNO di Kelantan bukanlah suatu perkara yang berat kepada kita, kepada pimpinan kita, sebab kita memenangi jumlah kerusi terbesar, tetapi biarlah dinilai oleh masyarakat Melayu dan raja-raja sendiri. Kalau ini beransur lebih besar pada masa hadapan, apakah bangsa ini akan selamat? Sepertimana kita melihat cita-cita Lim Kit Siang untuk menawan Pulau Pinang. Kita merasa begitu terharu melihat peristiwa satu demi satu ini, tetapi malangnya ada kumpulan-kumpulan yang disebutkan oleh para perwakilan tadi yang begitu ghairah ingin melihat UMNO ini hancur dan mereka ini adalah manusia yang tidak mengenang budi, manusia yang menerima nikmat dari hasil perjuangan UMNO ini, tetapi beliau ghairah untuk melihat UMNO ini hancur dan apabila ini berlaku mereka akan tahu. Kadang-kadang timbul juga satu perasaan sentimen saya sebagai seorang yang datang dari kampung, dilahirkan pada tahun 1930 yang lalu, ada baiknya juga Lim Kit Siang ini dapat memerintah Pulau Pinang supaya semua pegawai tinggi Melayu yang ditempatkan di sana dihalau keluar, sepertimana yang dilakukan oleh Pairin. Kadang-kadang saya juga mengucapkan tahniah atas sikap Pairin menghalau pegawai-pegawai tinggi Melayu dari persekutuan keluar dari Sabah untuk balik semula ke sini, sebahagian daripada mereka menjadi satu perkara yang tidak baik kepada perjuangan UMNO ini yang tidak pernah mengucapkan terima kasih, malahan menonjolkan dengan keangkuhan dan kemegahannya.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh perwakilan, sejak dia disekolahkan di sekolah rendah sampai ke universiti dan ke luar negeri, biasiswanya ditanggung seratus peratus oleh kerajaan.

Tetapi malangnya apabila mereka diberi kuasa, kita mengharapkan beliau ini menjadi orang-orang yang penting dalam pembangunan negara, yang melindungi kepentingan bangsa kita, yang memberikan khidmat yang baik atas perkembangan dan pertumbuhan kita dalam segala bidang. Di sebaliknya mereka ini mengancam pula.

Saya sekali lagi memberikan penghormatan bagi pihak Perhubungan UMNO Negeri Sembilan kepada pemimpin YAB Datuk Seri Dr. Mahathir dan juga YAB Encik Ghafar untuk meneruskan perjuangan ini dan terima kasih kerana resolusi ini dibincang secara terbuka dengan kebenaran Majlis Tinggi UMNO.

Harapan kita, semua pihak akan memahami kenapa resolusi ini dibentangkan di perhimpunan agung ini ialah semata-mata untuk mengawal, menjaga dan menjamin kedaulatan sultan dan raja-raja, menjamin kedaulatan institusi istana ini benar-benar menjadi suatu yang berdaulat, bukan boleh dipertikai, dipermainkan oleh sesiapa mengikut sesuka hati mereka. Tetapi apa yang terjadi sedikit sebanyak kita lihat, baik pun penglibatan dalam perniagaan dan sebagainya, semuanya ini hendaknya saya harap kepada YAB Datuk Seri Dr. Mahathir selaku perdana menteri ataupun presiden parti kita tegas dalam perkara ini. Matlamat kita untuk menyelamatkan bangsa dan negara, termasuklah menyelamatkan raja dan institusi istana ini yang memang telah kita cipta di dalam Perlembagaan negara ini.

Kalau dibanding sepertimana yang saya nyatakan tadi, semasa British memerintah negara ini dahulu, dia tidak pula ada suatu bantahan yang meletakkan taraf raja-raja Melayu mestilah menerima nasihat daripada penasihat British. Tidak ada siapa hakim-hakim Melayu yang muncul pada masa itu, yang hendak memberikan pandangan dan sebagainya untuk mengkritik dasar England ini tidak begitu baik, di mana polisi negara pada masa itu semuanya didatangkan dari Downing

Street No. 10 di London. Sekarang kita memerintah negara dari Kuala Lumpur dan telah pun kita buktikan kebolehan kita pada masa ini Malaysia menjadi terkenal dalam dunia antarabangsa dan pihak-pihak istana sepatutnya menilai dalam perkara ini.

Saya berucap sebagai penyokong resolusi ini bukanlah kerana peristiwa-peristiwa yang menyakiti dan menyediakan sangat yang berlaku di Negeri Sembilan. Bagi saya, beruntung juga mendapat seorang raja seperti Tuanku Jaafar, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, seorang yang liberal, seorang yang memahami keadaan pentadbiran kerana baginda juga pernah menjadi pegawai tadbir dan seorang ahli diplomatik yang pernah menjadi duta di beberapa negeri dan pengalaman ini tidak menimbulkan banyak masalah. Tetapi kadang-kadang oleh kerana saya katakan tadi, Negeri Sembilan mempunyai raja besar dan raja kecil, kalau raja besarnya tidak ada masalah, raja kecil pula kadang-kadang ada masalah, jadi ada jugalah perkara-perkara itu tetapi belumlah serius, seperti yang berlaku di Kelantan dan sebagainya.

Tan Sri Hajah Aishah Haji Abd. Ghani Pergerakan Wanita UMNO

Pergerakan Wanita UMNO merakamkan setinggi-tinggi tahuniahan dan mengucapkan syabas kepada UMNO Bahagian Jelutong yang telah mencadangkan usul seperti ini, satu usul yang pada ingatan saya belum pernah dibentang di mana-mana pun Perhimpunan Agung UMNO yang telah pernah kita adakan. Kepada saya, usul ini merupakan satu usul yang berani, bertanggungjawab dan mempunyai tujuan yang sangat baik demi untuk memberi kesedaran dan kefahaman supaya perlengkongan itu dihayati, dihormati, ibarat kata pepatah: Kalau tidak dipecah ruyung, di mana akan dapat sagunya. Jadi, usul seperti ini dibentang dan dibahas dalam perhimpunan agung ini

semoga dengan itu akan wujudlah kefahaman yang lebih mendalam sama ada kepada mana-mana pihak pun dan dengan itu akan dapatlah dipertahankan institusi kesultanan.

Wanita UMNO menyokong penuh usul ini atas empat sebab:

Pertama, wanita yakin usul ini telah menjelaskan dengan sepenuhnya asas dan tujuan perjuangan UMNO. Antaranya, mendukung dan mempertahankan perlombagaan negara, perlombagaan negeri-negeri dan raja berperlombagaan.

Kedua, usul ini dengan dibincang secara terbuka seperti ini adalah dengan tujuan untuk mempertahankan martabat, keutuhan dan kedaulatan raja-raja Melayu dan institusi kesultanan dari apa juga bentuk penyelewengan dan pencabulan oleh mana-mana pihak.

Ketiga, dengan usul seperti ini yang kandungannya sangat jelas, wanita berharap apa juga bentuk ganggu-gugat yang boleh mencemar institusi kesultanan ini akan dapat dibendung.

Keempat, dengan penerimaan baik dan keprihatinan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan DYMM Raja-raja Melayu atas keputusan sebulat suara tentang usul ini yang akan kelak diambil oleh persidangan ini, adalah diharapkan akan dapat melicinkan lagi hubungan dua hala antara istana dan rakyat.

Saya kerapkali bertanya apakah yang mendorong UMNO membentang dan membahaskan usul yang mempunyai tajuk raja dan perlombagaan seperti yang ada di hadapan kita ini. Adakah ia didorong oleh peristiwa, perbuatan menyeret seorang raja di negeri tertentu ke gelanggang politik sehingga menyebabkan nama raja boleh tercemar kerana berkempen dalam pilihanraya?

Bagi saya jawabnya ialah UMNO dengan raja tidak dapat dipisahkan, ibarat aur dengan tebing, sandar-menyandar, paut-memaut. Istana tidak akan dapat berfungsi sebagai istana jika tidak ada rakyat yang akan menjunjung duli. Dan kepada

rakyat pula, istana itulah tempat hati menadah kasih, untuk berlindung di kala panas, di bawah payung kuning itulah dimohon ampun untuk mereka yang telah dijatuhkan hukuman bunuh sepetimana yang telah dilakukan oleh YTM Tunku Abdul Rahman bila meminta ampun, dilepaskan dari hukuman gantung kepada 11 orang Cina di zaman konfrontasi dahulu. Begitulah juga mereka yang memohon ampun perkenan kebawah duli supaya dirinya dibersihkan dari gelaran bekas banduan. Rekod-rekod jenayahnya dihapuskan dan mereka kembali ke pangkuhan masyarakat sebagai manusia yang bersih.

Oleh itu kepada saya, UMNO tidak perlu mempunyai alasan tertentu untuk memutuskan usul ini, memadailah untuk dikatakan bahawa demi taat setia yang tidak berbelah bagi dan demi untuk *survival*, institusi kesultanan inilah yang sebenarnya mendorong UMNO untuk membincangkan usul ini dengan serius. Oleh itu, apa juar yang diperkatakan dalam perbahasan ini adalah terbit dari cinta kepada raja dan lahir dari hati yang tulus ikhlas. *Out of love, not out of hatred.*

Dalam usul ini UMNO menyesali peristiwa-peristiwa yang berlaku di Kelantan dalam pilihanraya baru-baru ini di mana semangat dan pengertian raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen telah dicabul sehingga tanda-tanda ke arah tergugatnya demokrasi sudah pun mula ternyata. Dalam usul ini juga UMNO berikrar untuk terus berusaha supaya raja-raja Melayu dan institusi kesultanan kekal menjadi lambang ketuanan dan perpaduan rakyat, sesuai dengan prinsip dan amalan raja berperlembagaan.

UMNO akan terus berusaha bagi memastikan supaya raja-raja Melayu dan institusi kesultanan tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan politik, kepartian dan kumpulan serta pentadbiran selain daripada yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Banyak sudah diperkatakan tentang realiti sejarah tentang penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union yang

dijuarai oleh Sir Harold MacMichael, seorang pegawai tinggi British yang bijak. Peristiwa ini bermula dari penghujung tahun 1945 sesudah penjajah British bertapak semula di Tanah Melayu dan berlarutan sehingga dua tahun lamanya dan akhirnya terbantut. British mengalah apabila lahirnya Persekutuan Tanah Melayu. MacMichael bertindak pantas, dalam beberapa hari sahaja dia telah dapat memaksa sultan-sultan menandatangani surat perjanjian Malayan Union itu yang melucutkan kuasa raja-raja Melayu.

Saya sebutkan peristiwa ini kerana ketika itulah terujinya kemampuan orang Melayu untuk mempertahankan raja dan negeri. Orang Melayu menjadi gempar dan marah kerana rahsia mengenai betapa dan bagaimana caranya MacMichael mendapatkan tandatangan sultan-sultan itu telah bocor. Jasa akhbar-akhbar Melayu walaupun ketika itu suratkhabar kecil, tak macam sekarang, patut dihargai seperti *Majlis* kerana perannnya membakar semangat kebangsaan orang Melayu untuk menghancurkan Malayan Union itu.

Peristiwa penentangan Malayan Union yang saya sebutkan ini adalah lahir dari pengalaman saya sendiri yang menjadi saksi kepada episod-episod dan babak-babak pahit yang di-tempuh oleh orang Melayu yang serba kekurangan ketika itu, demi untuk mengembalikan kedaulatan raja-raja Melayu. Masih terang dalam ingatan saya betapa beraninya pemuda-pemuda Melayu ketika itu yang mengajak ribuan orang Melayu berkumpul di Station Hotel Kuala Lumpur pada hari Isnin, 1 April 1946. Hari perlantikan Sir Edward Gent menjadi gabenor dan panglima agung kerajaan Malayan Union. Orang Melayu tidak rela raja-raja menghadiri upacara itu. Sebab itulah mereka berhimpun di Station Hotel dan raja-raja juga bersemayam di situ untuk beberapa hari bagi menghadiri upacara-upacara rasmi Malayan Union. Ketika itulah terbukti betapa kasihnya orang Melayu kepada raja. Raja-raja terharu bila mendengar laungan ‘Daulat Tuanku’ beberapa kali.

Suasana ketika itu amatlah mengharukan, ada yang menitiskan air mata. DYMM Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz, mewakili sultan-sultan telah menghampiri orang Melayu yang ramai berhimpun itu dan bertitah dengan nada yang sayu bahawa baginda duli-duli sultan-sultan sangat terharu melihat bagaimana taat setianya orang Melayu kepada raja. Bantahan rakyat berhasil, kerana sikap itulah duli-duli yang maha mulia telah memulaukan perlantikan Sir Edward Gent. Bukan itu sahaja, orang-orang Melayu bertindak tegas memulaukan sehingga ahli-ahli Melayu yang menjadi wakil dalam berbagai-bagai majlis perundangan juga memulaukan apa-apa persidangan yang diadakan.

Pemulauan ini berjalan dua tahun lamanya sehingga pada bulan Februari 1948. Bukan itu sahaja yang dilakukan, malah wanita-wanita—bukanlah wanita bandar, wanita kampung—pada masa itu Tok Mat pun belum ada, hanyalah bisik ke bisik, mulut ke mulut. Apabila orang Melayu tahu bahawa kuasa raja-raja telah dilucutkan, walaupun wanita mengendong anak terpaksa berjalan berbatu-batu jauhnya, saya tanya lagi: ‘Tak penatkah awak berarak begini?’ ‘Tak apalah, untuk raja apa sahaja kita boleh buat.’

Orang Melayu ketika itu sudah cukup terang bahawa mereka akan kehilangan segala-galanya, akan semakin terhimpit, akan menjadi bertambah miskin dan papa kerana dasar Malayan Union yang memberi persamaan hak kepada semua rakyat tak kira apa juga keturunan bangsanya, akan dinamakan ‘Malayan’.

Kita bersyukur kepada Allah kerana di kalangan orang Melayu yang berani itu tampillah ke hadapan pemimpin-pemimpin yang miskin harta tetapi kaya dengan semangat. Dan semangat itulah pada hakikatnya yang menjadi senjata yang telah dapat mematahkan niat jahat British dan memulakan babak yang baru sebagai landasan perjuangan UMNO pada hari ini hinggalah tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957.

Selain itu, Wanita UMNO berpendapat bahawa untuk mencapai tujuan-tujuan baik yang terkandung dalam usul ini, pentafsiran beberapa fasal dalam Perlembagaan perlu dibuat, diperjelas, diterangkan kepada rakyat untuk meningkatkan lagi kefahaman mereka tentang demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Wanita memandang penting perkara ini kerana bahasa undang-undang tidak mudah dimengerti oleh orang-orang biasa dan memerlukan tafsiran yang betul, samalah juga dengan hukum-hakam Islam yang telah ditentukan oleh Allah (s.w.t.) yang juga perlu ditafsirkan dengan betul dan difahami oleh orang Islam sendiri. Maka dengan itu mereka tidak mudah keliru dan tidak mudah dikelirukan seperti YAB Datuk Seri Presiden juga telah menyentuh dalam ucapan beliau.

Perkara ini penting. Saya cerita diri saya, dulu saya tak faham, selepas Perang Dunia Kedua barangkali semasa itu kebanyakan wakil di sini, kalau adapun kecil, ada yang tengah hisap puting agaknya masa itu. Kalau macam wakil dari Negeri Sembilan semalam itu pun rasa saya boleh fahamlah, tetapi saya ketika itu cukup ingat bila Jeneral Tojo digantung, saya hairan apa fasal pula rajanya tidak digantung, jeneralnya pula yang digantung. Jadi penentuan-penentuan sebeginilah yang patut diterangkan kepada rakyat, kepada semua pihak. Dengan itu sahajalah kita harap perlembagaan kita ini akan difahami sepenuhnya dan dihayati oleh semua pihak.

Wanita juga menyokong cadangan daripada Bahagian Tanjong semalam supaya diadakan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji Perlembagaan dan begitu juga mengemukakan apakah bentuk-bentuk dan cara-caranya yang akan dapat dibuat bagi melicinkan hubungan dua hala. Ini bagi memberikan kefahaman kepada rakyat tentang institusi kesultanan, begitu juga sistem yang kita amalkan—sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Ini penting rasa saya.

Selepas itu disaran dan dicadangkan lagi supaya apa yang telah diputuskan dibawa semula ke Perhimpunan Agung

UMNO. Wanita suka mencadangkan kalau lekaslah dapat dibuat, tak payah tunggu perhimpunan agung tahun 1991, kita adakan Perhimpunan Agung Khas untuk ini.

Kenapa saya cadangkan begitu, Tan Sri Pengerasi, tiang-tiang istana itu adalah terletak dalam dewan ini. Kitalah yang sebenar-benarnya berkuasa. Dalam perlembagaan parti kita, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi, iaitu mempertahankan institusi kesultanan. Jadi, perlulah dijelaskan.

Wanita juga berpendapat apabila dibuat kajian tentang fasal-fasal dalam kandungan Perlembagaan ini yang berkait dengan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, tiga perkara wanita minta supaya diberi penekanan:

Yang pertama, apakah mafhumnya raja-raja Melayu tidak terlibat dalam politik, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kedua, raja-raja Melayu tidak mencampuri urusan pentadbiran selain daripada yang termaktub dalam Perlembagaan.

Ketiga, pentafsiran Fasal 34 Perlembagaan, Ceraian (3). Kalau kita tengok Perlembagaan ini, kita tahulah. Saya percaya jawatankuasa yang akan dibentuk ini kelak akan memberi perhatian kepada perkara ini.

Kita bersyukur kepada Tuhan yang telah melorongkan hati pemimpin-pemimpin kita dari dahulu hingga sekarang untuk memilih sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan kerana dengan sistem ini dan dengan berkat kepimpinan UMNO menerajui kerajaan dari tahun 1955 hingga sekarang, negara kita telah menjadi negara yang maju, indah dan bermaruah. Namun demikian, segala usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk memajukan negara ini dengan bantuan teknologi yang canggih, juga telah melahirkan kesan-kesan sampingan yang negatif, iaitu kewujudan manusia-manusia rakus. Saya harap tuan-tuan tahulah makna 'rakus'—rakus ini lebih dahsyat daripada tamak. Ada yang rakus harta, rakus kuasa sehingga mereka sanggup melakukan apa juau atau me-

manjat tangga istana sekalipun mereka sanggup, asalkan tujuan mereka tercapai.

Jadi manusia-manusia yang rakus ini, tak kira siapa. Sebab itulah Wanita UMNO berharap supaya kalau ada berlaku kejadian-kejadian seperti ini, misalnya, apa-apa yang diputuskan dalam majlis mesyuarat tidak amanah dan sebagainya, demi untuk kepentingan diri sendiri. Jadi fikirkanlah pula apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka.

Selain itu Wanita UMNO ingin juga menarik perhatian. YAB Presiden kepada Sedition Act, 1948. Saya sudah baca banyak kali akta ini. Tiap-tiap kali saya baca, saya berasa—semalam adik saya Azman Attar cerita orang sengau—sekarang saya kata saya berasa macam orang bisu bermimpi. Orang bisu kalau dia bermimpi, dia jadi *frust*. Sebab apa mimpinya indah, mimpinya cantik; entah mimpinya buruk, entah dia nak marah tetapi malangnya terasa ada, terkatakan tidak.

Jadi, kalau begitu, Wanita UMNO mohon agar jawatan-kuasa ini mengkaji Perlembagaan, juga Akta Hasutan 1948. Kalau adalah di mana-mana bahagian agaknya yang boleh diperbaiki, yang boleh lagi kita pergunakan untuk hendak menunjukkan kasih cinta kita kepada negara, kepada istana, mintalah dikaji. Apabila YAB Presiden berucap, katanya: ‘Sayangkan anak tangan-tangankan—janganlah tangan-tangankan sampai teruk-teruk—sayangkan isteri tinggal-tinggalkan.’ Itu baguslah, ada orang tak setuju.

Jadi, saya hendak tanya kalau kita sayangkan raja, apa kita hendak buat? Saya tidak hendaklah menambah kerja, Lim Kit Siang dan anaknya Lim Guan Eng, besok tak tertulis oleh dia laporan-laporan, dah tak tahan hendak menulis laporan-laporan kepada polis, rasa sayalah. Jadi, kalau kita sayangkan raja, kita kaji Perlembagaan. Balik semula kepada perhimpunan agung macam yang saya kata tadi, kita semua sayangkan raja. Dari mula lagi saya sudah kata macam aur dengan tebing.

Dengan itu saya berharap dan Wanita UMNO juga berharap akan wujudlah satu cara ataupun *convention* seperti yang diamalkan oleh banyak negara yang mengamalkan raja berperlembagaan—satu cara, satu tradisi, bukan semua undang-undang ini dapat dilaksanakan. Banyak undang-undang yang tak bertulis tetapi kekuatannya lebih pula daripada undang-undang yang bertulis seperti undang-undang adat. Saya katakan begitu, saya ini sebenarnya rakyat Malaysia keturunan Minang, Tok Mat keturunan Jawa—saya hendak usik Tok Mat, orang lain saya tak berani usik. Tanah Minang ini Tanah Adat, adat Minang itu jugalah yang melimpah ke Negeri Sembilan, macam semalam adik saya Encik Ujang Ajak kata: Adat ini bagus, bukan itu sahaja, ada lagi undang-undang yang tidak tersurat kadangkalanya baik. Jadi, apa yang kita harapkan akan wujud pulalah di negara ini oleh kefahaman kita sendiri tentang apa yang termaktub dalam Perlembagaan kita itu satu *convention* yang kelaknya akan dapat meletakkan sesuatu itu pada tempatnya. Istana tetap menjadi istana, awasilah orang-orang yang selalu ambil peluang menggunakan istana ini. Istana tak salah, ambil peluang—itu yang kita marah. Tak kiralah orang itu siapa. Maka orang inilah kadang-kadangnya menyebabkan berlaku kesilapan-kesilapan. Saya tahu ada orang ke mana sahaja rajanya pergi, main golf ikut main golf; ke London ikut ke London, hendak-hendaknya selepas pilihanraya, orang-orang inilah kita kena jaga sama.

Saya minta YAB Presiden sebagai perdana menteri, sebagai ketua parti, ketua kerajaan bertindak tegaslah kepada orang-orang ini, walaupun orang-orang kita sendiri. Kalauolah cacing naik ke mata, rasa saya tidak ada ubat lagi. Kita tidak hendak ada berlaku apa-apa yang menyulitkan Sri Perdana. Jadi kerana itulah, usul ini memang baik, usul ini memang bagus, demi untuk kita mendapatkan sesuatu yang lebih baik dan lebih melicinkan lagi pentadbiran negara ini. Maka akhir sekali Wanita UMNO ingin menyatakan di sini bahawa wanita menyokong

sepenuhnya usul ini dan kita berharap akan dapatlah hasil-hasil yang memuaskan. Wanita yakin sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan adalah satu sistem yang sangat sesuai untuk kita kerana kita telah melihat hasilnya. Kita telah melihat bagaimana perubahan-perubahan besar berlaku, tak payah saya cerita lagi, dan wanita tetap sedia bekerjasama dengan apa juar cara untuk mempertahankan konsep demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Kalau Wanita UMNO hari ini memakai selendang merah, kain merah; baju putih ini pun hendaklah dimerahkan dengan darah sekiranya diperlukan demi mempertahankan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Sahar bin Arpan (Melaka)

Negeri Melaka sepetimana yang telah dipamerkan kepada seluruh orang Melayu yang dikenal sebagai tempat di mana segalanya bermula. Hari ini kita mengenang kembali segala yang bermula daripada permulaan pemerintahan raja-raja Melayu sehingga kehilangan pemerintahan dan kekuasaan raja-raja Melayu di negeri Melaka. Di atas kesedaran inilah, maka saya mewakili Perhubungan UMNO Melaka memberi sokongan yang sepenuh-penuhnya kepada usul yang dibentangkan oleh Pulau Pinang dan disokong oleh Negeri Sembilan semalam.

Sokongan kami berdasarkan kepada realiti sejarah yang dipamerkan oleh Melaka, sokongan kami bukan bererti menentang siapa-siapa. Bukan kami menentang kedaulatan dan kemuliaan raja-raja, sokongan kami berdasarkan kepada peristiwa dan perkara yang telah berlaku melalui fakta sejarah, dari dahulu hingga sekarang. Orang menganggap bahawa penderhakaan Hang Jebat adalah satu penderhakaan terhadap raja, penderhakaan di antara rakyat dan raja. Tetapi sebenarnya sidang perwakilan sekalian, pada ketika itu, raja bertakhta raja

yang memerintah, kata raja adalah perintah, siapa juga yang ingkar kepada titah akan buruklah padahnya.

Melaka masih sayang kepada raja, Melaka masih cinta kepada raja, dengan rasa sayang dan cinta di atas kemuliaan yang ada kepada istana dan raja inilah, maka kerana itu pahlawan kita, pahlawan Melaka zaman moden ini telah pun mencipta satu sejarah untuk menggambarkan kesayangan dan kecintaan kita kepada raja dengan membina, mengeluarkan belanja yang berpuluhan ribu ringgit membina sebuah replika istana yang disebut ‘Istana Kesultanan Melayu Melaka’. Kita berharap, UMNO Melaka juga berharap jangan berulang lagi peristiwa yang berlaku di Melaka, empat abad yang lalu, hanya dapat kita tunjukkan dengan istana dan raja-raja yang kaku di dalamnya, hanya menjadi tontonan pelancong-pelancong. Tidak cukup dengan itu, tidak cukup dengan membina sebuah istana, tidak cukup meletakkan raja-raja Melayu sebagai contoh tinggalan di dalam istana yang kaku, dibuat pula, dibina pula penghayatan sejarah melalui program cahaya dan bunyi. Dicahayakan istana itu, dibunyikan suara-suara di dalam istana itu, pertentangan di antara Hang Jebat dan Hang Tuah, peristiwa yang berlaku di dalam istana digambarkan melalui cahaya dan bunyi supaya generasi yang akan datang dapat menghayati, dapat melihat bahawa peristiwa yang berlaku di Melaka itu tidak akan berlaku lagi di dalam negara kita ini.

Oleh kerana itulah, di atas kesedaran yang amat menyayat hati inilah, maka kita berharap, pembentangan usul yang telah pun dibahaskan sebentar tadi. Kita baru sahaja mendengar ucapan daripada wakil Pergerakan Wanita UMNO yang sanggup menggadaikan nyawa dan maruahnya untuk memerahkan baju yang putih dipakai itu seandainya maruah raja-raja ini tercabar.

Kesayangan orang Melayu, kecintaan orang Melayu kepada raja tidak ada tolok bandingnya, sejak daripada Melayu wujud, sejak daripada kesultanan Melayu wujud dari dahulu hingga-

lah sekarang. Oleh kerana itu kalau dahulu penderhakaan Hang Jebat itu satu hal yang tidak dapat dielakkan tetapi sekarang orang Melayu semakin lama semakin matang, semakin lama semakin dapat membezakan antara yang baik dan yang tidak baik, maka perhimpunan kita pada pagi yang bersejarah ini amat sesuai sekalilah untuk mempersempahkan kepada duli-duli tuanku supaya dapat memahami hasrat dan hati rakyat bahawa sesungguhnya Melayu bukan sahaja UMNO malahan seluruh negara ini menyanjung tinggi akan istana dan kerabat raja-raja. Kerana kecintaan dan kesayangan kita inilah, maka kita mahu membentulkan beberapa bahagian di dalam Perlembagaan untuk memastikan kekuatan dan kekuatan raja-raja Melayu ini terus terjamin apabila institusi raja terjamin. Apabila martabat Melayu terjamin, maka seluruh negara kita akan terjaminlah keselamatannya sepertimana yang diperlukan oleh seluruh orang Melayu di negara ini.

Pada hari ini kita patut mengingatkan kembali masyarakat tentang latar belakang dan proses sejarah yang mewujudkan raja berperlembagaan. Dengan kesedaran sejarah inilah mudah-mudahan kita akan insaf tentang peranan dan tanggungjawab kita masing-masing. Sesungguhnya raja berperlembagaan ini bukanlah unik di Malaysia, negara-negara lain pun memiliki sistem yang sama, cuma dalam keadaan yang berbeza-beza antara sebuah negeri dengan negeri yang lain. Antara contoh yang dapat kita lihat, ialah sistem raja di Sweden, sistem raja di Negara Thai dan sistem raja di Jepun dan di England yang telah menjadi model awal kepada pemerintahan raja berperlembagaan di negara ini. Sejarah juga telah mencatatkan, tidak semua kuasa mutlak maharaja itu dapat dikekalkan dari zaman dahulu hingga zaman sekarang. Oleh yang demikian kita haruslah melihat dan kita harus ingat bahawa perkembangan politik dunia sekarang dengan jelas menunjukkan bahawa kebangkitan kuasa rakyat melalui kebebasan demokrasi telah nyata dapat diterima oleh semua

rakyat di dunia ini. Apakah yang boleh mengajar kita kalau tidak daripada sejarah. Sejarah seperti yang saya gambarkan tadi, telah benar-benar mengingatkan dan memberi amaran bukan sahaja kepada kita malah kepada institusi raja yang ada sekarang supaya benar-benar dapat memahami apa yang dikehendaki oleh Melayu, apa yang dikehendaki oleh rakyat, apa yang dikehendaki dalam menstabilkan negara kita untuk masa depan kita yang gemilang. Kita telah dengar tadi, mu-jurlah dengan gagasan Malayan Union yang telah ditentang oleh semangat kebangsaan yang kuat, maka masyarakat telah dapat melihat kebangkitan orang-orang Melayu pada ketika itu, tidak lain dan tidak bukan untuk mendaulatkan raja-raja kita pada ketika itu.

Dengan gugurnya Malayan Union dan bermulanya pentadbiran bercorak persekutuan, akhirnya menemukan bentuknya di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang disediakan bagi menghadapi kemerdekaan pada tahun 1957.

Demikianlah sifatnya kedudukan raja-raja Melayu, dengan kata lain DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sultan-sultan haruslah memerintah menurut nasihat perdana menteri. DYMM haruslah menurut nasihat menteri besar-menteri besar, sultan dipohon janganlah mencampuri urusan politik yang ditentukan oleh rakyat.

Sekarang sudah tibalah masanya, bagi kita semua kembali ke pangkal jalan sebelum kita berjalan lebih jauh lagi. Sebelum kita tersesat lebih jauh lagi sekiranya kita tidak dengan berani memberhentikan campur tangan raja-raja itu dan mengembalikan mereka kepada Perlembagaan, *trend* yang ada sekarang boleh menimbulkan krisis yang lebih besar dan menimbulkan malapetaka terhadap tradisi dan demokrasi di dalam negara kita ini. Kita harus mengembalikan imej istana kepada kehendak dan semangat perlembagaan kita, kita harus mengembalikan segala kekuatan, kita harus mengembalikan segala kesetiaan, segala kehormatan rakyat terhadap duli-duli tuanku, kita

juga harus memelihara kedaulatan raja dan istana sebagai simbol tradisi, sebagai simbol kekuasaan dan sebagai simbol ketuanan Melayu di dalam negara yang kita cintai. Dan lebih dari itu istana di dalam masyarakat moden Malaysia yang terdapat berbagai-bagai kaum, berbagai-bagai agama dan budaya ini harus diletakkan di tempat yang paling tinggi sebagai lambang perpaduan dan lambang kestabilan di dalam negara kita.

Dengan kata-kata itu, maka saya mengulangi pandangan dan pendapat daripada Perhubungan UMNO Negeri Sembilan memberi sokongan yang sepenuhnya untuk melihat secara *detail* akan pindaan-pindaan yang perlu dibuat seperti yang dicadangkan sebentar tadi. Ini bertujuan untuk kepentingan bangsa Melayu, kepentingan UMNO, kepentingan institusi raja berperlembagaan dan kepentingan Malaysia pada keseluruhannya.

**Nazri Abd. Aziz
(Pergerakan Pemuda UMNO)**

Hari ini kita membaca akhbar, iaitu bahawa Pemuda DAP telah membuat laporan kepada polis mengaitkan ketua pemuda sebagai melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan. Saya bagi pihak anak-anak muda Melayu, ingin memberitahu kepada pemuda Cina yang tidak faham budaya Melayu, iaitu soal rakyat dengan raja Melayu adalah soal masyarakat bangsa Melayu. Di dalam Perlembagaan, sama ada di peringkat persekutuan ataupun di negeri-negeri, dia tidak sebut raja-raja Cina, dia tidak sebut raja-raja India tetapi dia sebut raja-raja Melayu. Oleh kerana itu, pemuda Cina yang tidak faham budaya Melayu mesti faham, soal ini soal keluarga, masuk campur dalam soal keluarga—bermain dengan api. Kalau bermain dengan api, kami akan pastikan seluruh kegiatan

pemuda, yang terbakar bukan kita tetapi yang terbakar ialah pemuda-pemuda yang tidak faham budaya Melayu yang ada dalam DAP pada hari ini.

Kita sudah cakap jangan peralatkan perkara ini semata-mata kerana hendak dapat publisiti murah dalam akhbar. Hendak publisiti, bayar duit, masuk dalam, jangan ambil publisiti murah kerana ini merbahaya. Kerana mereka harus faham, iaitu pada hari ini pun kita membincangkan soal ini bukan se-ngeja kita memetik sesuatu isu kerana hendak memeriahkan perjumpaan kita, maka kita bercakap tentang usul raja ini—tidak. Usul ini kita bincangkan kerana kita orang-orang Melayu sangat sayang dan kasih dan tidak mahu melihat supaya raja itu terpisah jauh daripada kita kerana hubungan raja dengan rakyat Melayu ini ialah seperti ‘aur dengan tebing’, perlu-memerlu di antara satu sama lain. Oleh kerana itu mesti hormat-menghormati di antara satu sama lain. Ini penting.

Kita mahu bincang soal ini kerana kita mengambil kira di dalam perkembangan dunia berkenaan dengan kenyataan perasaan rakyat di dalam negara di mana mereka mengamalkan sistem beraja. Sama ada mutlak ataupun tidak, sudah ternyata satu perasaan tidak puas hati yang sedang berlaku di dalam hati sanubari rakyat di mana-mana juga yang ada di dalam dunia kita ini.

Kita jangan lupa kalau kita membaca akhbar dan menonton televisyen, di negara Nepal kita telah melihat bagaimana rakyat keluar memberontak menyatakan perasaan tidak puas hati terhadap raja mereka. Raja Nepal raja mutlak, yang dipercayakan, iaitu dia adalah turun-temurun daripada raja Hindu. Raja Nepal beragama Hindu, rakyat Nepal juga beragama Hindu. Raja dan rakyat di Nepal adalah bangsa Nepal tetapi ini tidak menghentikan mereka daripada menyatakan perasaan tidak puas hati terhadap raja mereka. Sehingga kita dengar pada hari ini raja terpaksa memberitahu kepada rakyat bahawa dia akan serahkan kuasa kepada rakyat. Ini berlaku di Nepal.

Tidak cukup di Nepal, kita ke Kuwait pula. Kuwait, raja Islam, rakyat Islam; raja Arab, rakyat Arab. Ini juga tidak menghentikan rakyat daripada bangun menyatakan perasaan tidak puas hati kepada raja Kuwait. Betul Iraq serang Kuwait tetapi rakyat Kuwait kalau mereka betul-betul sayang kepada rajanya, mengapa tidak pertahankan kedudukan rajanya sehingga bagi negara begitu sahaja kepada askar Iraq.

Begitu juga di Jepun, rajanya dianggap berasal daripada matahari, memerintah negara Jepun berabad-abad. Rajanya beragama Zionist—zen Buddhism. Rakyatnya beragama yang sama. Maharaja Akihito bangsa Jepun, rakyatnya juga bangsa Jepun tetapi ini tidak menghentikan rakyat daripada menyatakan perasaan tidak puas hati di atas perbelanjaan yang tinggi semasa permahkotaan Maharaja Akihito baru-baru ini.

Contoh-contoh lain seperti yang berlaku di England. Saya menyatakan bukti ini bukan kerana apa—kerana hendak menunjukkan perasaan rakyat di seluruh dunia terhadap sistem ini. Di England, Raja Elizabeth bangsa Anglo-Saxon, rakyatnya juga bangsa Anglo-Saxon, agama Protestan Anglican, rakyatnya juga beragama Protestan Anglican. Tetapi ini tidak menghentikan rakyat daripada menyatakan perasaan tidak puas hati di atas perbelanjaan tinggi yang hendak diberikan kepada Ratu Elizabeth.

Yang paling ketara kepada kita ialah Negara Thai. Rajanya bangsa Thai, beragama Buddha. Rakyatnya juga bangsa Thai, beragama Buddha. Tetapi tahun lalu seorang ahli parlimen telah membangkitkan perasaan tidak puas hati di atas tingkah laku raja mahkota mereka.

Jadi, tanda-tanda yang berlaku di seluruh dunia ini menunjuk ke arah bahawa sistem ini sudah mula dipersoalkan oleh rakyat. Maka oleh kerana itulah, sebagai anak Melayu yang begitu rapat kepada raja-rajanya, kita tidak mahulah perkara-perkara ini yang berleluasa di luar Malaysia janganlah sampai merebak ke negara kita.

Maka, oleh kerana itulah sebelum perkara ini terlanjur, maka kenalah pada tempatnya dan kenalah pada masanya UMNO berbincang pada hari ini untuk memastikan supaya apa yang berlaku dalam dunia pada hari ini tidak sampai merebak ke negara kita kerana kita adalah orang-orang UMNO yang mana kita telah berjanji untuk mempertahankan sistem raja berperlembagaan dalam tanahair yang kita cintai ini.

Hari ini ‘mak cik’ saya, Tan Sri Puan Aishah Ghani telah memberitahu saya tentang sejarah ke arah wujudnya raja berperlembagaan dan beliau juga telah menyebut tentang Akta Hasutan. ‘Mak cik’, saya sokong seratus peratus kehendak ‘mak cik’ dalam soal ini kerana saya tahu ‘mak cik’ adalah seorang pemimpin yang gigih, yang telah berjuang di dalam UMNO bukan satu tahun, dua tahun; berpuluhan tahun. Oleh kerana itulah saya dapat menyelami perasaan ‘mak cik’ yang cinta kepada bangsa Melayu, yang mahu melihat Melayu itu akan berjaya, bukan sahaja 40 tahun dahulu, insya-Allah, seratus tahun hingga pada akhir zaman kita akan berjaya, orang-orang Melayu dengan rajanya harus faham-memahami di antara satu sama lain. Jadi kita pinda Akta Hasutan.

Sebenarnya, sebelum tahun 1969, tidak ada masalah. Kita boleh bincang di dalam Parlimen soal raja ini. Tetapi apa yang aneh kerana UMNO itu sayang kepada rajanya, tidak tahan telinga mendengar ahli-ahli Parlimen yang diwakili oleh orang-orang Cina yang tidak faham budaya Melayu, membangkitkan soal raja dalam Parlimen. Orang UMNO-lah yang telah memperkuatkan akta ini. Tetapi apabila kita perkuatkan Akta Hasutan itu seolah-olah kitalah yang jahat—orang-orang UMNO. Kerana apa? Kerana apabila Akta Hasutan itu telah diperkuatkan, soal raja tidak boleh disentuh dalam Parlimen. Kalau hendak sentuh pun, kena bawa usul-usul yang tertentu atas raja itu, barulah boleh bincang.

Ini menyebabkan wujudnya satu suasana yang palsu yang diberikan kepada raja-raja kita seolah-olah orang-orang bukan

Melayu ini sayang kepada raja. Tetapi bukan kerana itu, kerana kita ahli UMNO yang tidak benarkan orang-orang ini untuk bangkitkan soal-soal yang berkaitan dengan raja Melayu dalam Parlimen. Itu adalah hasil daripada perjuangan kita. Tetapi apa yang berlaku, sepatutnya merapatkan lagi hubungan dan juga perasaan terima kasih raja kepada kita. Sebenarnya kita telah menjauhkan jurang perbezaan kita. Oleh kerana cinta kepada raja, maka kita mahu supaya mereka memahami, jangan percaya kepada suasana yang palsu yang mana tidak dibangkitkan langsung soal-soal raja oleh pihak-pihak bukan Melayu.

Untuk menentukan supaya mereka jangan percaya, maka kita minta supaya Akta Hasutan itu dipinda dan boleh dibincang di dalam Parlimen. Apabila kita pinda Akta Hasutan, maka akan ada satu saluran yang akan menggambarkan dan mencerminkan perasaan rakyat terhadap raja yang ada pada hari ini. Pada ketika itu kalau ada soal-soal tidak puas hati terhadap raja timbul dalam Parlimen, maka UMNO akan mempertahankan raja-raja kita dalam Parlimen. Ini akan merapatkan kembali hubungan raja dengan rakyat. Apabila raja-raja tahu soal-soal kedudukan mereka telah dibangkitkan oleh orang-orang bukan Melayu, maka dia tahu bahawa yang mempertahankan soal-soal raja dalam Parlimen itu adalah UMNO. Maka pada ketika itu barulah raja-raja faham betapa UMNO itu amat perlu kepada kedudukan mereka sekarang dan juga pada masa-masa akan datang.

Ada di kalangan kita yang menyatakan bahawa kalau kita mengadakan garis panduan, menentukan bidang kuasa rakyat dan bidang kuasa raja, ada di kalangan kita akan menyatakan, iaitu macam mana kalau raja tidak peduli? Kalau kita kata jangan masuk politik, raja masuk politik juga. Ada yang bertanya, jangan hampa kalau berbuat demikian sebab kita mesti ada sesuatu yang menguatkuasakan apa yang telah digariskan. Kalau raja campur tangan dalam politik dan dapat dibuktikan

di dalam pilihanraya, maka kita mahu supaya Parlimen mengatakan bahawa pilihanraya itu dibatalkan dan tidak sah. Tetapi di Kelantan kita tahu macam mana campur tangan raja telah menyebabkan berlakunya keputusan yang tidak adil. Maka kalau betullah, kita telah pinda Akta Hasutan, maka kita batalkanlah pilihanraya itu di masa yang akan datang.

Jadi, banyak lagi yang boleh kita buat dan kita jangan putus asa. Setiap jalan itu mesti ada cara. Dalam perniagaan sendiri pun, kalau kita kata raja tidak boleh berniaga, kalau kita lihat dalam perniagaan itu ada penglibatan raja, maka kita anggap perniagaan itu adalah tidak sah. Jadi sebenarnya tidak ada masalah. Jangan bimbang, insya-Allah, segala apa yang kita lakukan itu, kalau ia mendatangkan manfaat kepada bangsa kita, saya yakin dan percaya kita akan berjaya pada masa-masa akan datang.

Saya tidaklah berniat untuk bercakap banyak dalam hal ini kerana segala fakta yang telah kita bangkitkan dalam persidangan Pergerakan Pemuda UMNO yang lalu. Hanya kita minta kepada seluruh perwakilan, supaya fahamilah masalah yang di hadapan kita ini. Kita minta setiap apa yang kita lakukan, tidak akan dapat kejayaan kalau ada di kalangan kita yang menderhaka kepada perjuangan kita. Oleh itu, ahli-ahli UMNO harus ingat, bahawa usul ini bukan kehendak YAB Presidan, bukan kehendak YAB Timbalan Presiden. Kehendak untuk membin-cangkan usul ini telah diluluskan dalam Pergerakan Pemuda UMNO dan insya-Allah pada hari ini akan diluluskan oleh para perwakilan kita. Maka ia merupakan satu usul, satu pernyataan perasaan bukan seorang pemimpin UMNO tetapi keseluruhan ahli UMNO akan menyokong usul ini. Oleh kerana itulah, kita mesti akur, terima dan jangan ada di kalangan kita kerana mahu menaik-naik dalam politik menggunakan kesempatan untuk menderhaka dan menyeleweng di dalam usul ini.

Akhir kata kita berdoalah kepada Allah (s.w.t.), kita minta-lah supaya petunjuk itu bukan sahaja diberikan kepada kita,

tetapi juga kepada raja-raja Melayu. Dalam masalah ini dari dulu kita telah menyatakan rakyat cukup faham tentang bidang kuasa mereka dan juga bidang kuasa raja. Maka itu, Pergerakan Pemuda UMNO ingin menyatakan kepada raja-raja kita, sayanglah kita ahli UMNO kerana kitalah sebenarnya intan permata kepada mereka, kitalah sebenar-benarnya walau dipandang hina tetapi sebenarnya mulia dalam perjuangan untuk mempertahankan masa hadapan bangsa Melayu. Oleh kerana itulah Melayu dengan rajanya mestilah berganding bahu untuk menentukan di masa-masa akan datang. Kita akan berjaya memerintah negara dan insya-Allah, tidak ada orang lain yang boleh masuk campur untuk memecahbelahkan UMNO dan raja-raja Melayu, insya-Allah.

Abd. Rashid Ngah (Terengganu)

Hari ini kita membincangkan perkara Melayu, raja Melayu, rakyat Melayu, pemimpin Melayu, disaksikan oleh dunia termasuklah dunia Melayu. Memang sesuatu perkara yang baik dibincangkan dengan secara terbuka, maka bertambah baiklah jadinya. Sedangkan perkara yang tidak baik dibincangkan dengan secara terbuka pun dipandang secara baik.

Saya dinasihatkan oleh seorang sahabat sebelum bercakap di sini supaya memenuhi dua tiga perkara, dua tiga syarat dalam membincangkan usul ini. Kerana usul ini kepada hampir semua orang merupakan satu perkara yang mudah menjadi sensitif, mudah menjadi hasutan dan saya sedar di keliling saya ada satu garisan yang menjadi pemisah antara perkara yang menjadi hasutan, antara perkara yang tidak menjadi hasutan. Saya meminta pertolongan dan bantuan menteri kehakiman supaya menyelamatkan saya daripada terkeluar daripada garisan ini.

Syarat-syarat yang disebut oleh sahabat saya itu, yang pertama katanya, bercakaplah dengan menggunakan bahasa yang

mudah difaham dan mudah diterima, gunakanlah bahasa yang tidak menunjukkan perasaan, dan gunakanlah bahasa yang tidak menunjukkan emosi. Jangan beri sidang perwakilan berte-puk tangan, kecuali tepuk tangan ini menunjukkan pengesa-han, persetujuan dan *endorsement* daripada sidang perwakilan sekalian. Jadi selepas ini, setiap tepuk tangan yang saudara saudari berikan kepada saya merupakan persetujuan kepada kenyataan-kenyataan yang saya buat dan telah dibuat oleh saudara-saudara yang bercakap sebelum ini.

Saya bersetuju dengan adik saya atau anak saya Nazri dari-pada Pemuda UMNO, yang mengatakan bahawa raja ini raja Melayu, ertinya kalau kita tidak ada, kalau orang Melayu ini ti-dak ada, maka tidak adalah raja ini. Saya tidak fikir raja-raja Me-layu sekarang bersedia untuk menjadi raja kepada orang Cina.

Saya mengharapkan wakil Pemuda UMNO mengemuka-kan satu pandangan yang radikal dan membuat satu tuntutan yang radikal tentang perkara ini. Misalnya Tan Sri Pengerusi, wakil Pemuda UMNO akan mencadangkan supaya kita meng-hapuskan institusi raja. Saya mengharapkannya daripada orang muda, sebab orang muda ini telah diperkenalkan de-nan Revolusi Perancis, yang kita sudah baca. Dengan revo-lusi masyarakat yang telah menyapu bersih raja-raja di Indo-nesia, kecuali kesultanan Jogjakarta. Tetapi rupanya tidak, ini menunjukkan bahawa anak muda kita cukup diajar dia tidak menderhaka kepada ayahnya, kerana bapa saudara-bapa sau-daranya tidak mengajar anak muda ini menderhaka. Dan kerana ibunya dan mak ciknya juga tidak pernah mengajar mereka menderhaka. Apa yang disebutkan oleh perwakilan yang membahaskan usul ini dari semalam dan kelmarin, dan hari ini tidak lain, tidak bukan semata-mata menunjukkan penghormatan kepada institusi raja, kasih sayang kepada institusi raja. Seolah-olah raja dengan rakyat itu sesuatu yang tidak dapat dipisahkan, seperti irama dan lagu tetapi entah macam mana terdengar lagu yang sumbang akhir-akhir ini.

Terengganu sebenarnya, berpendapat apa yang berlaku di Kelantan merupakan satu kebetulan, kita membincangkan di sini bukan kerana kita kalah di Kelantan, tetapi kita berbincang di sini dengan tujuan untuk memperkuatkan institusi raja itu sendiri. Untuk memperkuatkan sesuatu yang selama ini kita rasa sudah tergelincir, apa yang kita buat ini kalau boleh dipanjangkan sebagai satu usaha untuk *realignment*, apa yang telah tergelincir tadi.

Kita juga berusaha dengan cadangan yang dibuat oleh Pulau Pinang, negeri yang sudah lama tidak beraja disokong pula oleh Negeri Sembilan, negeri yang banyak raja, suatu hal yang pelik tetapi molek.

Saya mengikuti usul yang dikemukakan oleh UMNO Bahagian Tanjong yang diatur begitu rupa, tertib, cermat, sopan santun dan tidak kurang protokolnya. Jelas menunjukkan bahawa apabila kita berbincang berhubung dengan perkara Melayu, orang Pulau Pinang pun tidak kurang menunjukkan Melayunya. Takkanlah orang Pulau Pinang hendak marah, dua orang sudah dijadikan naib presiden, melampaullah kalau marah. Cuma apa yang boleh Terengganu tambah, dan apa yang dicadangkan oleh UMNO Pulau Pinang sekiranya dapat diterima cadangan Terengganu bila kita telah merumuskan kata sepakat berhubung dengan masalah yang kita bincangkan ini, Majlis Tertinggi akan bersetuju melantik satu rombongan yang terdiri daripada Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib presiden, Ketua Pergerakan Pemuda, Ketua Pergerakan Wanita supaya menyembah keputusan, perutusan, mesej yang dibuat oleh perhimpunan ini kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan DYMM Raja-raja Melayu. Walaupun kita tahu hari ini pun memang mengikuti persidangan kita ini. Itu secara tidak rasmi, yang rasminya apa yang dicadangkan oleh Terengganu. Saya rasa perkara ini tidak berat, membincangkan dengan secara terbuka ini lebih berat sama-sama pikullah, kalau difikirkan yang mana berat, orang

yang di atas pun kena pikul, orang di bawah pun kena julang insya-Allah akan selamat kita.

Saya ingin menyokong usul Pulau Pinang, sukalah saya bagi pihak negeri Terengganu mengatakan sehingga ini, *so far* di Terengganu tidak timbul masalah, Sultan Terengganu, sultan berperlembagaan dalam erti kata yang sebenarnya tetapi tidak cukup, kalau sultan atau raja sahaja berperlembagaan kalau menteri besarnya tidak, menteri besarnya juga cukup berperlembagaan. Kalau tidak percaya rekodnya 18 tahun, dua orang sultan jarang-jarang dicapai oleh orang lain. Yang tidak mencapai rekod ini bukan bermakna menteri besarnya tidak berperlembagaan, tidak sekali-kali tetapi mungkin ada hal-hal lain yang menyebabkan garis pemisah antara seorang menteri besar yang berperlembagaan, dengan seorang sultan yang berperlembagaan itu menjadi kacau dan kabur pada waktu-waktu tertentu. Jadi kita merasa berpuas hati dan Terengganu suka mencadangkan supaya apa yang berlaku di Terengganu menjadi contoh dan ikutan kepada negeri-negeri lain. Oleh kerana Kelantan berjiran dengan Terengganu maka Kelantanlah sepatutnya terlebih dahulu menjadikan Terengganu contoh yang baik, dengan itu Tan Sri Pengerusi, Terengganu dengan segala sukacitanya menyokong usul yang dikemukakan oleh Pulau Pinang dengan harapan apa yang kita buat di sini semuanya betul dan timbang terus.

Mustafa Yaacob (Wilayah Persekutuan)

Kalau tidak silap saya dalam dunia ini masih terdapat 25 orang raja dan sembilan orang berada di negara kita. Ini membuktikan bahawa UMNO selama ini benar-benar ikhlas untuk mempertahankan institusi beraja di negara ini. Walaupun telah banyak negara yang menolak ataupun tidak mahu lagi menerima sistem beraja ini. Lihatlah sahaja di Indonesia dan Belanda. Sekarang apa pula yang sedang berlaku di Nepal dan

Jepun. Ini menunjukkan tanda-tanda bahawa ada rakyat di negara lain tidak mahukan raja. Semua ini berlaku kerana perasaan rakyat dibendung, rasa tidak puas hati rakyat disekat dan sebagainya. Kita tidak mahu perkara seperti ini terjadi di Malaysia. Kita tidak mahu rakyat mempunyai perasaan yang terbuku di hati kerana perasaan seperti itu apabila meletup ianya akan berbahaya. Sebab itulah usul ini kita kemukakan, kita bahas dan kita bincang. Moga-moga apa yang kusut kita huraikan, apa yang tidak nyata kita jelaskan, dan apa yang keruh kita jernihkan.

Ingatlah, tidak ada raja atau tidak ada rakyat. Rakyatlah yang telah mewujudkan raja. Rakyatlah yang telah meletakkan raja di tempat yang ada sekarang. Oleh itu hati dan perasaan rakyat juga harus dihormati oleh raja dan sultan. Kita tahu kita tidak pernah kacau, kita tidak pernah campur tangan dalam hal-hal istana. Kita khuatir, satu masa rakyat tidak lagi menghormati raja sekiranya sesuatu tidak dibuat dari sekarang. Oleh itu UMNO merasa bertanggungjawab menyatakan keimbangan itu kepada raja dan sultan supaya nanti sekiranya berlaku sesuatu UMNO tidak akan dipersalahkan. Allah berfirman bermaksud, 'Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul kamu dan orang-orang memerintah kamu.' Orang-orang yang memerintah kamu boleh kita tafsirkan sebagai raja dan pemimpin. Oleh itu adalah menjadi kewajipan orang-orang UMNO dan orang Melayu yang beragama Islam untuk mentaati raja dan pemimpin, selagi raja dan pemimpin itu tidak lari dari landasan keadilan sebagai yang disarankan oleh Islam. Seorang raja adalah seorang imam. Seorang raja itu adalah seorang khalifah. Kalau di dalam Islam konsep Islam dan khalifah ini mencakupi segalanya, seorang imam mestilah mengimamkan makmum, seorang imam hendaklah membaca khutbah Jumaat, seorang khalifah mestilah di depan memimpin angkatan tentera apabila berperang.

Sabda Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud, 'Setiap kamu

mempunyai tanggungjawab dan setiap kamu akan ditanya tanggungjawab itu pada hari akhirat nanti.' Sebagai ketua agama, raja dan sultan akan ditanya di akhirat nanti tentang tanggungjawab mereka terhadap agama. Sebagai imam dan khalifah, raja dan sultan akan disoal di akhirat nanti tentang pentadbiran negaranya.

Rasanya selesailah tugas saya sebagai seorang Melayu, ahli UMNO yang beragama Islam untuk menyatakan sesuatu kepada raja dan sultan Melayu. Sekali lagi saya tegaskan bukanlah niat saya untuk campur tangan dalam urusan raja, bukanlah niat saya untuk menegur raja, bukanlah niat saya untuk menghina raja.

Sekarang terserahlah kepada raja-raja dan sultan, sekiranya perbuatan saya seperti itu dianggap derhaka maka redalah saya. Moga-moga raja dan sultan Melayu akan dipanjangkan umur, menerajui hak takhta negeri masing-masing, dengan adil saksama.

Ismail Sabri Yaakub (Pahang)

Pada hari ini apabila kita berkumpul dan bercakap tentang hak raja dan hak rakyat, maka ada suara-suara sumbang daripada parti-parti pembangkang yang mengatakan UMNO sekarang sudah mahu mengajar orang Melayu untuk menderhaka. Tetapi sebenarnya kalau kita lihat dari segi sejarah, UMNO-lah yang menyelamatkan kedudukan raja-raja Melayu daripada dicabar dan daripada hancur kuasa yang ada di tangan Melayu. Kita lihat pada tahun 1946, raja-raja Melayu pada masa itu sanggup menyerahkan bungkusan kuasa mereka kepada British. Raja-raja Melayu sanggup menandatangani perjanjian Malayan Union, dan raja-raja Melayu pada masa itu sanggup menghadiri upacara penubuhan Malayan Union. Tetapi UMNO yang sedar bahawa kuasa Melayu terletak kepada kuasa raja, pada masa itu telah menentang dan akhirnya telah

menyelamatkan maruah raja-raja Melayu daripada diambil oleh British. Tetapi hal ini tidak diperkatakan oleh pihak pembangkang. Pembangkang kata bahawa pada hari ini Datuk Seri Presiden dan lain-lain hendak mengajar orang-orang UMNO supaya menderhaka kepada raja-raja. Sebenarnya kita bukan menderhaka.

Hari ini saya berdiri pun hendak menerangkan yang mana kuasa rakyat dan yang mana kuasa raja. Kita tidak mahu raja menjadi rakyat dan rakyat menjadi raja. Jadi, mesti ada perbezaan. Kalau raja boleh turun ke padang, boleh turun ke kampung-kampung menghasut rakyat untuk menentang kerajaan, bermakna raja itu bukan raja. Jadi, itu perbezaannya. Dan kita hendak menerangkan tentang perbezaan.

Kita sayang kepada raja Melayu, bukan kita tidak sayang. Raja Melayu itu raja kita. Rakan-rakan saya pun sudah katakan bahawa raja-raja Melayu itu bukan raja Cina, bukan raja India, raja-raja Melayu itu raja kita. Jadi, kita tidak mahu kalau raja-raja Melayu kita benarkan untuk turun berpolitik, maka tentu sahajalah raja-raja Melayu akan terbuka kepada dikritik oleh parti-parti pembangkang. Ini kita tidak mahu. Kita mahu meletakkan raja kita di tempat yang atas supaya tidak ada orang yang boleh mengkritik raja kita secara terbuka. Kita berkumpul hari ini kerana kita sayang kepada raja kita. Begitu juga halnya di dalam bidang perniagaan.

Zaid Ibrahim (Kelantan)

Saya ingin ceritakan apabila seorang raja boleh salah tanggapan tentang tugas baginda. Raja itu ialah raja Inggeris, Charles I. Baginda didapati bersalah dan dihukum mati di tali gantung kerana baginda menafikan kuasa rakyat dan kuasa Parlimen.

Semasa perbicaraan, baginda mengatakan, dengan izin, saya hendak menggunakan bahasa Inggeris, '*I deny the Author-*

ity of the court to try me. And I declare my responsibility not to Parliament but to God. I have a trust committed to me by God.'

Dengan kata saudara-saudara, baginda berpendapat bahawa baginda dipertanggungjawabkan oleh Tuhan untuk memberi keadilan kepada rakyat. Pendirian ini jelas menunjukkan bahawa baginda telah tersalah anggap tentang peranan baginda yang sebenarnya.

Dan pendirian itu juga telah dianggap oleh rakyat Inggeris sebagai mengisyiharkan perang terhadap Parlimen dan mengingkari sumpah untuk menghormati perjanjian di antara pemimpin yang mewakili rakyat dan raja mengenai batasan-batasan kuasa di antara kedua-dua pihak.

Inilah masalahnya. Ada raja-raja kita yang niatnya baik, tetapi tersalah anggap, tersalah nasihat. Kita harus jangan marah sangat kerana konsep raja berperlembagaan ini baru di negara kita. Dengan ringkas raja berperlembagaan itu erti raja yang tidak ada kuasa. Sudahkah kita menyediakan orang-orang Melayu memahami konsep ini? Mungkin di kalangan kita sendiri tidak sanggup menerima kenyataan ini. Apatah lagi raja. Jadi, proses yang harus berjalan adalah tanggungjawab kita menerangkan kepada rakyat supaya menerima hakikat ini. Adalah untuk kebaikan rakyat dan kebaikan raja bahawa raja tidak ada kuasa. Dan kita juga harus menerangkan kepada raja-raja tentang perkara ini.

Kita dengar ada cadangan untuk mengkaji Perlembagaan, menubuhkan jawatankuasa dan sebagainya. Saya kira tidak salah untuk memperkemaskan apa yang tidak kemas, tetapi soalnya bukan Perlembagaan, bukan peraturan ataupun *constitution of convention*. Raja pun bijak orangnya. Baginda faham tetapi penerimaannya itu. Sukar bagi baginda untuk menerima kenyataan ini.

Jadi, apa yang patut saya cadangkan kalau boleh, biarlah pucuk pimpinan kita memanggil semua raja. Terangkanlah kepada mereka dengan sopan, terangkan apa yang dikehendaki

daki dari mereka. Kalau kita belum pernah berbuat demikian sejak merdeka, saya rasa masanya sudah sampai. Kita panggil mereka dan terangkan dengan jelas bahawa rakyat tidak akan berkompromi dalam hal ini.

Tentang kesilapan kita sendiri, saya rasa inilah yang menyebabkan raja tidak faham tanggungjawab mereka. Sebab kadangkala kita sendiri tidak faham tanggungjawab kita. Kadangkala kita mencari jalan mudah bila menemui masalah terutama mereka yang memegang jawatan tinggi.

Jadi, saya rasa ini adalah masanya untuk semua pihak bukan sahaja raja tetapi juga pemimpin-pemimpin yang mewakili rakyat. Kalau kita ingin raja menghormati undang-undang dan peraturan, kita juga mesti menghormati undang-undang dan peraturan.

Dato Dr. Affifudin Hj. Omar (Kedah)

Oleh sebab setakat ini belum lagi ada mana-mana perwakilan yang menggariskan ataupun yang membentangkan asal usul raja-raja, maka inilah saya mengambil peluang untuk membentangkan asal usul raja-raja supaya kita semua tahu, dari mana asal kita. Manusia yang tahu asalnya adalah manusia yang sempurna, yang tahu had dan tanggungjawabnya kepada orang yang diperintah.

Saya akan bentangkan satu analisis sejarah untuk menggerakkan dan membangunkan bangsa Melayu daripada apa yang dikatakan oleh wakil dari Johor semalam iaitu *syndrome historical amnesia*.

Ahli-ahli UMNO dan orang Melayu, amnya amat prihatin tentang identiti dan tamadun bangsanya. Identiti dan tamadun ini bergantung kuat kepada rentak perhubungan kita dengan raja-raja kita semenjak dahulu lagi. Dan identiti dan tamadun Melayu ini wujud apabila orang-orang Melayu bergabung di bawah raja.

Suku-suku Melayu yang sebelumnya hidup sebagai kelompok-kelompok yang *parochial*, kelompok-kelompok yang terpisah di antara satu sama lain yang kuno dan yang berselerak di merata-rata alam Melayu, digabungkan di dalam kumpulan yang lebih besar dan luas jajahannya di bawah takluk raja. Raja menjadi ulu—u-l-u—yang menyatukan semua kumpulan suku-suku Melayu ini.

Tetapi penggabungan ini mempunyai syarat-syaratnya yang dimaktub di dalam piagam atau perlumbagaan. Perlumbagaan yang paling awal, yang kita ketahui ialah perlumbagaan yang dibuat di antara Demang Lebar Daun iaitu penghulu orang-orang Melayu yang pertama dengan Sang Sapurba, raja Melayu yang pertama yang berketurunan dari Iskandar Dzulkarnain.

Penabalan raja-raja Melayu yang pertama yang berasaskan perlumbagaan adalah diasaskan kepada prinsip hormat-menghormati. Raja-raja Melayu dari dahulu lagi bukan monarki mutlak. Raja-raja Melayu yang asal adalah raja-raja Melayu yang berperlumbagaan. Tidak ada raja Melayu yang dikatakan monarki mutlak dan perlumbagaan ini adalah dibuat, di atas satu perjanjian ekonomi, politik antara raja dengan rakyat.

Perjanjian ini adalah *simple*. Raja bergantung kepada rakyatnya untuk mendapatkan sara hidup dan lain-lain keperluan lahiriah. Rakyatnya pula bergantung kepada raja, hanya untuk mewujudkan identiti Melayu sahaja. Status ini menggariskan peranan masing-masing. Maka muncullah adat istiadat yang memastikan bahawa perantaraan ataupun peranan ini mesti dipatuhi. Wujudlah perkataan-perkataan ‘hamba patik’—perkataan ‘patik’ itu maksudnya tuan-tuan tahu apa? ‘Anjing’, perkataan ‘maha mulia’.

Hal ini memastikan peranan, iaitu peranan bersopan santun yang telah kita pelihara sehingga hari ini. Pengimbangan kuasa dan fungsi raja dengan kuasa dan fungsi rakyat lantas mengikut perjanjian yang *simple* ini—tidak ada perjanjian seperti

yang dikatakan oleh King Charles itu, mengenai *The divine rights of King*. Hak-hak ketuhanan raja tidak ada dalam salasilah raja-raja Melayu—tidak ada. Dan untuk memastikan bahawa syarat-syarat dan larangan-larangan ini dipatuhi oleh raja dan rakyat, maka bersumpahlah kedua-dua ini—Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba: ‘Barang siapa mengubah dan mencemarkan perjanjian ini, maka akan dibalikkan Tuhan bumbungnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas.’

Intipati perjanjian yang disumpahkan ini ialah rakyat mestilah memberi taat setia dan lain-lain yang saya katakan tadi. Dan satu lagi *clause*, satu lagi ceraian dalam sumpah itu—Demang Lebar Daun menetapkan: ‘Bahawa anak cucunya, iaitu rakyat Melayu tidak boleh digantung, tidak boleh diikat dan dilafazkan dengan kata-kata yang jahat.’ Jikalau ada seorang raja yang memberi aib kepada seorang hamba Melayu, alamat negerinya akan binasa. Pengertian aib ini dirujukkan dengan segala perbuatan yang memalukan seperti memaki hamun, macam kata ‘bab’ tadi. Menghina di dalam bentuk tidak menjemput orang yang patut dijemput ke Istana Adap.

Inilah sumpah asal di antara bangsa Melayu dan raja. Sumpah ini menjadi teras perlombagaan Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba dan teras perlombagaan negara Malaysia yang kita anuti pada hari ini. Sistem raja berperlombagaan adalah berlandaskan kepada kuasa rakyat seperti digariskan di dalam semua bab di dalam perlombagaan negara kita. Hak-hak serta larangan kepada rakyat dan juga raja-raja disenaraikan dan undang-undang mengenainya dilulus dan digubal oleh Parlimen.

Jikalau di dalam perlombagaan, Demang Lebar Daun dilarang raja-raja bercucuk tanam, menternak, berniaga maka di dalam Perlombagaan Malaysia pun ada larangan berupa ini, iaitu saya petik: ‘Raja dilarang memegang apa-apa jawatan yang baginya ada apa-apa saraan selain daripada jawatan raja-nya dan raja tidak boleh mengambil bahagian dengan giat di

dalam apa-apa *enterprise* perniagaan.' (Bahagian I, Bab 1 — Perkara 4 Ceraian 1 dan Perkara 2 *Perlembagaan Malaysia*.)

Perkara ini disebut di dalam perlembagaan kita. Raja Melayu hanyalah lambang yang menjalankan fungsi ekspresif. Rakyat merupakan orang yang mencari saraan hidup raja dan menjalankan institusi-institusi kerajaan. Perjalanan dan pelaksanaan institusi-institusi ini yang menjadi penggerak dan penyara hidup adalah prerogatif rakyat. Raja tidak boleh mencampuri urusan pentadbiran harian seperti mengutip cukai ataupun mengutip *toci* daripada perniagaan-perniagaan. Raja tidak boleh mengambil dan membuang pegawai-pegawai kerajaan, jauh sekali mengambil bahagian di dalam politik massa.

Susunan budaya pula bukanlah satu perkara yang baru dicipta zaman moden ini. Seperti yang saya katakan, perjanjian dan sumpahan itu menggariskannya. Prerogatif rakyat di dalam menguasai institusi kerajaan dibuktikan semenjak dahulu lagi. Raja hanya memberi kelulusan atau menidakkannya. Di dalam sejarah bangsa Melayu, kuasa bendaharalah kuasa yang mutlak. Kuasa bendahara atau kuasa perdana menterilah atau kuasa menteri besar, kuasa yang menonjol, bukan kuasa raja tetapi kadangkala apabila bendahara menjadi terlalu kuat maka berlaku konflik. Adakalanya di dalam sejarah kita bendahara tewas dan bendahara dipancung dan adakalanya raja tewas, raja dibuang—bendahara menjadi raja.

Konsep raja berperlembagaan adalah konsep demokratik. Ia wajib difahami oleh raja-raja dan rakyat sekalian secara mendalam daripada apa yang kita fahami pada hari ini. Apabila orang Melayu menyusun sistem politiknya yang meletakkan raja sebagai lambang ketuanan Melayu, saraan yang setimpal dengan status ini mesti diberi oleh rakyatnya.

Kita jangan kata, saya hendak jet raja juga. Ini kita telah lakukan sepanjang zaman. Demang Lebar Daun bukan sahaja menyara, dia memberi anaknya sebagai isteri raja.

Demang Lebar Daun menanam padi huma dan berternak

di Bukit Siguntang untuk menyara raja. Malah dia membuka negeri dengan lebih luas sehingga ke Bentan untuk memenuhi kehendak lahiriah rajanya. Dari Bukit Siguntang sampai ke Riau seluruh Kepulauan Riau hingga ke Bentan.

Pada zaman ini Parlimen dan Dewan Undangan Negeri memperuntukkan saraan-saraan yang ditambah setahun demi setahun mengikut kos sara hidup. Setahu saya tidak pernah seorang pun ahli-ahli parlimen ataupun ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang mempersoalkan saraan ini. Setahu saya apabila datang kepada perkara ini ia diluluskan sahaja, tidak pernah dipersoalkan, tidak pernah dibahaskan. Larangan terhadap penglibatan raja-raja Melayu di dalam aktiviti ekonomi dan politik masa ini mestilah diimbangkan dengan saraan yang cukup.

Sesuai dengan keadaan dan kehendak mempertahankan taraf sosial raja, lebih-lebih lagi pada masa ini banyak jutawan Melayu yang memiliki Rolls Royce bukan setakat sebuah malah ada yang memiliki lima Rolls Royce, lima BMW, lima Porsche. Raja hanya mempunyai sebuah Rolls Royce, sebuah Porsche, sebuah BMW. Juga sudah banyak jutawan Melayu yang membina rumah, yang bukan hanya menandingi istana malah lebih besar dari istana itu. Jadi, apabila hal ini berlaku, jurang status sosial di antara raja dengan rakyat semakin kurang. Inilah yang menjadi masalah kepada raja.

Saya terpaksa bercakap begini kerana implikasinya adalah satu realiti yang kita tidak dapat lari. Bagus, orang Melayu naik, tetapi implikasi dan terhadap persepsi raja-raja kita mengenai status ekonomi mereka walaupun remeh tetap signifikan. Ia mendorong raja mencari sumber kewangan yang lain untuk bersaing dan mempertahankan status sosioekonomi mereka. Maka terpaksalah mereka melibatkan diri di dalam perniagaan dan politik massa. Aktiviti perniagaan dan politik massa menghendaki persaingan di antara individu-individu dan di antara kumpulan-kumpulan. Apabila ada persaingan

adalah konflik. Maka itulah kedudukan sosiologikal kita pada hari ini, iaitu konflik yang disebabkan oleh status di antara rakyat dan raja telah pun dirapatkan dan raja berasa bahawa keutuhan dan status sosialnya dicabar. Ini adalah realiti. Dan kita tidak boleh nafikan perkara ini. Dan apabila raja terlibat untuk mengatasi masalah ini maka berlakulah apa yang kita hadapi sekarang, iaitu raja-raja masuk dalam perniagaan.

Bukan pada zaman keagungan pemerintahan UMNO ini sahaja yang bangsa Melayu menghadapi krisis yang kita hadapi sekarang. Sejarah telah merakamkan banyak peristiwa mengenai krisis begini yang semuanya membawa kepada kehancuran kerajaan Melayu. Hikayat Kerajaan Melayu Temasik menceritakan tentang kezaliman raja yang diikuti dengan penderhanaan rakyat dan akhirnya Singapura hilang dari tangan kita hingga hari ini.

Hikayat Hang Tuah menceritakan bagaimana raja menyebelahi satu pihak di dalam kancah perebutan kuasa dan akhirnya sistem raja itu sendiri dicabar dengan ganasnya oleh Jebat. Akhirnya Melaka yang gagah itu jatuh diserang oleh hanya enam buah kapal Feringgi.

Hikayat Merong Mahawangsa menceritakan pula bagaimana raja melampaui batas kemampuan rakyat memberi saran hidup dan akhirnya raja itu dihalau ke hutan.

Maka bermulalah kejatuhan Kerajaan Negeri Kedah. Kese-mua ini adalah contoh-contoh pelanggaran larangan-larangan di dalam sumpah keramat antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba.

Jika kita teliti betul-betul kita akan dapati bahawa hikayat-hikayat sejarah ini semuanya menceritakan kepada kita bahawa kebanyakan perlakuan raja yang mengaibkan rakyat adalah berpunca daripada orang-orang besar di sekeliling raja-raja itu.

Mereka ini terdiri daripada golongan bangsawan dan anak-anak raja dan pembesar-pembesar negeri. Merekalah yang mempengaruhi dan membentuk sentimen raja ke arah menya-

lahi ataupun menyebelahi mereka yang di dalam kancang perebutan kuasa politik dan ekonomi. Segala strategi dan taktik digunakan untuk kepentingan sempit dan kepentingan oportunistis mereka. Lihat bagaimana orang-orang ini menakut-nakutkan raja terhadap budak cerdik yang menyelesaikan masalah serangan todak di Singapura. Akhirnya budak itu dibunuh dan tertutuplah kebodoahan orang-orang besar ini, dan terselamatlah jawatan-jawatan pembesar istana yang mereka sanjungi.

Lihat, bagaimana Patih Karma Wijaya memfitnahkan Tun Tuah kerana inginkan kuasa politik dan kekayaan selepas dibuang dari Istana Majapahit. Dan juga lihat bagaimana si Kitol dan Raja Mandeliar memfitnahkan bendahara pada masa itu lebih kuasanya dan lebih kaya daripada sultan.

Pada zaman moden ini ada riwayat-riwayat semacam ini. Saya bukan ahli sejarah, terletaklah kepada ahli-ahli sejarah untuk meriwayatkan kepada anak-anak cucu kita supaya mereka membaca dan membahaskan macam kita bahas, kalau ada berlaku lagi pada zaman akan datang. Pokoknya raja Melayu sepanjang zaman lampau telah dipergunakan oleh individu-individu petualang yang berkepentingan diri yang sempit. Baik ia di dalam bidang politik mahupun bidang ekonomi.

Jikalau kita teliti lagi betul-betul, kita dapati ini adalah satu lagi fakta-fakta sosial psikologi. Selalunya apabila raja terjerumus ke dalam keranah mereka ini, pada masa itulah raja berasa kekurangan untuk dirinya. Misalnya di Temasik raja rasa tergugat oleh kecerdikan dan ilmu yang ada pada seorang budak. Di Melaka raja-raja pada masa itu, dan pada masa-masa yang berlainan, cemburu di atas ketangkasian dan kehebatan Tun Tuah dan cemburu di atas kekayaan bendahara yang antara lain tidak mempersempahkan anaknya yang ayu kepada baginda.

Andainya pembesar-pembesar Melayu pada masa silam itu lebih arif dan dapat menganalisis masalah-masalah batiniah dan lahiriah raja-raja mereka seperti yang saya buat hari ini

dan bertindak sewajarnya, kemungkinan besar kerajaan-kerajaan Melayu itu tidak akan tumbang dan petualang-petualang politik yang menghasut raja itu ditangkap dan disula sebelum angkara mereka membawa padah. Tetapi malangnya di dalam semua kes, nasi sudah menjadi bubur, sebelum keinsafan timbul. Sekarang marilah kita membawa keinsafan ini sebelum nasi menjadi bubur pada zaman kegemilangan. Andainya pembesar-pembesar Melayu pada masa itu dapat memenuhi kehendak lahiriah dan batiniah raja Melayu dan justeru itu dapat pula mengawal raja-raja Melayu daripada mengikut nafsu yang berlebihan, kemungkinan besar raja-raja Melayu itu muncul.

Kalaulah Bendahara Paduka Raja tidak mengumpul wang emas dan perak dan menunjuk-nunjuk ‘jong-jong’ emas berpuluhan-puluhan bahtera dan mengelilingi dirinya dengan pengawal-pengawal peribadi yang lebih ramai daripada pengawal peribadi raja, maka mungkin fitnah si Kitol dan fitnah Raja Mandeliar tidak berkesan. Kalaulah pula Raja Merong Mahawangsa ataupun di Kedah dipanggil Raja Bersiong tidak dilayani kehendaknya yang berlebihan, iaitu bermula dengan mencampurkan darah ke dalam sayur bayam untuk menaikkan selera baginda, maka baginda tidak akan meminta ataupun melampau kepada meminta minum darah mentah-mentah, kemungkinan besar kerajaan Kedah tidak jatuh dan kemungkinan besar kerajaan Kedah akan jadi lebih gemilang pada zaman-zaman yang lampau.

Saya menyebut kemungkinan-kemungkinan ini bukan bertujuan melawan kehendak Allah (s.w.t.). Kemungkinan ini hanyalah saya sebut sebagai teknik analisis semata-mata.

Allah mengkudratkan sesuatu kejadian itu untuk manusia mempelajari selok-belok hidup. Contohnya apabila raja tidak suka kepada Tun Tuah, diperintahnya bendahara menjalankan hukuman bunuh. Bendahara dengan kearifan beliau menyembunyikannya sahaja. Bendahara tidak berkeras me-

nentang kehendak raja dan mempertahankan Tun Tuah secara buta tuli sebaliknya bendahara menggunakan ubat yang paling mujarab di dalam menyelesaikan masalah dan menggakkan kebenaran iaitu bendahara menggunakan masa. Masa sahajalah yang menginsafkan raja. Ini telah terbukti baik dahulu mahupun sekarang.

‘Saga’ Datuk Rahim Bakar menjadi bukti apa yang saya katakan. Dari analisis saya yang ringkas ini dapat kita lihat bahawa ‘saga’ raja dan raja Melayu sepanjang sejarah sebenarnya adalah rentak perjalanan hubungan di antara raja-raja dan pembesar-pembesarnya sahaja. Yang menjadi mangsa selalu-nya ialah rakyat. Analisis yang ringkas ini menyedarkan kita bahawa satu rumusan penyelesaian yang komprehensif atau menyeluruh perlu dibuat, untuk mempertahankan sistem raja berperlembagaan warisan bangsa kita ini. Rumusan penyelesaian ini bolehlah digariskan seperti berikut:

1. Satu kefahaman yang mendalam di kalangan raja-raja mengenai kedudukan ekonomi politik negara mesti diwujudkan. Kefahaman ini akan memberi kesedaran yang mendalam kepada raja-raja mengenai parameter ataupun lingkungan had-had sumber dankekayaan negara dan bagaimana hendak digunakan dan diagihkan supaya raja tahu bahawa sumber-sumber ini perlu digunakan lebih kepada rakyat.
2. Mewujudkan satu majlis amanah kerabat anak-anak raja, mengikut model MARA untuk memperbaiki taraf ekonomi mereka dan menghindarkan mereka daripada menjadi broker-broker tender, broker-broker jawatan tinggi serta broker-broker konsesi-konsesi untuk petualang-petualang berdekad. Tidaklah pening kepala menteri besar-menteri besar kita untuk melayani mereka. Tidak dilayan salah, dilayan salah.
3. Bakal-bakal pengganti raja mestilah diberi kursus di dalam bidang agama kerana mereka akan mengepalai agama Islam

di negara kita ini. Mereka mesti diberi kursus di dalam pentadbiran, dasar-dasar ekonomi kerajaan. Mereka diberi kursus di dalam bidang ekonomi politik dan budaya negara dari masa ke masa untuk menyediakan mereka supaya menjadi raja yang sempurna apabila menaiki takhta.

4. Mewujudkan satu rang undang-undang dan peraturan yang mengharamkan sesiapa sahaja daripada menggunakan nama raja untuk kepentingan ekonomi dan politik mereka.

Semua ini akan menghalang perbuatan-perbuatan yang mengelirukan rakyat dan akhirnya membawa padah kepada sistem raja berperlembagaan di negara kita.

Sebagai penutup saya ingin menegaskan di sini bahawa kaitan orang-orang Melayu dan rajanya tidak dapat dipersoalkan seperti malam dan siang ataupun seperti irama dan lagu. Sumbang irama sumbanglah lagu, walaupun di dalam sejarah orang-orang Melayu banyak tercatat raja yang terbuang dan dibuang tetapi akhirnya orang-orang Melayu cari balik raja itu.

Di Kedah, Gajah Putih pergi mengambil anak zuriat Raja Bersiong di Baling mengikut teori buluh betung.

Kita orang-orang Melayu mesti mempertahankan sistem raja, iaitu sistem raja berperlembagaan. Sistem yang kita cipta, yang Demang Lebar Daun cipta itu kerana sistem ini melambangkan budaya dan tamadun kita. Kitalah bangsa yang pertama membangunkan tamadun di rantau ini dengan mewujudkan kerajaan Melayu yang menjadikan seluruh kepulauan Melayu ini hak milik bangsa kita. Kitalah bumiputera yang memegang hak ini. Tidak ada orang lain yang memegang hak ini. Raja kitalah menjadi lambang yang membuktikan kepada dunia bahawa kitalah tuan punya negara ini. Kita bangsa Melayu di negara ini tidak menganggap diri kita di dalam organisasi pemerintahan seperti apa yang berlaku di Indonesia yang membuang rajanya.

Kita di Malaysia ini menganggap diri kita di bawah organisasi ‘kerajaan’. Tidak pernah kita sebut ‘pemerintah’.

'Kerajaan' ini patut difahami oleh raja-raja. Kita masih di bawah kerajaan. Kita tidak di bawah pemerintah dan ini patut difahami oleh semua khususnya raja-raja bahawa kita masih sayang dan cinta kepada raja-raja kita.

Kita orang-orang Melayu menabalkan raja kita sebagai pusat *centrifugal* yang bermaksud bahawa segala hal-ehwal kita berpusat kepada raja sebagai lambang kuasa dan lambang penyatuan. Lambang ini perlu kita jaga daripada dicemari oleh mana-mana pihak. Kita membahaskan usul ini kerana kita sayangkan raja. Kita mahu menjadikan Bendahara Terung Pipit, Bendahara Tun Perak, Laksamana Tun Tuah dan pahlawan ulung Hang Jebat sebagai wira contoh.

'Saga' mereka ialah 'saga' yang menceritakan rentak kerajaan Melayu pada zaman silam yang boleh digunakan sebagai rujukan kepada kita pada masa ini, iaitu apabila kita berhadapan dengan krisis yang berlaku pada hari ini. Mereka bukan samseng raja, mereka bukan penderhaka, mereka ialah pembela sistem raja berperlembagaan.

Orang yang berjiwa samseng dan orang yang berjiwa penderhaka sahajalah yang mengatakan mereka itu samseng dan penderhaka.

Haji Adam Abdul Hamid (Johor)

Sejarah raja-raja adalah sejarah rakyat jelata;
Sebuah negeri boleh berdiri tanpa raja;
Tetapi seorang raja tidak mungkin bertakhta tanpa rakyat jelata.

Kita tidak mempersoalkan sebuah takhta,
Kerana takhta itu telah kita letakkan di tempat istimewa;
Yang dipersoalkan ialah sikap dan cara,
Seorang insan istimewa yang diamanahkan oleh Perlembagaan,

Bergerak dan bertindak melampaui garis sempadan.
Sikap dan cara inilah sebenarnya,
Sejak zaman-berzaman menimbulkan perselisihan dan perten-tangan.

Sejarah mengajar kita kenapa Hang Jebat dianggap derhaka;
Mengapa pula Tun Bajid menimang-nimang lembing;
Bila melihat kelakuan seorang raja.
Mengapa pula Laksamana Bentan menghunus kerisnya,
Menuntut hutang kepada seorang raja?
Dan tanyalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita,
Apa yang memulakan kempen penentangan ketika berlaku kri-sis Perlembagaan.

Puncanya, saudara-saudara, bukan hanya datang dari sultan
yang menduduki takhta,
Bukan hanya kelemahan diri seorang raja,
Tetapi juga dari orang-orang di sekeliling raja,
Para kerabat dan segala juak istana,
Juga politik orang-orang politik yang bermain mata;
Yang pandai menjulang, yang bijak mengipas-ngipas;
Yang bermuka tiga, yang tamak dan haloba.

Saudara-saudara, jangan kita lupa nama Kitol dan Raja
Mandeliar,
Yang menjadi punca kejatuhan Melaka,
Bererti kejatuhan kerajaan Melayu Melaka.
Mengapa Melaka tidak beraja sehingga kini?
Kerana Kitol dan Raja Mandeliar.
Dan Kitol serta Raja Mandeliar itu masih hidup;
Kitol dan Raja Mandeliar itulah yang menjelma,
Berkeliaran di istana-istana,
Terutama di bumi bertuah Malaysia ini.
Kitol dan Raja Mandeliar baru ini bersemuka,

Masing-masing dengan niat dan kepentingannya,
Kitol bermain di peringkat bawah;
Raja Mandeliar bergerak di peringkat atas.
Nama Raja Mandeliar moden ini ialah Raja Mudaliar.
Dia mempunyai hubungan dengan anaknya;
Dia malah mempunyai pertalian kekeluargaan di istana,
Dialah dengan bijak menusukkan jarum fitnah,
Dan raja yang masih muda tidak berpengalaman, lalu menye-
rah.

Saudara-saudara, Raja Mudaliar inilah punca utamanya,
Bukan sahaja memecahbelahkan orang Melayu,
Bukan sahaja memecahkan pemimpin-pemimpin Melayu,
Tetapi juga memecahbelahkan raja-raja Melayu di negeri ini.
Menimbulkan perselisihan dan persengketaan Melayu,
Dan inilah musuh kita yang sebenar-benarnya, bukan raja-
raja.

Dalam sistem raja berperlembagaan sekarang,
Kita harus sama-sama mempertahankan.
Maka itu kita memerlukan kebijaksanaan,
Seperti yang dipantunkan oleh orang tua-tua:
Apa cabang tidak bergetah,
Embun yang mana tidak turun pagi,
Bumi tak lembang, buluh tak patah;
Ular dibalun biarlah mati.

Kebijaksanaan menarik rambut dalam tepung,
Tepung tak berserak,
Kebijaksanaan jangan merosakkan santan sebelanga,
Hanya kerana setitik nila.
Di samping menyedarkan pihak istana,
Sekian banyak perbelanjaan diperturunkan kepadanya,
Wang dari rakyat jelata, titik peluh mereka,

Diperbantukan pula kepada segala kerabat diraja,
Supaya jangan lupakan segala budi rakyat jelata.
Kita harus melihat beberapa istana dan raja-raja,
Yang mengambil berat kehidupan rakyatnya,
Yang mendengar sembah nasihat orang-orang besar negeri,
Yang menaruh hormat kepada kebijaksanaan para menteri.
Malah kita boleh pula berbangga kepada orang-orang politik,
Yang berjasa dan bijaksana di negeri dan istana,
Yang diterima raja sebagai sahabat setia,
Yang dianggap sebagai orang yang boleh dipercayai,
Malah lebih bangga pula kita,
Apabila di antara kita diterima pula menjadi menantu raja.

Bercakap mengenai teman-teman yang jadi sahabat raja,
Tentang sahabat kita yang menjadi menantu raja,
Bukanlah saya merasa iri hati,
Tetapi benda begini kita hanya bermimpi,
Semua orang memimpikannya,
Kalau ada yang berkecuali,
Mungkin YAB Perdana Menteri dan Timbalannya.

Jalan kebijaksanaan yang diajarkan oleh nenek moyang,
Biarlah bertindak menurut adat dan sopan.
Kesilapan raja berperlembagaan dihadapi dengan Perlembagaan,
Majlis raja-raja yang tetap berwibawa akan menimbang dengan saksama putih hitamnya.
Di istanalah kita meminta keadilan Perlembagaan Negara.

Mohamad Satim Diman (Selangor)

Isu yang ada di hadapan kita untuk dibahaskan hari ini adalah usul mengenai pengertian raja berperlembagaan. Raja berperlembagaan berbeza daripada raja mutlak. Raja mutlak mem-

punyai kuasa yang tidak terbatas, manakala raja berperlembagaan pula kuasanya tertakluk kepada Perlembagaan. Ini bermakna raja berperlembagaan perlu bertindak mengikut Perlembagaan dan tidak boleh melakukan sesuatu di luar batas undang-undang atau dalam bahasa mudahnya raja berperlembagaan tidak boleh bertindak mengikut sesuka hati mereka sahaja. Sistem pemerintahan cara ini telah lama kita amalkan. Sistem ini sungguh berkesan terutama dalam melindungi hak dan keistimewaan orang Melayu mengikut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Untuk itu raja dihormati dan didaulatkan oleh umat Melayu. Penghormatan dan kedaulatan yang diberikan oleh rakyat jelata terutama orang Melayu bagaimanapun kadang-kadang dipersia-siakan oleh raja-raja.

Kita masih ingat peristiwa tahun 1983. Pada waktu itu berlaku krisis Perlembagaan. Ianya terjadi kerana kurangnya kefahaman sesetengah raja mengenai konsep ataupun sistem raja berperlembagaan. Sesetengah raja tidak sedar bahawa mereka adalah sebahagian daripada Parlimen. Ini termaktub dalam Perlembagaan Perkara 44, di peringkat persekutuan dan sebahagian daripada Dewan Undangan Negeri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri. Di negeri ini tugas raja-raja telah khusus termaktub dalam Perlembagaan dan raja-raja tidak mempunyai kuasa menolak. Ini termasuk dalam Perlembagaan Jadual 8 Fasal 1. Oleh itu sesuatu rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri hendaklah terus diperkenankan oleh raja-raja. Perkara 55, Para 4 Perlembagaan menyebut: raja hendaklah memberikan perkenan kepada sesuatu rang undang-undang dengan mengarahkan rang undang-undang itu dicap dengan Mohor Besar Raja. Bagaimanapun Pemangku Sultan Pahang kerana berlaku perselisihan faham dengan menteri besarnya ketika itu, Datuk Abd. Rahim Bakar. Keengganan Pemangku Sultan Pahang seperti itu ternyata bertentangan dengan Perlembagaan. Oleh itu baginda gagal melaksanakan tugasnya sebagai raja berperlembagaan.

bagaan. Inilah salah satu perkara di mana raja-raja tersalah tafsir tentang kedudukan mereka sebagai raja berperlembagaan. Mereka perlu diperjelaskan mengenai perkara ini.

Apakah kita mahu perkara seperti ini terus berlaku? Apakah kita mahu istana dari masa ke masa terus berselisih faham dengan menteri-menteri besar? Apakah kita mahu istana dipergunakan oleh golongan tertentu untuk kepentingan mereka? Gejala ini jika tidak dibendung dari sekarang akan merosakkan perpaduan negara. Ia juga boleh menyebabkan sistem raja berperlembagaan itu sendiri dibenci oleh rakyat jelata. Jika ini berlaku padahnya sangat besar kepada orang-orang Melayu yang mendukung UMNO. Tetapi yang peliknya kadang-kadang di antara kita ada yang hendak jadi menteri besar, yang hendak jadi Exco buat kelompok-kelompok jumpa istana. Gunakan istana, sampai haru-biru raja-raja dibuatnya. Inilah sebenarnya yang telah merosakkan raja-raja itu sendiri.

Kita tidak mahu istana begitu mudah dipengaruhi oleh golongan tertentu yang ingin merebut kuasa dengan berlandaskan Perlembagaan. Mereka kononnya mendaulatkan Perlembagaan itu, tetapi di sebalik perbuatan itu mereka sebenarnya mempunyai cita-cita sendiri untuk berkuasa. Kita tidak mahu calon parti UMNO yang kita kemukakan untuk menjadi menteri besar ditolak sewenang-wenangnya oleh raja selepas dipengaruhi oleh golongan ini. Kita tidak mahu istana mengenakan pelbagai syarat sebelum melantik seseorang menteri besar. Sebabnya, perbuatan itu bertentangan dengan sistem raja berperlembagaan yang kita amalkan. Kadang-kadang kita rasa kasihan kepada sesetengah menteri besar yang terpaksa menunggu lama sebelum diperkenankan perlantikannya oleh raja. Kita juga rasa kasihan kepada sesetengah menteri besar yang senarai barisan Exconya tidak diperkenankan oleh istana. Kita rasa sedih kerana ada sesetengah menteri besar, setiap kali selepas pilihanraya, terpaksa bertarik

tali dengan istana. Saya ingin bertanya apakah ini sistem berperlembagaan yang sebenarnya.

Di sinilah perlunya UMNO membuat satu pendirian yang tegas, pendirian yang benar-benar dapat memberi jaminan kepada keutuhan ketuanan Melayu itu. Di sinilah UMNO harus mempertekankan bahawa UMNO sahaja yang akan dapat mendaulatkan sistem raja berperlembagaan. Sistem ini tidak akan dapat dipertahankan oleh parti Semangat 46 dan PAS, apatah lagi kepada parti perkauman DAP dan PBS. Oleh itu Badan Perhubungan Negeri Selangor mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa peringkat Majlis Tertinggi ditubuhkan untuk mengkaji semula hubungan antara raja-raja Melayu dengan UMNO. Kita hendak raja-raja diberi penerangan sejelas-jelasnya mengenai sistem ini. Kita hendak supaya raja-raja Melayu faham akan hasrat dan kemahuhan UMNO serta orang-orang Melayu keseluruhannya. Kita ingin memberi jaminan di sini bahawa UMNO akan terus mempertahankan sistem raja berperlembagaan.

Ahmad bin Hussein (Perlis)

Sejarah Melayu warisan bangsa
Kegemilangan Melaka amat dibangga
Betapa agung betapa tinggi martabat bangsa
Namun akibat sengketa dalaman istana
Hancur lebur takhta yang tercinta

446 tahun rakyat menderita
Kehilangan payung yang gagah perkasa
Kita dijajah, kita dilanda Portugis, British, Jepun mahupun
Belanda
Semuanya sama memeras, memijak, merampas
Budaya dilacur, agama dinoda
Hingga gersang tandus
Terhakis maruah bangsa

Dalam ribut nasionalisme bergelora
Terumbang-ambing warisan dan budaya
Muncul segelintir wira bangsa
Cekal berani mencabar seluruh Nusantara bergelora
Sambil menyeru hidup Melayu
Bangun bangsaku bangun
Bangun bersatu di sisiku
Kita bela bangsa
Kita bela nusa
Biar putih tulang
Jangan putih mata.

Kita tetap akan merdeka
Maruah bangsa pasti dibela
Kepada bapa dan ibu pejuang bangsa
Yang menguburkan Malayan Union melahirkan merdeka
Kami mencium tangan semua
Menjunjung kasih kepada semua
Kini di barisan veteran mereka berada
Berdiri teguh sentiasa rela
Mencurah jasa bila sahaja
Kepada mereka cinta berbangsa
Kerana tiada wujud istilah bersara
Malayan Union amat celaka
Hampir menelan ketuanan raja
Jika tiada UMNO yang membela
Hancur lebur ketuanan kita.

Kita anak merdeka
Patuh luhur Perlembagaan tercinta
Institusi raja kita membela
Demi lambang ketuanan bangsa
Kita berjuang bak kompang dipalu
Satu rentak satu nada yang jitu
Demi mengekalkan kekuasaan yang satu

Demi maruah bangsa Melayu
Maruah bangsa bukan untuk dijual beli
Maruah bangsa pantang dijudi
Kalaupun berat adalah tanggungjawab kita bersama
Tidak kira di mana, di bawah, di tengah mahupun di singgah-sana.

Kita berbicara bukan bergurau senda
Kita khuatirkan nasib bangsa
Di singgahsana bersemayamnya baginda
Amat disanjung rakyat jelata
Alangkah terkilan
Alangkah terasa
Jika Perlembagaan istana melanda
Zaman Hang Tuah zaman gemilang
Raja disanjung raja dijulang
Biar apa sahaja pendapat hulubalang
Namun Tuah tetap menjulang
Istana Melaka gempar bergema
Amuk Jebat membela maruah saudara tercinta
Alangkah wajar hukuman sejarah
Jebat digambarkan watak derhaka
Berwaspadalah wahai saudara
Jika kita terlalu leka
Bagi generasi yang menjelang tiba
Watak Jebat menjadi wira
Bingkisan ini pesanan hamba
Agar ditinta di pusara wira
Selera hati harus dijaga
Lantaran hanyut kuasa yang ada
Kita manusia hanya merencana
Yang menentukan ialah Yang Maha Esa
Kepada Allah kita berdoa
Agar UMNO terus berkuasa.

MASA DEPAN RAJA

PAHLAWAN Melayu yang terkenal, Hang Tuah, pernah berpesan bahawa Melayu tidak akan hilang di dunia. Berdasarkan pesanan itu bolehkah diandaikan bahawa sistem pemerintahan raja berperlembagaan Melayu yang diwarisi daripada monarki mutlak zaman Melaka, juga tidak akan hilang di dunia? Jawapan yang tepat pada persoalan itu hanya boleh dijawab oleh masa. Bagaimanapun jika pengalaman boleh dijadikan panduan satu kesimpulan boleh dibuat: prospek untuk pemerintahan beraja yang ada sekarang kembali semula kepada monarki mutlak dalam mana seorang raja memonopoli kuasa secara eksklusif adalah tidak mungkin. Kenyataan ini bukan sahaja benar bagi Malaysia, tetapi juga negara-negara lain.

Malah yang tidak ada masa depan bukan sahaja pemerintahan monarki mutlak, tetapi apa juga sistem pemerintahan yang memusatkan kuasa dalam genggaman satu orang yang dikenali sebagai pemerintahan diktator, kuku besi dan sebagainya. Hakikat bahawa pemerintahan komunis di negara-negara Eropah Timur telah digulingkan oleh revolusi-revolusi prodemokrasi prorakyat adalah bukti jelas bahawa rakyat terbanyak tidak akan membenarkan kuasa dalam sebuah negara dipegang oleh seorang tokoh yang berpengaruh dalam masyarakat.

Monarki mutlak melambangkan pemerintahan serupa itu. Ia tidak ada akauntabiliti pada rakyat. Oleh kerana itu ia ditolak. Dalam keadaan itu, jika ada kalangan kita yang beraangan-angan untuk mengembalikan pemerintahan raja berper-

lembagaan kepada monarki mutlak, mereka sebenarnya sedang bermimpi di siang hari. Tidak ada siapa yang akan membenarkan keadaan serupa itu wujud semula dalam abad ke-21 nanti.

Dalam keadaan itu, apakah pemerintahan raja berperlembagaan bukan sahaja di negara ini, tetapi juga di negara-negara lain yang masih mengamalkannya, masih mempunyai masa depan? Atau apakah sistem raja berperlembagaan juga akan mengalami nasib seperti monarki mutlak untuk lenyap begitu sahaja?

Seorang yang realistik sebenarnya akan menilai masa depan dan prospek raja berperlembagaan yang ada daripada dua sudut kemungkinan itu: Di satu pihak ia boleh bertahan, manakala di pihak satu lagi, ia mungkin berkubur. Yang mana satu jalan yang hendak dituju oleh sistem itu akan diperhitungkan oleh rakyat apabila tiba waktunya kelak tertakluk kepada penilaian mereka apakah sistem itu menguntungkan mereka atau sebaliknya merugikan mereka. Sekiranya kunci kira-kira mereka mendapati bahawa keuntungan mengatas kerugian, mereka sudah pasti mengekalkan sistem itu. Sebaliknya jika sesuatu sistem menjadi beban, rakyat terbanyak berkuasa menukarinya dengan satu sistem yang lebih sesuai. Malah sejarah manusia sejak dulu sampai sekarang dipenuhi dengan perubahan-perubahan itu. Bezanya pada satu ketika, perubahan terhadap sistem pemerintahan yang ada dibuat secara total. Perubahan ini disebut revolusi. Ini juga sudah banyak kali berlaku sebelum ini. Revolusi Perancis 1789, Revolusi Bolshevik 1917 dan Revolusi Republik Islam Iran 1979, masih segar dalam ingatan kita semua. Nasib yang dihadapi oleh Shah Iran, Czar Rusia, Raja Louis Perancis, Raja Idris Libya, Raja Farouk Mesir, dan banyak raja lain adalah testimoni pada hakikat bahawa pemerintahan beraja, tidak kira di mana adalah terdedah kepada berbagai-bagai kemungkinan.

Sesetengah raja bagaimanapun bernasib baik. Perubahan

terhadap kewujudan dan fungsi mereka dibuat secara evolusi—dari monarki mutlak kepada monarki berperlembagaan. Mereka mempertahankan kedudukan tetapi terpaksa mengorbankan kuasa eksklusif yang berada dalam genggaman. Mereka menerima hakikat bahawa mereka terpaksa memerintah negara bersama-sama rakyat. Hakikat bahawa raja berperlembagaan di beberapa negara Barat, seperti di United Kingdom, Belgium, Norway, Sweden, Luxembourg berjaya mempertahankan kedudukan tatkala revolusi berlaku di sekeliling mereka adalah bukti jelas bahawa raja berperlembagaan sebenarnya mempunyai masa depan yang cerah, jika mereka berpegang pada fungsi yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan.

Malah di England, pemerintahan raja berperlembagaan tetap disanjung tinggi. Di Eropah tidak ada bangsa yang sayangkan raja mereka seperti orang-orang Inggeris. Tatkala negara-negara Eropah lain yang masih mempunyai pemerintahan beraja tidak begitu mengagung-agungkan sistem itu, di Britain keadaannya adalah berbeza. Raja atau lebih tepat lagi Ratu Elizabeth II, yang bersemayam di Istana Buckingham sejak 1952, masih dipandang tinggi. Tidak ada gerakan serius yang berjuang untuk menentang pemerintahan beraja. Golongan antiraja yang menganggap sistem itu sudah lapuk dan statusnya sebagai ketua negara tidak tertakluk pada akauntabiliti demokrasi, adalah agak kecil. Gerakan yang ingin mewujudkan negara republik, sekalipun ada, tidak begitu berpengaruh.

Sebahagian besar rakyat tetap merasakan bahawa tidak ada sebab mengapa pemerintahan raja berperlembagaan harus ditamatkan kerana orang yang menduduki takhta Istana Buckingham pandai membawa diri. Bekas Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher pernah menyatakan bahawa bagi beliau ‘kerabat diraja Inggeris adalah harta yang paling bernilai bagi negara itu.’ Sebab utama yang disebut-sebut bagi meningkatkan populariti institusi raja di Britain ada kaitan dengan hakikat bahawa kerabat diraja tidak membuat kerena-

yang bukan-bukan. Memanglah sekali-sekala terdapat kerabat diraja yang bertindak keterlaluan, tetapi tindakan yang menjolok mata itu akan didedahkan dalam akhbar-akhbar dan tidak akan terlepas daripada dikritik. Malah tindakan kerabat diraja yang memandu keretanya melebihi had laju yang ditetapkan di sebatang lebuh raya telah menyebabkan lesennya digantung sejajar dengan kesalahan yang telah dilakukan.

Akhbar-akhbar di London, terutamanya akhbar popular, merupakan media yang paling gemar untuk mendedahkan keburukan yang dilakukan oleh keluarga diraja. Mereka akan membela keluarga diraja yang melakukan kesalahan cukup-cukup hingga akhbar-akhbar popular Inggeris itu tidak begitu disenangi oleh Istana Buckingham. Tetapi tidak ada apa yang boleh dibuat oleh pihak istana untuk menyekat kebebasan akhbar-akhbar berkenaan daripada meneropongi perbuatan sumbang keluarga diraja. Undang-undang membenarkan pendedahan itu. Keluarga diraja juga tidak dilindungi oleh undang-undang ketat untuk menutup perbuatan mereka yang tidak betul.

Ratu Elizabeth sendiri barangkali sedar bahawa dengan membenarkan akhbar-akhbar meneropongi gelagat keluarga diraja, perbuatan itu secara tidak langsung turut menyelamatkan institusi itu. Apabila gelagat keluarga diraja terutama yang boleh mencemarkan pemerintahan beraja cuba ditutup menggunakan keistimewaan undang-undang seperti yang berlaku di negara-negara lain, maka raja merasakan mereka boleh berbuat apa sahaja dan tiada pihak yang berani menegurnya. Perbuatan itu akhirnya membawa kepada kejatuhan sistem beraja itu sendiri. Hal ini nampaknya cuba dielakkan daripada berlaku di Britain.

Di negara ini, berdasarkan petanda yang ada, pemerintahan raja berperlembagaan, juga mempunyai masa depan yang cerah. Sekalipun dari masa ke masa kedudukan raja dibincangkan secara terbuka oleh rakyat seperti yang terjadi sepanjang

1990 ekoran campur tangan seorang raja dalam politik dan juga pada 1983, tidak ada gerakan serius untuk menamatkan pemerintahan raja berperlembagaan yang sedia ada. Meskipun raja-raja telah ditegur, tetapi teguran itu bertujuan membina dan bukan menghancurkan. UMNO sendiri yang telah menyelamatkan raja dan sistem raja daripada ditelan oleh Malayan Union pada 1946, telah membuat ikrar yang jujur dan berterus terang bahawa ia akan mempertahankan institusi raja berperlembagaan. Darjat dan martabatnya tidak akan direndah-rendahkan. Sebaliknya seperti yang berulang kali ditegaskan oleh perdana menteri, yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, selagi parti itu mendukung kerajaan, kedudukan raja-raja Melayu bukan sahaja terjamin, tetapi akan diperkuuhkan dari masa ke masa. Sudah tentu jaminan bukan jaminan kosong. UMNO sudah membuktikan komitmennya yang tidak pernah luntur terhadap sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.

Bagaimanapun tersurat di sebalik komitmen yang dibuat oleh para pemimpin UMNO dan kerajaan itu ialah sistem raja berperlembagaan yang ingin dipertahankan itu mestilah benar-benar berpegang pada perjanjian yang telah dibuat, iaitu raja-raja Melayu akan bertindak mengikut nasihat seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan baik di peringkat persekutuan maupun di peringkat negeri. Mesejnya di sini ialah: Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah. Mesej ini membayangkan bahawa bangsa Melayu khususnya mempunyai kesayangan dan kecintaan yang amat tinggi terhadap raja-raja mereka. Dan mereka akan berbuat apa sahaja untuk mempertahankannya.

Memanglah dari masa ke masa timbul pergeseran antara rakyat dengan raja mereka seperti yang pernah berlaku di Perak, Pahang, Kelantan, Selangor dan juga di peringkat persekutuan pada 1983. Tetapi pergeseran itu tidaklah menjadi satu krisis yang telah mengakibatkan kedua-dua pihak berte-

lagah sehingga boleh mengancam sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen itu. Bagaimanapun sekiranya pergolakan-pergolakan serupa itu tidak dikawal, masa depan pemerintahan raja berperlembagaan mungkin terancam. Tetapi syukurlah sesuatu yang tidak diingini tidak berlaku. Kesedaran pada kedua-dua belah pihak—istana dan rakyat akan tanggungjawab masing-masing telah membolehkan luka-luka yang ada sembuh semula.

Tidak perlu diingatkan bahawa masa depan raja berperlembagaan di negara ini, dan juga di negara-negara lain, akan ditentukan oleh dua faktor: penerimaan rakyat dan gelagat raja-raja itu sendiri. Sekiranya majoriti rakyat menerima bahawa kehadiran institusi raja membawa faedah, pemerintahan beraja akan mempunyai masa depan yang selamat. Begitulah sebaliknya jika rakyat merasakan pemerintahan beraja sudah menjadi beban, mereka tidak teragak-agak untuk menyisihkannya.

Di negara ini, secara terbuka, masih belum ada kecaman atau kritikan yang pedas terhadap raja-raja Melayu. Di negara-negara Barat yang mengamalkan pemerintahan yang sama, kecaman terhadap raja mereka adalah perkara biasa. Di negara-negara itu, tuduhan dan dakwaan bahawa institusi raja adalah satu pembaziran wang rakyat, mereka tidak tertakluk kepada akauntabiliti demokrasi dan sebagainya sudah menjadi satu kelaziman yang tidak dapat dibantah. Untungnya, di negara ini, tuduhan-tuduhan serupa itu tidak ada. Sebahagianya disebabkan oleh adanya undang-undang yang melarang kedudukan raja diperkatakan secara terbuka kerana ia akan dianggap sebagai perbuatan menghasut di bawah Akta Hasutan, dan sebahagian lain disebabkan oleh rakyat yang benar sayang dan kasihkan raja mereka. Dilihat dari sudut kedua itu, raja-raja kita sebenarnya tidak perlu merasa bimbang terhadap masa depan mereka. Perasaan bahawa raja merupakan satu simbol perpaduan masih tebal. Pandangan bahawa raja-raja

menjadi pelindung pada masyarakat berbilang kaum masih tinggi. Tidak ada siapa yang boleh memadamkan perasaan itu. Sekiranya raja-raja Melayu kekal dengan fungsi yang ditetapkan dan diharapkan daripada mereka, perasaan itu akan kekal hingga bila-bila.

Tetapi tatkala masyarakat semakin matang dan bertambah kritikal seperti yang terjadi di Barat, memang tidak dapat dilakukan rakyat daripada memperkatakan raja-raja mereka. Hakikat ini perlu diterima dan jangan dipandang dengan kaca mata yang berprasangka. Lagipun seperti yang dijelaskan oleh peguam Zaid Ibrahim, yang dilarang oleh Akta Hasutan ialah untuk rakyat memperkatakan sesuatu yang bertujuan untuk mengaibkan institusi raja. Sekiranya kritikan dibuat dengan tujuan membina, perbuatan itu memang tidak dilarang, tetapi digalakkan.

Barangkali untuk mengelakkan kesangsian, ada baiknya kerajaan menghitamputihkan fungsi sebenar raja supaya bidang-bidang yang sekarang dianggap masih kelabu dan kabur boleh dijelaskan. Perhimpunan tahunan UMNO 1990 yang menghabiskan dua hari untuk membahaskan campur tangan istana dalam politik, juga mencadangkan perkara yang sama. Peguam-peguam Perlembagaan melihatnya sebagai satu prospek yang boleh menjadi kenyataan di bawah kerajaan pimpinan Dr. Mahathir.

Tidak patut diambil salah sangka apabila dicadangkan supaya rakyat diizinkan untuk memperkatakan raja mereka secara terbuka seperti yang telah dibuat di Britain. Sebabnya, terdapat sudut-sudut positif dalam cadangan itu. Pengalaman di Britain boleh digunakan untuk memperkuatkan hujah ini. Di sana akhbar-akhbar dibenarkan untuk meneropongi kegiatan Ratu Elizabeth dan kerabat diraja yang lain. Perbuatan yang dianggap menyeleweng didedahkan. Pendedahan itu diterima secara positif. Kesannya ia memperkuatkan institusi-institusi raja itu sendiri.

Penghormatan rakyat terhadapnya menebal. Sekiranya perbuatan yang dianggap menyeleweng oleh Ratu Elizabeth dan kerabatnya cuba ditutup, ia akan menjadi bom waktu yang menunggu masa untuk meletup. Perasaan sebenar rakyat terhadap raja mereka tidak diketahui.

Apabila bom kebencian rakyat meletup seperti yang terjadi dalam Revolusi Perancis, Revolusi Bolshevik, Revolusi Islam Iran, masanya sudah terlambat untuk menyelamatkan pemerintahan beraja. Pemerintahan beraja digulingkan dan simpati rakyat terhadap sistem beraja juga menurun. Kita mesti mengelakkan pengalaman seumpama itu daripada terjadi di negara ini.